



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

**PENGGAL PERTAMA**

**MESYUARAT KETIGA**

---

**SHAH ALAM, 22 NOVEMBER 2013 [ JUMAAT ]**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Tuan Iskandar bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Sallehen bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Halimah binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)  
**(Timbalan Speaker Dewan Negeri)**

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Amirudin bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah (Bangi)

Y.B. Tuan Lee Chin Cheh (Kajang)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Abdul Shukur bin Haji Idrus  
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Tuan Sulaiman bin Abdul Razak  
S.M.S., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimatun Saadiah binti Bohan  
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Haji Abdul Malik P.J.K.  
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif (Dengkil)

### **TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman, DPMS., SIS.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

### **TIDAK HADIR**

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini binti Darmin  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Puan Noor Asdiana binti Abd Kadir  
**Ketua Penolong Setiausaha**

Puan Mazian binti Manan  
**Penolong Setiausaha**

Puan Noor Diana binti Razali  
**Penolong Setiausaha**

Encik Zawawi bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha**

Puan Siti Salina binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

Encik Ismail bin Habib  
**Bentara**

Puan Hajah Noridah binti Abdullah  
Encik Ahmad Hafizan bin Yusoff  
**Pelapor Perbincangan**

[ Dewan disambung semula ]

[ Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat ]

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahi Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat t Ketiga Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Ketiga belas pada hari yang keempat 22 November, 2013 dimulakan dengan bacaan Doa.

**I. DOA**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**TUAN SPEAKER:** Selamat Pagi saya ucapkan kepada semua. Sebelum saya meneruskan mesyuarat saya ingin memaklumkan bahawa Draf Penyata Sidang Dewan akan diedarkan melalui e-mel. Sila sahkan e-mel Yang Berhormat sekalian di borang yang diedarkan oleh Urus setia untuk memudahkan penghantaran draf penyata tersebut. Justeru itu saya mohon agar semua Yang Berhormat dapat menyemak e-mel masing-masing untuk semakan kenyataan Yang Berhormat sekalian. Sebarang pembetulan kenyataan Yang Berhormat perlu di e-melkan atau dimaklumkan semula secara *hard copy* kepada Urus setia Dewan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dipohon meninggalkan borang pengesahan e-mel tersebut di atas meja masing-masing. Urus setia akan mengutip semula borang-borang tersebut.

Soalan seterusnya Bangi, tidak hadir. Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih Puan Speaker, Soalan No. 50.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(BUKIT GASING)**

**TAJUK: DENGGI**

50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah strategi Kerajaan Negeri untuk menghapuskan tempat pembiakan denggi yang mungkin ada di rumah atau bangunan terbiar?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Bukit Gasing. Tuan Speaker, Bukit Gasing ingin bertanya tentang Denggi di Selangor. Kerajaan Negeri telah dan akan terus melaksanakan Program Gempur Aedes di seluruh Selangor dalam usaha menurunkan kadar kes denggi yang begitu meningkat ketika ini. Ia turut melibatkan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, Lembaga Perumahan Hartanah Selangor serta

kesemua 12 PBT iaitu Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Selangor dan sentiasa memantau dengan mengadakan Mesyuarat Mingguan sepanjang bulan November ini. Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan Kempen Kawalan Denggi bermula bulan November sehingga ada indikasi, indikasi kes denggi menurun dengan melaksanakan pelbagai program di PBT antaranya Gotong-royong Perdana, Ayuh Gempur Aedes secara serentak pada 10 November yang lalu di seluruh 12 PBT di seluruh negeri Selangor. Ianya dilaksanakan bersama Menteri Besar sendiri dan juga EXCO-EXCO yang lain. Ayuh Gempur Aedes ini menumpukan aktiviti gotong-royong di kawasan-kawasan 'hot spot' Kerajaan Negeri juga telah merancang supaya kempen ini dapat berjalan dengan efektif dan berperingkat iaitu dengan melaksanakan Program Kawalan Denggi di kawasan-kawasan komersial, rumah kedai dan kawasan tumpuan ramai pada minggu kedua. Seterusnya minggu ketiga kawasan pangsapuri dan bangunan strata serta di kawasan kediaman pada minggu keempat. Selain daripada itu strategi untuk turut dirancang bagi menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk ini di kediaman atau di bangunan terbiar. Pihak PBT akan membuat pemeriksaan ke premis-premis dan rumah-rumah dan mengenal pasti pemilik premis serta bangunan terbiar dan arahan pembersihan dikeluarkan kepada mereka. Dalam masa yang sama sebagai langkah pencegahan pembiakan jangka masa pendek, pihak kesihatan akan menjalankan aktiviti *larviciding* bagi membunuh jentik-jentik di kawasan yang berpotensi.

Keduanya mengeluarkan kompaun kepada pemilik premis di mana terdapat tempat pembiakan nyamuk aedes dijumpai di samping arahan pembersihan dan pemusnahan dikeluarkan.

Ketiga, cadangan tindakan pembersihan juga dilakukan oleh pihak Berkuasa Tempatan dan mengenakan caj kepada pemilik premis.

Motor Kebersihan Setiap Hari, Setiap Masa Dan Di mana Jua serta kempen Sepuluh Minit Sekali Seminggu terus dilaksanakan.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ya Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih atas usaha-usaha yang telah dilakukan. Saya ingin mohon sedikit penjelasan kepada pemilik rumah yang enggan membenarkan pegawai majlis masuk ke rumah untuk memeriksa tempat pembiakan. Apakah langkah yang kita buat supaya dapat memeriksa dan memastikan tiada pembiakan nyamuk aedes ini di dalam premis tersebut dan bagi rumah terbiar di mana tak dapat jumpa *owner* dia di mana bangunan pun sudah separuh roboh. Macam mana kita pastikan tiada pembiakan di dalam bangunan tersebut? Cukup banyak rumah sebegitu di Petaling Jaya.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Bukit Gasing. Tuan Speaker, untuk pemilik kediaman yang tidak membuka pintu rumah mereka buat masa ini, pihak

PBT dan juga penguat kuasa tidak dapat untuk melaksanakan tugas mereka dan untuk rumah-rumah yang terbiar pihak PBT memberikan notis dan juga membuat cadangan pembersihan untuk kawasan-kawasan tersebut tetapi akan mengenakan caj kepada pemilik premis tersebut.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Jadi adakah itu bermaksud jika seorang pemilik rumah ini hendak elak daripada mungkin kena saman RM500.00 kerana ada pembiakan. Dia hanya cuba menghalang pegawai masuk itu cukuplah untuk dia mengelak daripada risiko kena saman. Kalau begitu amat bahaya sebab nanti semua pemilik rumah takkan benarkan pegawai majlis masuk ke dalam rumah.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Di bawah Undang-undang PBT, pihak PBT, Pihak Pegawai Kesihatan daripada PBT boleh memberikan saman kepada pemilik premis tersebut.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih Puan Speaker, soalan tambahan. Nampaknya di Selangor ni denggi masih merupakan yang tertinggi. Punca denggi ini ialah pembiakan nyamuk aedes dan nyamuk aedes ni membiak dalam kawasan air yang tenang. Dalam jawapan persidangan yang lepas EXCO berkenaan telah memberi jawapan bahawa salah satu dari punca denggi di negeri Selangor ialah penyelenggaraan sistem perparitan dan longkang-longkang di PBT yang tidak sempurna. Jadi pertanyaan saya ialah ini dah berlalu begitu lama, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak PBT dalam memastikan bahawa sistem perparitan dan longkang diselenggarakan dan berapa banyak sebenarnya bajet yang disediakan untuk penyelenggaraan memastikan bahawa sistem-sistem parit dan longkang ini disempurnakan bagi memastikan masalah pembiakan nyamuk aedes ini tidak berpanjangan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Tuan Speaker, terima kasih Sungai Panjang Sungai Burong. Minta maaf terima kasih Sungai Burong. Untuk penyelenggaraan longkang-longkang di PBT buat masa kini pihak PBT banyak melaksanakan penyelenggaraan longkang-longkang untuk mencegah berlakunya kawasan-kawasan yang menjadi apa ni tersumbat juga menjadi kawasan pembiakan nyamuk aedes. Tetapi buat masa sekarang apa yang berlaku adalah antaranya adalah disebabkan oleh keadaan cuaca dan juga kebersihan kawasan.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Penjelasanlah saya ingat cuaca sebenarnya kalau cuaca penjelasan ya, kalau cuaca maksud macam mana adakah



kerana hujan lebat ke atau pun cuaca kering ke yang menyebabkan pembiakan nyamuk.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Ok, terima kasih Sungai Burong. Cuaca ini yang mana hujan waktu sekarang adalah musim hujan dan apabila turun hujan maka banyak kawasan-kawasan yang bertakung dan nyamuk aedes ini dia tidak mengira tempat, dia boleh bertelur di kawasan yang dalam takungan yang sebanyak 5 cc sahaja itu sebesar apa ni satu sudu teh dan jentik-jentik boleh hidup di situ dan inilah dalam masa 7 hari jentik-jentik ini membesar dan akan menjadi nyamuk dan inilah dia kitaran nyamuk aedes. Jadi bermakna cuaca memang menyumbang kepada pembiakan nyamuk aedes apabila kawasan-kawasan atau pun sampah-sampah terbiar atau pun kawasan-kawasan yang boleh menakung air ini walau pun dalam kuantiti yang sedikit tetapi nyamuk boleh bertelur dan boleh menetas menjadi jentik-jentik dan juga untuk pengetahuan Sungai Burong telur nyamuk aedes ini boleh bertahan selama 6 bulan. Dan dalam musim kering dia tetap hidup dan apabila turunnya musim hujan maka ia akan menetas dan menjadi jentik-jentik.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Ada dua yang tak dijawab yang pertama dia kata banyak. Saya ingat jawapan banyak ini tak sesuai. Banyak operasi telah dijalankan untuk penyelenggaraan. Kita kena jawab tepatlah...misalnya penyelenggaraan itu dilakukan di mana, jumlahnya, bajetnya tadi pun tak dijawab lagi. Yang kedua sebenarnya hujan ni membantu sebenarnya untuk *clear* longkang-longkang ni. Membersihkan lagi di kawasan tu sebab nyamuk ni membiak di kawasan bertakung. Jadi bila hujan ni mana yang tersumbat airnya jadi melimpah banjir yang ini buat lagi apa orang kata membantu menyelesaikan apa tindakan.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Minta penjelasan

**TUAN SPEAKER:** Tunggu sekejap ya. Teratai saya minta Yang Berhormat Sementa jawab soalan Sungai Burong dulu.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima Sungai Burong, terima kasih Tuan Speaker, untuk bajet pembersihan ini adalah di bawah kawalan pihak Berkuasa Tempatan. Jadi saya tidak boleh memberikan nilai bajet dikeluarkan.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Yang Berhormat Sungai Pinang akan beri jawapan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya, Tuan Speaker sebab soalan ini berkenaan dengan PBT dan sebenarnya saya yang mempengerusikan Jawatankuasa Khas untuk menangani masalah denggi dan kita telah pun adakan mesyuarat mingguan dalam bulan November ini dan apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Sementa itu benar sebenarnya. Apa yang kita dimaklumkan dalam mesyuarat itu oleh Jabatan Kesihatan adalah bahawa sebenarnya tempat pembiakan nyamuk aedes ni bukannya di longkang, dia di tempat-tempat yang bertakung termasuk di pangsapuri di mana disebabkan kecacatan bangunan. Banyak tempat dia bertakung air sebab itulah di Petaling, Daerah

Petaling umpamanya. Tempat *hot spot* untuk denggi ini adalah di Mentari Court, Mentari Court tu dia semua adalah pangsapuri.

Jadi dia air bertakung. Jadi dengan sebanyak 5 c.c. sahaja air dia membiak. Dan telur dia bertahan enam bulan. Belum lagi, nanti-nanti dulu, ah... sabar-sabar. Bajet sebab itu tak perlu bajet *special*, kita dah mempergiatkan, kita dah mengadakan satu kempen intensif di mana mengikut laporan yang saya perolehi dalam mesyuarat yang di adakan pada hari semalam. GM dia jumlah rumah yang diperiksa setiap hari adalah hampir 2,000 dan begitu juga di kawasan-kawasan lain, termasuk tempat yang ada lalang pun kita bersihkan di Selayang. Jadi dah kita intensifkan ini dan sekarang ini dimaklumkan juga Jawatankuasa memaklumkan bahawa walaupun kadar, kadar demam denggi tinggi, paling tinggi di seluruh negara adalah di Selangor tujuh belas ribu, tujuh belas seratus tujuh puluh apa ini, tujuh belas satu tujuh satu tujuh dua. Itu jumlah nya. Tujuh belas ribu kes. Tapi kadar kematiannya walaupun ada setakat ini tujuh belas orang yang mati akibat demam denggi tapi dari segi kadar yang menjangkiti demam denggi ini dengan kadar kematian itu Selangor yang paling rendah. Kita jangan tengok jumlah yang kena, tapi kita yang penting kita pastikan tak ada kematian. Itu dah kita lakukan. Di longkang-longkang ini di musim tengkujuh ini sebenarnya yang tersumbat ini tak sumbat sebab dia ambil masa. Nyamuk bertelur nak sampai jadi jentik-jentik dia perlu masa. Jadi disebabkan sekarang musim tengkujuh jadi di longkang tiada masalah jadi air datang dia bersihkan tu. Cuma masalah dia bertakung di tempat-tempat. Termasuk dulunya kita ingatkan di tempat tapak pembinaan itu tempat yang paling serius tetapi sebenarnya tidak. Itu tanggapan dulu. Tapi selepas kajian didapati sebenarnya di tempat pembinaan ini boleh dikawal dan orang yang keluar masuk tak banyak dan juga dilantik *PCO Pest Control Organisation*. Dia ada tugas untuk menjaga. Tapi di tempat-tempat di mana ada sampah, ada sampah, ada rumput yang tinggi, ada sampah tak nampak. Itulah tempat yang kita nak bersihkan.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Masih ada soalan tambahan Sg. Burung. Sri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMARA A/L ARULANANDAM:** Terima kasih ni. Saya nampak dua EXCO kena jawab soalan denggi di dalam negeri Selangor ya. Saya ingat, saya ingat macam ini ya. Saya minta EXCO berkenaan

**TUAN SPEAKER:** Sri Andalas soalan tambahan.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMARA A/L ARULANANDAM:** Ya, ya. Adakah undang-undang yang boleh digunakan di bawah PBT untuk masuk rumah-rumah yang telah ditutup dan tidak dibuka. Boleh. Jika tak ada pihak PBT dengan penguatkuasa masuk ke rumah-rumah ini sebab tahukan saya ada satu akta itu ada tapi boleh digunakan atau tidak boleh digunakan. Itu saja.

**TUAN SPEAKER:** Boleh digunakan. Yang Berhormat Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Seri Andalas, ya boleh digunakan.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing dulu.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Menjurus balik kepada isu asal, soalan asal berkenaan rumah terbiar, saya mohon penjelasan dengan maklumat barulah ada memang adanya undang-undang untuk masuk ke rumah, kenapa PBT tidak cepat-cepat masuk kepada rumah terbiar ini untuk memastikan tiada pembiakan di dalam rumah-rumah ini. Dan satu lagi yang ditanya tadi yang belum lagi dijawab dan saya amat setuju dengan penjelasan Sungai Pinang tadi tetapi macam mana kita menangani rumah-rumah yang tidak membenarkan pegawai penguatkuasa kami untuk memasuki ke dalam rumah. Adakah kita akan pecah masuk atau pun kita akan hormat dia dan pergi ke rumah sebelah.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sungai Pinang.

**Y.B. DATO TENG CHANG KHIM:** Ya, sebenarnya rumah terbiar ini Bukit Gasing dari hari pertama masih rumah terbiar. Ya rumah terbiar, rumah itu terbiar oleh pihak pemilik tapi bagi pihak penguatkuasa tak ada soal terbiar kalau terpaksa kita ambil tindakan, ambil tindakan. Setakat ambil tindakan, siapa-siapa yang menghalang kita memasuki rumah nya ia menjadi satu kesalahan di bawah *Final Court* itu sendiri, kita lapor polis boleh di penjarakan. Tapi kita tak pergilah tahap itu. Kita masih menasihati rakyat kerana kerajaan mesra rakyat. Sebab itu kita seboleh boleh melakukan jadi sekarang kita mengambil sikap yang serius tak pernah dulu zaman tahun 2008 masa itulah sebenarnya rekod demam denggi paling tinggi, lebih tinggi dari sekarang. Sepatutnya EXCO pada masa itu lebih tahu. Tapi sekarang ini kita lain, ambil sikap lain. Pada 30 Oktober, 30 Oktober, 30 Oktober pada semasa kita ada mesyuarat EXCO bila kita di beri taklimat oleh jabatan Kesihatan negeri bahawa kes demam denggi sedang meningkat. Pada hari keesokan kita sudah panggil semua pegawai dan pada mesyuarat 31 Oktober kita telah tetapkan dah tetapkan untuk bulan November ini kita buat kempen intensif satu bulan dan pada 10 hari bulan itu kita sudah buat kempen gotong royong yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar. Itu caranya itulah keselesaan kita tunjukkan, dan setiap minggu kita panggil, setiap minggu hari semalam pukul 8.15 ada Yang Berhormat belum bangun lagi kita telah mesyuarat untuk memastikan tempatkan ini. Itu seriusnya dan jawatankuasa itu dipengerusikan oleh dua orang EXCO, saya dengan Sementa. Ha... itu cara kita menangani nya. Tapi walau bagaimanapun kami dimaklumkan juga bahawa kalau mengikut keadaan sekarang ini dia mungkin akan memecah rekod tahun 2008. Sebab ini akhir tahun jadi disebabkan musim hujan ini jadi dan bertambahnya pangsapuri dan bertambahnya sampah sebab itu kita dah arahkan tindakan yang segera di ambil memastikan kekerapan pungutan sampah termasuk di tempat-tempat awam termasuk juga kita sekarang ini menjalankan pemeriksaan restoran-restoran yang merupakan puncanya dan di Selangor ini disebabkan kepadatan penduduk jadi wabak itu senang merebak. Sebab 5.6 juta penduduk di Selangor tempat beli belah banyak tempat restoran banyak sebab itu dia merebak susah dikawal dan bertambah lagi kita ada penduduk luar

Selangor, ramai pelajar, pelajar universiti di Selangor, ramai juga pekerja asing yang tidak dikawal oleh kerajaan pusat masuk Selangor juga. Jadi oleh sebab itu dia rebak keadaan dia lain dengan negeri lain. Kalau kita nak banding dengan negeri Negeri Sembilan, ya, nak bandingkan dengan Terengganu nak bandingkan dengan Perlis, sudah tentu kata orang pergi di situ. Pelaburan datang sini, pekerja datang sini, sebab itu dia keadaan kita lain. Jadi kita pun mesti ada pematuhan yang baru untuk bagaimana kita nak buat nak kawalkan keadaan ini. Kita dah melibatkan COMBI ha COMBI Communication apa tu impak *behavior* impak gunakan cara United Nation, UNESCO, COMBI kita lantik COMBI buat kempen hari-hari. Jadi mungkin di Kuala Selangor tu, ataupun di Sabak Bernam kurang sedikit kerana disitu memang keadaan kampung dan keadaan bandar lain. Kita di sebabkan keadaan perbandaran itu meningkat dengan begitu cepat dan baru ini kerajaan pusat pun dah luluskan majlis kebangsaan, majlis Negara yang telah meluluskan projek-projek yang melebihi 100 hektar itu baru-baru ini di Putrajaya yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri itu sendiri meluluskan lapan projek yang besar yang melebihi 100 hektar, lapan projek ini satu datangnya dari Kelantan yang tujuhnya datang dari Selangor. Itulah begitu pesatnya lebih lima ribu ekar tanah akan dibangunkan dalam tempoh dua hingga lima tahun akan datang dan jumlahnya ha besar, jumlahnya besar tiga perpuluhan, tiga puluh lapan.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Tuan Speaker ini dah-dah tak ada berkaitan dengan soalan dibangkit.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah sudah dapat informasi cukup untuk denggi saya cakap duduk-duduk. Seri Andalas saya minta duduk dulu.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Begitu pesatnya kenapa kita punya kes itu lebih sebab nombor kedua yang demam denggi ini di Johor. Johor hanya empat ribu lebih, kita tujuh ribu. Perbezaannya disebabkan keadaan ini pembangunan yang begitu pesat. Saya harap semua pihak faham khususnya EXCO, bekas EXCO pun kena faham. Mantan EXCO pun kena faham.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMARA A/L ARULANANDAM:** Saya ingat Tuan Speaker, kita faham tiada masalah kalau tengok fakta-fakta yang ada dari 2000 sampai kita pun ada menurunkan kes-kes denggi begitu juga di dalam negeri Selangor. Bukan baru-baru sahaja. Ini sangat fakta-fakta yang telah digunakan.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah. Ada soalan tambahan lagi. Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAW WENG SAN:** Saya nak bertanya Tuan Speaker iaitu mengikut apa yang di bentang oleh kedua-dua orang EXCO kita ini nampaknya masalah hakiki adalah sikap penduduk, sikap pemilik rumah itu sendiri. Jadi saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri Selangor kalau Kerajaan Negeri Selangor mesra rakyat, kalau sekadar mesra rakyat tak cukup kalau kita mesra rakyat, mesra rakyat, mesra rakyat saya minta pendapat daripada kerajaan, adakah kerajaan akan menggunakan cara yang lebih drastik dan menghukum mereka yang tidak membenarkan penguatkuasa untuk

menyemak rumah mereka dan mengenakan kompaun yang lebih tinggi terhadap orang-orang ini kerana kalau kita mesra dengan mereka yang lain kena. Saya ingin minta pendapat daripada EXCO yang berkenaan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya, Tuan Speaker sebenarnya kes di mana penduduk tidak membenarkan penguatkuasa memasuki rumah itu tidak berapa serius. Adalah kadang-kadang ada orang nak besarkan perkara yang kecil. Perkara kecil ada orang nak besarkan tapi sebenarnya ada bukan tak ada. Tapi tak sampailah kita nak ambil tindakan yang keras. Kita dah banyak ambil tindakan yang keras termasuk *cybercafe*. Kita nak buat undang-undang baru termasuk yang pelupus sampah. Pelesenan tempat operator lupus sampah, tempat membuat sampah, tempat melupus sampah kita pun dah buat yang serius. Tapi tak akanlah perkara yang seperti ini bila kita nak jalankan kempen kita cuba dalam masa yang tersingkat kita nak sampai kepada semua pelosok, seluruh pelosok kita nak sampai. Jadi tak akan kita nak gaduh dengan orang sebab dia tak bagi masuk tak benarkan masuk rumah. Banyak lagi rumah yang kita kena masuk. 2,000 rumah setiap hari, kalau disebabkan kita nak gaduh dengan seorang dua, dan kita kejar tak sampai, lebih banyak nyamuk dia apa tu membiak di tempat yang lain, yang sepatutnya kita pergi, kita tak pergi sebab kita gaduh dengan orang tak bagi masuk rumah. Jadi bukan semestinya rumah dia ada. Jadi itu lah caranya *approach*nya pendekatan tu kita mesra dulu, kita seboleh-boleh mesra, kalau tak boleh kita bawa ambil tindakan. Sudah tentu tidak kita tidak kompromi ya dengan orang-orang yang tidak mematuhi undang-undang. Ha itu caranya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah soalan seterusnya. Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan 51.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM**

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah garis panduan yang ada bagi memilih tapak bagi pembinaan Rumah Ibadat untuk Bukan Islam? Nyatakan prosedur permohonan
- b) Bagaimanakah pemantauan dibuat bagi memastikan pembinaan rumah ibadat tersebut tidak melanggar syarat-syarat yang ditetapkan.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Taman Medan. Tuan Speaker, Taman Medan ingin tahu apakah garis panduan yang ada bagi memilih tapak bagi pembinaan rumah ibadat untuk bukan Islam

dan juga bagaimana pemantauan dibuat bagi memastikan pembinaan rumah ibadat tersebut tidak melanggar syarat-syarat yang ditetapkan. Soalan pertama jawapannya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat pada tahun 2011 Kerajaan Negeri Selangor telah memutuskan supaya kelulusan permohonan tanah-tanah untuk rumah ibadat selain Islam di negeri Selangor di beri secara pewartaan kepada rumah ibadat selain Islam. Permohonan pewartaan tanah ini adalah tertakluk di dalam kanun Tanah Negara di bawah Seksyen 62 di mana pegawai pengawal tanah yang dimohon adalah Setiausaha Kerajaan Negeri dan diurus tadbir oleh persatuan atau pemegang amanah yang memohon. Berdasarkan manual garis panduan piawaian perancangan Negeri Selangor pemilihan tanah-tanah untuk rumah ibadat selain Islam adalah seperti berikut:

- 1) Rumah Ibadat selain Islam hendaklah didirikan di tengah-tengah kelompok masyarakat berkenaan.
- 2) Pembangunan di premis kedai atau kediaman adalah tidak dibenarkan kecuali terbukti tiada tanah atau kawasan yang sesuai untuk tujuan tersebut. Ia dijalankan secara dengan izin *case by case* tertakluk kepada tidak timbulnya kacau ganggu kepada penghuni sekitar dan keputusan PB.
- 3) Tidak dibenarkan dibina di kawasan lapang dan tidak boleh ditempatkan di sekeliling loji kumbahan atau pencawang TNB.

Tuan Speaker, selain itu di dalam garis panduan hal ehwal selain Islam turut menetapkan bahawa keluasan tanah rumah ibadat selain Islam sama ada disediakan oleh kerajaan atau pemaju ditetapkan tidak melebihi 10,000 kaki persegi. Walau bagaimana pun Jawatankuasa Hal Ehwal selain Islam boleh mempertimbangkan keluasan melebihi 10,000 kaki persegi berdasarkan kes-kes tertentu.

Bagi soalan kedua, Tuan Speaker, kerajaan Negeri melalui PBT-PBT akan membuat pemantauan di tapak dan akan memastikan pembinaan rumah ibadat bukan mematuhi syarat-syarat kelulusan seperti ketinggian bangunan, anjakan bangunan, penyediaan kemudahan tempat letak kereta dan lain-lain syarat. Pelan-pelan tersebut disahkan berdasarkan syarat yang berkaitan. Sekiranya binaan tidak menepati pelan, pihak PBT akan memberi notis di bawah Seksyen 70 (13) (d) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 Akta 133 dalam tempoh 14 hari untuk mengemukakan pelan pindaan atau merobohkan bahagian yang tidak menepati syarat, dan jika gagal mematuhi notis tersebut, PBT akan mengeluarkan kompaun di bawah Seksyen 70 (13) (d) akta yang sama.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Hah, bagaimana Jawatankuasa memastikan prosedur ataupun syarat-syarat pembinaan rumah Ibadat bukan Islam ini

diketahui oleh umum, sebab kita dapati banyak tempat-tempat yang dipilih untuk membina kuil-kuil ataupun rumah ibadat yang baru.

Yang Keduanya, terdapat pandangan ataupun rasa tidak berapa selesa apabila isu kuil ini dibangkitkan, sebab ini satu isu yang sensitif jadi terdapat majlis-majlis yang enggan mengambil tindakan seperti menghantar notis empat belas (14) hari kemudian merobohkan bahagian-bahagian yang tidak berkenaan kerana mereka selalunya akan merujuk semula kepada kerajaan negeri untuk mengambil tindakan seterusnya, jadi ini merupakan satu proses yang melambatkan tindakan, itu satu dan juga menimbulkan keresahan di dalam masyarakat, mohon penjelasan.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih Yang Berhormat Taman Medan, selalunya isu pertama yang telah dibangkitkan prosedur permohonan tersebut memang setiap permohonan itu melalui pejabat tanah di daerah dulu, so setiap pemohon itu untuk mendapatkan pewartaan tanah tersebut perlu melalui Pejabat Tanah so, perkara-perkara berkenaan tentang prosedur permohonan semua tertakluk di situ, dan mereka dapat juga dari masa ke semasa melalui *Malaysian Hindu Sanggam* juga menghebohkan cara-cara permohonan ini semua dalam media massa, ini untuk jawapan soalan tadi, dan juga kepada isu pelaksanaan penguatkuasaan terhadap binaan yang tidak mengikut peraturan, perlu difahami dulu, pewujudan rumah ibadat selain bukan Islam ini bukan hanya masa kini, ia telah diwujudkan berpuluh dekad-dekad yang lalu disebabkan tiada rancangan yang khusus untuk pembinaan rumah ibadat bukan Islam.

Maka wujudlah di kawasan-kawasan seperti PBT di mana tanpa rancangan yang khusus telah wujudnya rumah-rumah bukan Islam ini seperti kuil, tokong juga gereja, telah wujud tanpa pelan yang diakui ataupun tanpa kelulusan daripada PBT mahupun pejabat tanah, maka apabila kita nak buat penguatkuasaan terhadap pembinaan yang tidak mengikut peraturan ini adalah sukar, perlu juga sebagai Pakatan Rakyat yang mesra rakyat, yang menghayati hasrat semua kaum dan agama perlu mengambil kira sensitiviti setiap kaum di kawasan tersebut, setiap agama tersebut, maka bukan begitu mudah-mudahan mengarahkan PBT mengambil tindakan perobohan secara berterusan.

Kami di Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam masih lagi mengkaji balik draf prosedur perobohan ataupun pemindahan Rumah Ibadat Bukan Islam masih lagi dalam perbincangan, belum diakui lagi, maka kami akan menggunakan prosedur ini nanti apabila diputuskan dan diterima pakai oleh Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam akan dihebohkan atau akan diberikan kelulusan tersebut draf tersebut kepada PBT-PBT masing-masing dan cara penguatkuasaan nanti.

Walaupun masih lagi ada pembinaan yang baru khususnya selepas 2008 apabila wujudnya Rumah Ibadat Bukan Islam, Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam tiada halangan sebenarnya untuk PBT mengambil tindakan hanya rumah-rumah ibadat yang didirikan sebelum 2008 di mana kami masih lagi menunggu dengan keputusan jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Di kawasan yang mana masyarakat bukan Islam yang ramai contohnya Setia Alam keperluan tapak rumah ibadat itu banyak bermakna ada tourism, budism, kristian, hindus kemudian dalam *towers* tu ada banyak dewa-dewa lagi, macam mana nak pastikan supaya *developer* itu memiliki tapak yang cukup kemudian kita nak pastikan tapak itu untuk yang mana, bagaimana kita nak pastikan supaya ia dilaku.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Memang diakui kawasan yang orang bukan beragama Islam khususnya seperti di Setia Alam, mahupun kawasan-kawasan yang lain selalunya apa yang saya nampak apabila kita buat kajian nampak PBT perancang tidak begitu sensitiviti mereka tidak begitu tertekan untuk memastikan plot-plot tanah ini dibahagikan ataupun diperuntukkan kepada agama-agama tertentu. Dan apabila ada permohonan tapak yang hanya *limited* dengan izin Tuan Speaker, bila ada kita peruntukan tanah yang amat *limited* permohonan pula bertambah sebab banyak rumah-rumah ibadat ini perlu dipindah sebab diwujudkan sebelum 2008 lagi dan tapak-tapak ini tidak begitu menepati dengan peraturan, jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam akan mengkaji, kita akan buat kajian yang teliti kita dengar permohonan daripada pelbagai pihak dan kita putuskan dengan keputusan majoriti dengan kemahuan ataupun kesediaan keperluan yang khas, kenapa kita perlu bagi kepada sesuatu tapak ini kepada sesuatu pertubuhan, so ada kajian dan juga ada penelitian dan juga ada perbincangan dengan pihak pengurusan pertubuhan keagamaan tertentu tersebut sebelum kita buat keputusan.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih Puan Speaker. Saya amat tertarik dengan jawapan Yang Berhormat EXCO tadi berkenaan kekurangan tapak untuk rumah ibadat selain Islam, memandangkan memang tapak tidak cukup kami semua tahu masalah tersebut kenapa menjadi masalah untuk membenarkan gereja-gereja yang beroperasi di rumah kedai di *office shop lot* (dengan izin) kenapa kita ada masalah untuk membenarkan semua daripada mereka beroperasi kerana berpuluh-puluh tahun gereja di kawasan Selangor ini khusus *primer-realy* la ia di *operate* daripada *shop lot* daripada rumah kedai daripada *office*.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Seperti yang saya dimaklumkan tadi jawapan saya dalam jawapan pertama tadi memang telah memberitahu bahawa walaupun ada pada dasarnya tidak bersetuju dengan pewujudan rumah-rumah ibadat ini di kawasan premis perumahan itu dalam rumah ataupun di kedai, namun sekiranya ada keperluan tidak ada tapak bersebelahan kita membenarkan *sit earlier* (dengan izin) Tuan Speaker, seperti yang saya katakan tadi *it case to case* dan juga Rumah Ibadat



Bukan Islam dalam masa yang terdekat dan juga sebelum ini dalam tempoh yang lalu pun memang telah meluluskan permohonan khususnya gereja yang berada di kawasan perindustrian pun di mana memang di dalam era 2008 tidak dapat diluluskan, memang kita sekarang mengaji, kajian menunjukkan memang diperlukan sangat dikomuniti yang berdekatan di situ, so tidak ada masalah apabila ada keperluan dan ada bukti-bukti yang mengatakan keperluan itu adalah munasabah, maka kita benarkan.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Soalan tambahan Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Terima kasih Puan Speaker, nampaknya kerajaan Selangor sekarang masih bertungkus-lumus atau masih berusaha untuk menguruskan isu-isu tempat rumah ibadat selain Islam yang mana telah ujud sebelum tahun 2008 itu, yang mana bagi kerajaan sebelum tahun 2008 memang nampak disebabkan tiada perancangan, jadi memang kita nampak ada tempat-tempat Rumah Ibadat selain Islam, mereka terpaksa untuk menyewa kedai-kedai ataupun mendirikan rumah ibadat mereka di tanah-tanah yang mana mereka nampak kosong. Jadi boleh saya minta penjelasan daripada Y.B., sama ada kerajaan Negeri Selangor ada apa-apa plan induk untuk menetapkan syarat-syarat pembinaan Rumah Ibadat selain Islam untuk projek-projek pembangunan yang mana dimasukkan sebagai salah satu syarat dalam memberi kelulusan pembangunan dan juga mengenai cukai tanah satu ringgit sahaja (R1.00) kepada mana-mana rumah ibadat selain Islam yang terpaksa didirikan di atas tanah lapang ataupun diadakan di kawasan di rumah-rumah kedai. Terima kasih.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Seperti yang, terima kasih Yang Berhormat Teratai. Tuan Speaker seperti yang telah saya maklumkan tadi bahawa memang keperluan tapak-tapak untuk Rumah Ibadat selain bukan Islam agak sangat kritikal disebabkan perancangan yang tidak begitu dirancang dengan teliti ambil keperluan rumah ibadat bukan Islam dari masa sebelum era Pakatan Rakyat kerajaan Pakatan Rakyat di Selangor telah menyebabkan pewujudan yang tidak begitu selaras ataupun tidak mengikut peraturan namun kita memang telah memastikan memang ada juga pendirian kerajaan negeri setiap pembangunan 100 ekar perlu peruntukan tapak untuk Rumah Ibadat Bukan Islam, setiap 100 ekar pembangunan dia, memang ada, ini adalah dasar kerajaan Negeri Selangor dan juga bagi tapak yang telah diwartakan memang dikenakan hanya diberi inisiatif kepada keagamaan memang cukai tanah yang RM1.00.

Tapi untuk premis rumah kedai mahupun tanah di industri kita telah luluskan juga kepada RM1.00 jika sekiranya komersial plot ataupun rumah kedai sebab dia punya strata itu kita perlu *study* balik, bukan semuanya strata, dan kita perlu juga kita tengok *ground floor*, *first floor* dan *second floor* (dengan izin Tuan Speaker). Bagaimanapun cadangan daripada Yang Berhormat Teratai akan diambil kira mungkin akan dibawa kita akan bincang di dalam Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam supaya cadangan-cadangan yang jika cadangan-cadangan ini kalau kita lepas buat kajian adalah baik, kita akan bawa ke MMKN untuk mendapat keputusan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Puan Speaker, ha memandangkan penjelasan daripada Yang Berhormat Kota Alam Shah dengan panjang lebar mengenai Rumah Ibadat Bukan Islam saya tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana begitu terbuka dalam menangani isu-isu keagamaan ini, rumah ibadat ini, dan saya ingin mengetahui bagaimana? dengan kelewatan-kelewatan yang sering berlaku untuk memohon kelulusan tapak-tapak di mana banyak kes yang saya nampak banyak kelewatan berlaku angkara kerenah birokrasi apa yang berlaku saya tidak tahu tetapi memang lewat apakah? tindakan yang akan diambil oleh Yang Berhormat untuk mempercepatkan melicinkan permohonan supaya tidak perlu tunggu lama untuk sesuatu kelulusan, ini yang saya hendak, minta penjelasan.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih Yang Berhormat Sekinchan. Tidak dinafikan karenah birokrasi atau pun *little napoleon* yang di masih lagi yang begitu berleluasa di pejabat tanah mahupun PBT. Saya sendiri telah membuat permohonan apabila sewaktu menjadi Ahli Majlis saya pernah nampak birokrasi ataupun *little napoleon* ini bagaimana mereka memainkan peranan dan ada juga yang tidak begitu sensitif, mereka tidak begitu tertekan dengan permohonan-permohonan apabila melibatkan rumah Ibadat Bukan Islam tapi bagaimanapun dalam tempoh yang lain yang lalu mahu pun sekarang, Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam telah memainkan peranan yang agak agresif. Kita boleh nampak dengan kekerapan mengadakan *meeting* Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam ni telah menyebabkan fail-fail yang tertunggak ni dapat ditarik balik dan telah memberi tekanan yang agak serius kepada pejabat-pejabat tanah supaya fail-fail ini dapat dibawa dan memberi ulasan secara segera. Kalau dulu memang berlaku ulasan mahu pun mereka tidak hadir agak lambat so kini kami sedang membuat kekerapan *meeting* Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam ni dibuat secara walaupun saya bersama dengan Dato' YB. Yang Berhormat Sg. Pinang dan juga Yang Berhormat daripada Bukit Lanjan yang mewakili Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam ini cuba mempercepatkan, memperingatkan kepada semua pegawai-pegawai dan juga bukan setakat hanya birokrasi menyebabkan kelewatan ada juga, ada kala juga kita boleh nampak permohonan itu sendiri daripada pertubuhan di mana pertubuhan itu tidak berdaftar, mereka juga kurang ada pengetahuan tentang bagaimana cara permohonan dan juga keinginan mereka untuk berpindah dari tempat yang tidak dapat diluluskan kepada mereka juga membuat menyebabkan kelewatan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, soalan seterusnya, Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih, Puan Speaker, Soalan No. 52.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

## **TAJUK : BLUEPRINT PEMBASMIAN KEMISKINAN**

52. Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor (BBPKNS) diwujudkan bertujuan membantu golongan sasaran berdikari dan menambah baik perusahaan atau bidang tertentu yang telah diusahakan bagi menambah pendapatan sedia ada.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah syarat-syarat memohon BBPKNS?
- b) Senaraikan perusahaan atau bidang tertentu yang layak memohon?
- c) Sejauh manakah kejayaan BBPKNS dan senaraikan mereka yang telah menerima bantuan mengikut kawasan Dewan Negeri Selangor?

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Dengan izin Tuan Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Burong. Soalan Sungai Burong adalah berkenaan tentang *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan beliau telah menanyakan bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor diwujudkan bertujuan membantu golongan sasaran berdikari dan menambah baik perusahaan atau bidang tertentu yang telah diusahakan bagi menambah pendapatan sedia ada. Soalannya apakah syarat-syarat memohon bantuan *Blueprint*.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Kota Alam Shah boleh terus kepada jawapan.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Kepada jawapan... ok. Kalau begitu, terima kasih Tuan Speaker. Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor diwujudkan bertujuan membantu golongan sasaran yang berpendapatan di bawah RM1,500.00 yang mempunyai perniagaan sendiri. Pemohon-pemohon yang ingin memohon hendaklah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:-

- i) Pendapatan isi rumah RM1,500.00 dan ke bawah;
- ii) Menetap di Negeri Selangor sekurang-kurangnya lima tahun;
- iii) Mempunyai lesen perniagaan yang sah; dan
- iv) Telah memulakan perniagaan atau perusahaan sekurang-kurangnya satu tahun.

Bagi soalan kedua, buat masa sekarang perusahaan atau bidang yang layak memohon adalah seperti berikut:-

- i) Jahitan;

- ii) Perniagaan makanan;
- iii) Perniagaan runcit; dan
- iv) Perusahaan kecil

Perusahaan atau bidang ini akan diperluaskan lagi pada tahun 2014 bagi membantu para penaja yang terlibat dalam bidang lain.

Untuk soalan ketiga, Kerajaan Negeri membantu memberi peralatan atau mesin yang diperlukan oleh pemohon untuk memajukan perusahaan sedia ada mereka. Didapati bahawa penerima bantuan ini yang menggunakan bantuan ini secara berhemah telah membuahkan hasil yang baik.

Sehingga kini seramai 2,431 orang telah menerima bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan. Kerajaan Negeri akan mengedarkan senarai penerima kepada Yang Berhormat dalam tempoh yang terdekat. Walau bagaimanapun, pengagihan bantuan adalah mengikut daerah.

**TUAN SPEAKER:** Seri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMIBIN SHAFIEI:** Soalan Tambahan, Tuan Speaker. Saya dapati jawapan Yang Berhormat itu tidak begitu mendalam terutamanya bahagian yang disebutkan tambahan kepada perusahaan yang akan diperluaskan jadi saya ingin tahu bentuk perusahaan yang bagaimanakah yang dicadang untuk diperluaskan pada tahun 2014 itu, terima kasih.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih Yang Berhormat Seri Muda. Pada September yang lalu, EXCO di bawah STANCO kemiskinan telah mengadakan satu *retreat* dan telah membuat kajian bahawa kita perlu memperluaskan sektor perusahaan ini hanya setakat kalau dulu dia hanya tertumpu pada perniagaan kecil-kecilan berupa makanan ataupun jahitan so kita telah mengadakan perbincangan untuk mendapatkan pendapat daripada pegawai-pegawai ataupun pakar-pakar agar bagaimana ia dapat memperluaskan lagi. Cadangan ini masih lagi dalam kajian, perusahaan-perusahaan apa-apa yang setiap perusahaan yang berbeza pun akan diambil kira selagi dia adalah mereka di bawah RM1,500.00 ke bawah pendapatan seisi keluarga mereka maka kita tidak nak limitkan (dengan izin) hanya kepada perusahaan tertentu sahaja.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih, Puan Speaker. Saya telah meneliti *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan ini dan saya mendapati ianya bertindih mempunyai banyak pertindihan dengan portfolio yang lain seperti portfolio wanita, mimbar dan

skimSel dan keusahawanan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO pernah kah Kerajaan ada memikir untuk menggabungkan semua ini di bawah satu portfolio dan bukannya bercelaru dan berselerak seperti apa yang berlaku sekarang di mana YB ada portfolio apa ni *Blueprint* seorang Ahli EXCO yang lain mempunyai keusahawanan pula yang akan menjaga sektor yang lain tapi sebenarnya *functionnya* sama jadi saya ingin bertanya pendapat daripada Yang Berhormat EXCO.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih Yang Berhormat Kampung Tunku. Memang cadangan ataupun kemusykilan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat telah juga telah dibangkitkan oleh saya dalam MMKN. Yang Amat Berhormat Menteri Besar memang telah memberitahu bahawa akan dikaji oleh UPEN, STANDCO-STANDCO ini dan juga bagaimana pembantuan ini dapat diselaraskan dengan *under* satu payung ataupun *under* satu STANDCO. Ataupun bagaimana kita boleh dapat selaraskan dengan program yang khaskan kepada apa tu... dikawal oleh satu maklumat kalau kita fahamkan kita khuatir bahawa pemohon yang sama datang jumpa dengan *under Blueprint* Kemiskinan juga akan pergi kepada seperti YB. Rodziah *under* wanita, pembangunan wanita ataupun kepada Y.B. Daroyah *under* keusahawanan. Ini kekhawatiran juga saya rasa oleh Kerajaan Negeri Selangor maka memang ada dalam rancangan untuk mengkaji balik sistem yang diguna pakai sekarang. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, soalan seterusnya...

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Ya kepada Yang Berhormat EXCO terima kasih. Tuan Speaker, adakah Kerajaan Negeri merancang untuk memasarkan produk-produk IKS yang telah pun menerima bantuan daripada Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Dengan izin, Tuan Speaker. Soalan tadi daripada Yang Berhormat. IKS adalah sebenarnya di bawah keusahawanan so maka biar Yang Berhormat daripada STANDCO Keusahawanan akan menjawab soalan tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Yang Berhormat Sementa tolong jawab soalan Sungai Air Tawar.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT. ALWI:** Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Sungai Air Tawar. Untuk pemasaran pada produk-produk IKS di Negeri Selangor insya-Allah kita akan melaksanakan satu program iaitu Bazar Darul Ehsan yang mana di Bazar Darul Ehsan ini produk-produk IKS kita akan dikumpulkan. Usahawan-usahawan kita akan kita berada di situ untuk kita promosikan produk-produk mereka dan Bazar Darul Ehsan ini adalah penjenamaan semula daripada mantan EXCO usahawan yang lepas Kota Anggerik iaitu Pusat Pengumpulan IKS Negeri Selangor. Jadi kita jenamakan semula dengan nama Bazar Darul Ehsan. Sekian...

**TUAN SPEAKER:** Soalan seterusnya 53 Hulu Kelang. Tidak hadir

**TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker saya berdiri di atas Peraturan Tetap 24 (2) soalan 53 ini sebagai soalan saya.

**TUAN SPEAKER :** Baiklah silakan Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Tuan, Speaker. Bagi menjawab soalan oleh Hulu Kelang yang diambil oleh Kampung Tunku, pertanyaan tentang bagaimanakah bilangan surau ya, berapakah bilangan surau yang pelantikan jawatankuasanya masih belum selesai. Jadi sehingga kini dari jumlah keseluruhan sebanyak 2063 buah surau, 380 buah surau atau 18% masih belum selesai pelantikan jawatankuasanya. Ini disebabkan faktor seperti berikut iaitu: Surau itu tidak aktif atau tidak ada kerjasama daripada ahli qariah atau pun kegagalan jawatankuasa surau tidak mengikut arahan MAIS ataupun JAIS. Ianya juga bertanya bagaimana atau bila perkara ini akan diselesaikan. Untuk menjawab perkara ini, perkara ini sentiasa akan dibincangkan, maksudnya tiap-tiap bulan akan dibincangkan dan akan dibentangkan dalam Jawatankuasa Qariah MAIS dan beberapa kaedah telah dibincangkan untuk penyelesaian yakni seperti berikut: pertamanya surau yang tidak aktif, masjid hendaklah mengambil alih pentadbiran sementara. Yang keduanya Pejabat Agama Islam Daerah boleh melaksanakan apa-apa prosedur wajar dan membawa ke mesyuarat Qariah MAIS untuk dipersetujui. Dan yang ketiganya arahan pelaksanaan Mesyuarat Agong Khas pencalonan kepada Nazir masjid bagi melaksanakan pencalonan itu di peringkat surau di bawahnya. Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Soalan seterusnya Batu Caves.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan no. 55.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI  
(BATU CAVES)**

**TAJUK : TAWAS-TABUNG ANAK WARISAN SELANGOR**

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato ' Menteri Besar:

- a) Adakah pihak kerajaan negeri berhasrat menjadikan pemohon-pemohon TAWAS yang didaftarkan tahun 2008/9, secara automatik layak mendapat faedah dari skim/program Tunas & SiKembar sebagai satu lagi bentuk bonus selain bonus jom *Shopping* bernilai RM100?

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Batu Caves dan Tuan Speaker, bagi menjawab soalan Batu Caves apakah TAWAS ataupun pemohon-pemohon TAWAS diberikan kelayakan secara automatik bagi faedah skim SiTunas ataupun SiKembar. Jadi ingin saya memaklumkan ke dalam Dewan yang mulia ini, skim SiTunas ataupun SiKembar ini adalah tidak ditawarkan secara automatik kerana

penerima TAWAS dan jugak apa, penerima bagi SiKembar dan di SiTunas itu adalah merupakan satu objektif yang berbeza dan skim ini jugak dan penerimanya juga berbeza dan skim ini jugak dan penerimanya juga berbeza. Jadi contohnya kalau kita tengok kalau SiKembar atau pun SiTunas ianya mengambil kira jugak beberapa isu iaitu isu pendapatan seisi rumah yang tidak ditetapkan oleh TAWAS. Iaitu kalau kata TAWAS pendapatan itu tidak diambil kira, tetapi lebih diambil kira tentang permastautinan ataupun kelahiran anak itu. Tetapi kalau kita lihat kepada SiKembar, SiKembar ini adalah ditawarkan kepada anak-anak yang sebenarnya dalam kategori umur dalam RM3,000 ke bawah pendapatan keluarganya dan ianya dikira semasa anak-anak ini dalam tempoh dua bulan hingga 4 tahun. Jadi tempoh SiTunas pulak ianya ditawarkan kepada kanak-kanak berusia 5 ke 6 tahun. Sedangkan TAWAS ini adalah satu program yang ditawarkan kepada seluruh anak-anak yang lahir di Selangor bermula di hari kelahiran sehinggalah hari lahir pertama beliau mereka boleh memohon. Bagaimanapun Kerajaan Negeri tidak menolak mana-mana ahli TAWAS yang telah pun berusia ataupun menepati kriteria yang ditetapkan oleh SiKembar ataupun SiTunas mereka boleh memohon dan bila kanak-kanak itu layak, umur tersebut mereka akan diberikan manfaat yang sewajarnya. Terima kasih.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Batu Caves

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Speaker dan EXCO di atas jawapan tadi. Adakah Kerajaan Negeri ada merancang untuk menyepadukan database yang telah ada pada Kerajaan Negeri. Sebab bagi pihak Batu Caves melihat pada rungutan rakyat ialah masalah pendaftaran dua atau pun tiga kali ya. Mereka dah mendaftar untuk TAWAS dan beberapa tahun nanti kena mendaftar untuk SiKembar, SiTunas, hadiah untuk masuk universiti dan selepas itu kena daftar lagi untuk hadiah insentif perkahwinan. Jadi saya ingat kalau Kerajaan Negeri boleh selaraskan daftar ini, jadi boleh memudahkan maksud saya pendaftaran-pendaftaran supaya tidak berlaku pengulangan maksud saya.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker, sebenarnya isu yang dibangkitkan itu kita, kerajaan Selangor telah pun memulakan satu langkah iaitu untuk mensepadukan data-data yang ada iaitu sistem *i-work fare*. Tetapi data-data ini adalah bertujuan untuk kita memaklum atau maklum apakah data latar belakang penerima dan berapa banyak skim-skim ataupun program Kerajaan Negeri Selangor yang mereka mendapat manfaat. Tetapi ianya tidak memungkinkan ianya secara automatik sebab kebanyakan pemohon-pemohon ini ianya tidaklah dikatakan boleh secara automatik ditawarkan kerana kadangkala kita perlu melihat tentang status terkini mereka pada ketika itu. Contohnya kalau anak tu lahir pada 2008, maknanya mereka itu telah pun berumur 6 tahun. Apakah mereka layak di dalam skim ini? Tapi kalau kita lihat skim ini menawarkan kepada mereka berpendapatan RM3,000.00 ke bawah. Jadi kelayakan ini sebenarnya perlu mengambil kira semula semasa ibu bapanya pada 2008 mungkin pendapatannya tidak mencapai RM3,000.00 tetapi mungkin pada 2013 pendapatan itu telah melebihi RM3,000.00. Jadi ianya perlu dikemaskinikan. Tetapi

dengan data sistem ini kita boleh *extract* ataupun mengambil mereka yang layak dan kita boleh tawarkan. Tetapi prosedurnya mereka perlu memohon bagi kelayakan itu boleh diberikan kepada mereka. Terima kasih, itu jawapan saya.

**TUAN SPEAKER:** Soalan seterusnya Semenyih.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tuan Speaker,

**TUAN SPEAKER:** Ya Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Peraturan Tetap 24(2), saya ingin mengambil soalan ini sebagai soalan saya.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah Permatang. Yang Berhormat Sungai Pinang. Soalan Semenyih, 56.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(SEMENYIH)**

**TAJUK : PENGANGKUTAN AWAM PERCUMA**

56. Pengangkutan awam percuma yang digariskan dalam manifesto PRU-13 Pakatan meliputi kawasan bandar seperti Shah Alam, Petaling Jaya dan Kajang.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status perancangan negeri terhadap cadangan tersebut?
- b) Apakah kerajaan negeri telah bekerjasama dengan pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD) bagi pelaksanaan inisiatif ini?
- c) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk memperluaskan perkhidmatan ini di kawasan luar bandar atau pinggir bandar?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker, kertas cadangan pelaksanaan perkhidmatan pengangkutan awam percuma telah dikemukakan oleh lapan (8) buah PBT kawasan bandar raya dan perbandaran iaitu MBSA, MBPJ, MPK, MPAJ, MPSJ, MPS, MPKj dan MPSP. Namun demikian, setiap cadangan rangka kerja perkhidmatan bas awam percuma tersebut akan diperhalusi dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan agar kemudahan dan perkhidmatan yang diberikan berkesan. Walau bagaimanapun, sejak tahun 2008, MBPJ merupakan PBT yang pertama berjaya menyediakan perkhidmatan bas komuniti kepada penduduk di kawasan pentadbiran MBPJ yang berpendapatan rendah dan warga emas. Perkhidmatan ini diberikan dari jam 9.30 pagi sehingga jam 2.30 petang dan bas memuatkan kapasiti seramai 30 orang. MBPJ mempunyai 2 buah bas komuniti



yang meliputi laluan mengikut zon iaitu Zon Petaling Jaya Selatan (PJS) dan Zon Petaling Jaya Utara (PJU).

Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan pihak SPAD bagi memastikan sistem pengangkutan awam di Negeri Selangor selari dengan pembangunan pesat dan peningkatan penduduk. Untuk tujuan tersebut, Jawatankuasa Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat yang diselaraskan oleh pihak SPAD dan UPEN akan membincangkan pelaksanaan inisiatif ini secara bersepadu. Faktor yang harus diambil kira ialah perkhidmatan '*Feeder Bus*' yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan bagi perhubungan kawasan kejiranan dengan stesen pengangkutan rel (MRT/LRT) tidak bertindih.

Pelaksanaan perkhidmatan ini akan diperluaskan ke kawasan luar bandar dan pinggiran bandar apabila permintaan meningkat di kawasan-kawasan tersebut.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ia, Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Rawang ingin bertanya sebab memandangkan permohonan contohnya ada mungkin adalah merupakan jajaran sosial ataupun yang tiada sebenarnya dari segi komersial boleh mendatangkan keuntungan. Adakah sebarang subsidi diberi kepada SPAD untuk disalurkan kepada pihak Kerajaan Selangor supaya kita boleh adakan jajaran sosial ini atas permohonan penduduk tempatan?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, sebenarnya pada setakat ini belum ada lagi insentif ataupun peruntukan daripada mana-mana pihak dan kerajaan sebenarnya kita tidak boleh bergantung kepada Kerajaan negeri ataupun pihak berkuasa tempatan untuk melaksanakan program projek ini. Kerana tidak ada satu cukai pun daripada pihak Kerajaan Negeri ataupun pihak berkuasa tempatan yang dipungut yang khusus bertujuan untuk perkhidmatan pengangkutan. Ini sebenarnya adalah tanggungjawab Kerajaan Pusat dan ini juga adalah sebenarnya adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat kerana kegagalan Kerajaan Pusat itulah yang menyebabkan Kerajaan Negeri terpaksa memikul tanggungjawab ini. Jadi saya berharap semua pihak walaupun kita berhak berharap pihak Kerajaan Negeri dapat memberi peruntukan tetapi juga kita harus juga mempertimbangkan kekangan kewangan yang kita ada ini. Melainkan sebahagian besar daripada cukai ya, ataupun cukai boleh kita pungut daripada pembayar cukai untuk tujuan ini. Tapi disebabkan bidang kuasa yang diperuntukkan di bawah Jadual Ke 9 dalam Perlembagaan Persekutuan, maka kita menghadapi kekangan, kita tak boleh minta cukai atau pungut cukai untuk tujuan pengangkutan awam ini. Dan oleh itu kita juga berharap Kerajaan Pusat akan lebih adil dalam memberikan peruntukan untuk tujuan pengangkutan awam ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak bertanya sama ada Sungai Pinang sama ada perkhidmatan bas percuma ini adalah merupakan percuma sepenuhnya? Maksudnya dari segi tambang percuma dan penyelenggaraan itu dibuat oleh pihak PBT berkenaan. Apakah itu penuh sepenuhnya percuma? Dan yang kedua, bagaimana nak menentukan golongan yang berhak mendapat dalam jawapan tadi mengatakan ialah warga emas dan orang tidak berkemampuan. Bagaimana bas itu nak tentukan ini orang miskin boleh ambil, orang kaya tak ambil dan sebagainya? Ini pun satu perkara yang patut diberikan. Saya mohon penjelasanlah mengenai perkara berkenaan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Sebenarnya buat masa ini di Petaling Jaya memang diharapkan hanya kita tumpukan pada orang yang miskin dan juga pada warga emas tapi itu bukan syarat ya, syarat yang ketat kerana pada dasarnya perkhidmatan pengangkutan percuma ini diberikan kepada semua pihak dan juga dari segi kalau kita nak pungut bayaran. Itu mungkin akan menghadapi masalah kerana itu memerlukan kelulusan daripada SPAD. Jadi itu yang menjadi, menyebabkan kerajaan tempatan dan juga kerajaan negeri terpaksa mengenakan bayaran, memberikan perkhidmatan percuma dan tidak boleh mengenakan bayaran. Jadi ada juga permintaan daripada umpamanya Majlis Perbandaran Shah Alam meminta supaya dibenarkan untuk mengenakan bayaran katakan yang secara token 50 sen ataupun RM1.00 bagi menampung perbelanjaan yang diperlukan tapi ini masih dalam kajian kerana kelulusan diperlukan. Dan juga ada pihak yang tertentu membangkitkan bagaimana kalau kita hanya menghadkan perkhidmatan ini kepada warga negara Malaysia sahaja. Jadi ada juga pertikaian dalam perkara ini sama ada kalau kita memberikan perkhidmatan bas percuma ini, itu hanya akan dihadkan untuk warga negara Malaysia atau kita boleh buka kepada warga negara bukan Malaysia. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Soalan seterusnya, Tanjung Sepat. Seri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Puan Speaker, di bawah Peraturan Mesyuarat 24(2), saya mengambil soalan 57 untuk dikemukakan kepada Dewan ini dan dijawab oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN  
(TANJONG SEPAT)**

**TAJUK : PENDIDIKAN DAN MODAL INSAN**

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk membina lebih banyak lagi sekolah agama Menengah dan Maahad Integrasi di setiap daerah?
- b) Berapa banyak Program Modal Insan yang telah dilaksanakan sepanjang 2013 dan apakah petunjuk pencapaian hasil program yang dijalankan?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih Sri Muda. Tuan Speaker, kerajaan negeri belum bercadang menambah bilangan Sekolah Agama Menengah (SAM) Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bercadang akan membina sebuah Maahad Integrasi Tahfiz (MITS) bagi setiap daerah dan penubuhannya bergantung kepada kelulusan peruntukan emolumen tenaga pengajar, peruntukan makan murid-murid, bangunan sekolah, buku teks, pengawal keselamatan, pencuci bangunan dan pembersihan kawasan, kenderaan dan seumpamanya. Pada masa ini telah ada 3 buah Maahad Integrasi Tahfiz Kerajaan Negeri Selangor iaitu MITS Kuala Langat, MITS Klang dan MITS Sabak Bernam.

Di bawah Jabatan Agama Islam Selangor, sebanyak 46 program telah dijalankan dengan kekerapan keseluruhan sebanyak 131 kali dari Januari hingga Oktober 2013 seperti ditunjukkan. Nanti akan diserahkan maklumat terperinci kepada Yang Berhormat. Kebanyakan program ini dibuka kepada masyarakat awam tanpa memerlukan pendaftaran. Tiada petunjuk yang jelas bagi menggambarkan prestasi pencapaian hasil program tersebut. Walau bagaimanapun, kehadiran bagi keseluruhan program adalah memberangsangkan dan jabatan mendapat respons yang positif dari para peserta berdasarkan borang maklum balas dan permintaan penganjuran program dari pelbagai pihak.

Di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Modal Insan pula, sebanyak 273 program *SPIES* telah dijalankan dari Januari hingga November 2013, melibatkan seramai 19,157 orang peserta. Manakala petunjuk pencapaian hasil program yang dijalankan adalah seperti berikut:-

- i) Jawatankuasa di bawah portfolio modal insan telah mempunyai tenaga penggerak untuk melaksanakan program pembudayaan *SPIES* dalam masyarakat dan dalam organisasi.
- ii) Mempunyai Ahli Briged Amal (Remaja dan Belia) yang merupakan produk *SPIES* seramai 3,974 bermula Januari sehingga Oktober 2013.
- iii) Wujud kerjasama dan penyertaan peserta dalam program susulan pembudayaan *SPIES* dalam masyarakat dan organisasi.
- iv) Wujud sekretariat *SPIES* D'Village dan Sekretariat *SPIES* D'Organisasi yang telah melibatkan DUN, jabatan (Melawati – DUN Hulu Klang, Kampung Delek – DUN Selat Klang, Pelabuhan Klang, Morib, Sijangkang, Sri Muda, Andalas dan Meru. Manakala Sekretariat *SPIES* D'Organisasi telah melibatkan Pejabat Daerah Sepang, Kuala Langat, Petaling dan Gombak.

- v) Bengkel hala tuju pembangunan D'Organisasi fokus kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor; dan
- vi) Melahirkan 75 orang Tenaga Pengajar (TOT) SPIES di masjid dan surau di Negeri Selangor.

Sekian.

**TUAN SPEAKER:** Soalan seterusnya.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Soalan tambahan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Saya tak benarkan soalan tambahan untuk soalan ni. Teluk Datok.

**Y.B. TUAN LOH CHEE HENG:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 58.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(TELUK DATOK)**

**TAJUK : DANA INDUSTRI KECIL SELANGOR**

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan sejauh manakah Dana Industri Kecil Negeri Selangor mendatangkan kesan membantu peniaga-peniaga membangunkan perniagaan?
  - i) Sila nyatakan angka permohonan mengikut susunan kaum di dalam DUN Teluk Datok yang telah berdaftar dalam program ini;
  - ii) Jumlah kelulusan dan tolak

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Teluk Datok. Tuan Speaker, soalan 58. Kerajaan Negeri Selangor di bawah STANDCO Usahawan mempunyai satu program iaitu Dana Industri Kampung dan bantuan yang ditawarkan di bawah program ini adalah bantuan berbentuk mesin dan peralatan. Kesan daripada bantuan ini ialah usahawan industri kampung mampu meningkatkan pengeluaran dengan bantuan mesin dan peralatan yang diberikan. Dana ini diwujudkan bertujuan membantu golongan sasaran berdikari dan menambah baik perusahaan atau bidang tertentu yang telah diusahakan bagi menambah pendapatan sedia ada. Soalan pertama, tentang angka permohonan mengikut kaum untuk DUN Teluk Datok. Untuk DUN Teluk Datok, mengikut kaum, bilangan mengikut kaum, permohonan untuk kaum Melayu sebanyak 28, lulus 8 tolak 20. Permohonan daripada kaum Cina tiada.

Permohonan daripada kaum India 1, lulus 1. Jumlah permohonan 29, diluluskan 9, tolak 20.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Soalan tambahan Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Boleh saya tanya Yang Berhormat berkenaan dengan kadar penolakan permohonan yang begitu tinggi. Apakah sebab penolakan tersebut? Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Teratai. Kadar penolakan yang agak tinggi iaitu 20 adalah kerana tidak menepati syarat-syarat.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Soalan tambahan Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih. Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan kaji semula syarat-syarat memandangkan kadar penolakan permohonan berkenaan agak tinggi? Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Oleh sebab permohonan yang ditolak ini adalah untuk DUN Teluk Datok dan saya perlu kaji dahulu tentang mengapa ianya ditolak dan kita sedang mengkaji syarat-syarat baru untuk permohonan dana industri kampung ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Soalan seterusnya Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih Puan Speaker. Soalan 59.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(IJOK)**

**TAJUK : PERTANIAN**

59. Di kawasan Kuala Selangor didapati banyak tanah-tanah milik persendirian dan tanah milik Kerajaan Negeri yang terbiar dan tidak diuruskan dengan sempurna contohnya *fruit valley*.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri Selangor dalam bidang pertanian untuk mengusahakan tanah terbiar tersebut dengan secara maksimum.

- b) Apakah langkah-langkah R&D (*Research & Development*) untuk memajukan industri pertanian serta meningkatkan produktiviti di Selangor?
- c) Apakah program / perancangan Kerajaan Negeri Selangor untuk memajukan pertanian masyarakat desa supaya mereka dapat memaksimumkan penggunaan tanah mereka untuk menjana pendapatan?

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Ijok. Bagi menjawab soalan ini Puan Speaker, saya ingin menyatakan di sini apakah tindakan Kerajaan Selangor dalam bidang pertanian untuk mengusahakan tanah terbiar. Saya ingin menjawab bahawa yang diajukan adalah berkaitan dengan *Fruit Valley*. Jadi bagi membangunkan projek Selangor *Fruit Valley* atau SFV, PKPS telah pun mengguna pakai 2 kaedah iaitu mengusahakan sendiri kawasan tanaman buah-buahan seperti belimbing, jambu batu, jambu air, nangka, betik, kelapa pandan, *rock melon* dan lain-lain.

Dan yang keduanya, mengusahakan secara usaha sama dengan pihak luar di mana PKPS menyediakan infrastruktur asas untuk memudahkan aktiviti pembangunan kawasan. Usaha sama tersebut diadakan melalui menyediakan lot-lot pertanian seluas 10 hektar setiap lot untuk diusahakan oleh para usahawan tani di bawah program pembangunan usahawan tani PKPS. Lot-lot tersebut perlu diusahakan dengan tanaman semula buah-buahan tanaman buah-buahan selaras dengan objektif SFV iaitu sebagai kawasan pengeluaran buah-buahan tempatan di Negeri Selangor. Dan soalan seterusnya apakah langkah-langkah R&D yang diadakan? R&D yang dibuat oleh PKPS adalah melalui MARDI dan Jabatan Pertanian dan juga kerjasama dengan syarikat-syarikat pembekal baja dan bahan kimia yang memberi khidmat nasihat dan kepakaran berkaitan kesuburan tanaman serta mengadakan *trial plot* dengan izin sebagai ujian.

Dan yang ketiganya, R&D yang dibuat adalah kerjasama dengan pengusaha-pengusaha buah-buahan lain yang telah berjaya dalam bidang tersebut. Sebagai contoh, kerjasama dengan pengusaha tanaman *rock melon* untuk mempraktikkan nasihat-nasihat dan tunjuk ajar yang berkaitan. Seterusnya Ijok bertanyakan tentang apakah perancangan kerajaan negeri untuk memajukan pertanian masyarakat desa supaya menambah pendapatan? Jadi jawapannya adalah bagi membantu masyarakat desa dalam menjana pendapatan, maka PKPS telah mengadakan Program Pembangunan Usahawan Tani PKPS di Selangor *Fruit Valleys*. Di sini di bawah program ini, PKPS menyediakan kawasan dan infrastruktur asas seperti jalan ladang, perparitan, bekalan elektrik dan air untuk dimanfaatkan oleh usahawan-uhasawan tani yang telah terpilih. Jadi seluas 275 hektar tanah telah diperuntukkan sebagai program tersebut. Itu jawapannya. Terima kasih Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Soalan Tambahan

**Tuan Speaker:** Saya tak benarkan soalan tambahan Y.B. Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Ini penting tentang dasar Puan Speaker, satu soalan.

**Tuan Speaker:** Y.B. Sabak akan kemukakan jawapan kepada soalan tambahan Y.B. Ijok ada nanti. Sekarang saya tak benarkan soalan tambahan. Soalan seterusnya Batang Kali.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Terima kasih Y.B. Speaker. Soalan No. 60

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(BATANG KALI)**

**TAJUK: KAWASAN INDUSTRI**

60. Kerajaan negeri mewujudkan banyak kawasan industri untuk sektor perkilangan dan komersil

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan zon dan lokasi kawasan industri serta potensinya di Selangor?
- b) Kawasan industri manakah yang bernilai tinggi dan menjadi penyumbang utama sosioekonomi negeri?
- c) Apakah bentuk perindustrian serta potensinya yang wujud di daerah-daerah luar Bandar khasnya di Hulu Selangor?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Batang Kali. Zon dan lokasi kawasan industri serta potensinya di Selangor adalah seperti berikut:

1. Selangor Science Park 2 di Cyberjaya. Industri yang digalakkan dengan izin, Solar, R&D, *Advanced Electronics, Advanced Material, Information Technology, Biotechnology, Pharmaceutical* dan sebagainya.
2. Tanjung Industri Park di Sepang. Industri yang digalakkan dengan izin, *Aerospace, Air Cargo(warehouse), Pharmaceutical, High Tech industries.*
3. Bandar Mahkota, Banting Industrial Park di Kuala Langat. Industri yang digalakkan *Heavy Industries.*
4. Zurah Industrial Park, Hulu Selangor. Industri digalakkan Foundry & Machinery.
5. Bernam Jaya Industry Park. Industri digalakkan High-Tech Industry dan sebagainya.

6. Bandar Sultan Suleiman Fasa 4. Industri digalakkan *Light & Medium Industry, Warehousing* dengan izin.
7. Worldwide Industrial Park di Kapar. Industri digalakkan Light & Medium Industri.
8. Pulau Indah Industrial Park, Fasa 3A. Industri digalakkan Light & Medium dengan izin.
9. Selangor Halal Hub di Pulau Indah . Industri yang digalakkan Industri halal.
10. Section II, Bandar Bukit Sentosa. Industri yang digalakkan *Automotive related industries* dengan izin.
11. PKFZ, industri yang digalakkan dengan izin, *Heavy Industri, Logistic & warehousing, High Tech industry, Automotive* Industri, Halal industri dan sebagainya.

Berdasarkan statistik projek perkilangan yang diluluskan di Negeri Selangor dari 2008 hingga Ogos 2013, kawasan industri yang bernilai tinggi dan menjadi penyumbang utama dalam sektor perkilangan, saya akan nyatakan lima lokasi yang tertinggi di Selangor iaitu:

1. Shah Alam – 307 projek dan jumlah modal pelaburan RM9.642 billion
2. Klang – 178 projek, jumlah modal pelaburan RM4.422 billion
3. Pulau Indah – 57 projek, RM3.674 billion jumlah modal pelaburan
4. Pelabuhan Klang – 90 projek, jumlah modal pelaburan RM3.611 billion
5. Sungai Way FTZ/ Seri Setia – 5 projek, jumlah modal pelaburan 3.550 billion ringgit

Berdasarkan Rancangan Tempatan Daerah Hulu Selangor 2020, (No. Warta 142) kawasan-kawasan perindustrian di dalam Daerah Hulu Selangor telah dikluster seperti berikut:

1. Kluster Aksesori dan Servis Kereta: Kawasan yang terlibat adalah Bukit Beruntung, Kawasan Perindustrian Batu 30, Hulu Yam dan Kawasan Perindustrian Tengah
2. Kluster Automotif dan Aksesori kereta: Kawasan yang terlibat adalah Anugerah Suria dan Kawasan Perindustrian Sungai Choh.



3. Kluster Perindustrian Perabut: Kawasan yang terlibat adalah Kawasan Perindustrian Perabut Hulu Yam
4. Kluster Jentera, Kejuruteraan dan Produk Asas Logam: Kawasan Perindustrian Kalumpang.
5. Kluster Industri Hi-Tech: Kawasan yang terlibat adalah kawasan Perindustrian Zurah, Rasa, Lembah Beringin dan Bukit Tagar
6. Kluster Industri Asas Tani: Kawasan yang terlibat adalah Bukit Sentosa
7. Kluster Pameran dan Jualan Aksesori: Kawasan yang terlibat adalah Auto City(Kawasan Baru dikenalpasti dalam Rancangan Tempatan
8. Kluster Industri Berasaskan Getah: Kawasan yang terlibat adalah Kawasan Perindustrian MIEL

Antara jenis-jenis industri yang berpotensi untuk dipromosikan di daerah-daerah luar Bandar khususnya di Hulu Selangor adalah seperti berikut:-

- a. Industri berkaitan automotif
- b. Industri produk pembuatan berasaskan logam dan besi
- c. Perkhidmatan dan pergudangan
- d. Pharmaceutical

**TUAN SPEAKER:** Soalan seterusnya Lembah Jaya. Tidak Hadir. Balakong

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya no. 62.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(BALAKONG)**

**TAJUK: KEDUDUKAN KEWANGAN NEGERI**

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar

- a) Apakah kedudukan kewangan negeri dan langkah yang diambil untuk mengukuhkan ekonomi negeri memandangkan jangkaan pertumbuhan GDP Kebangsaan 2013 telah merosot?
- b) Apakah rancangan kerajaan mengenai penggunaan rizab negeri?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan Speaker, kumpulan wang disatukan terdiri daripada akaun Hasil disatukan, Akaun Amanah disatukan dan Akaun Pinjaman disatukan. Secara keseluruhannya baki Kumpulan Wang disatukan adalah seperti berikut:

	<b>2011</b>	<b>2012</b>	<b>31.10.2013</b>
	<b>RM Juta</b>	<b>RM Juta</b>	<b>RM Juta</b>
Akaun Hasil disatukan	912.75	1,180.85	1,166.32
Akaun Amanah Disatukan	1,031.25	1,417.70	1,546.53
Akaun pinjaman disatukan	0.00	20.89	0.00
Kumpulan wang disatukan	<u>1,944.00</u>	<u>2,619.44</u>	<u>2,712.85</u>
Perbandingan Tahun	22.50%	34.74%	3.57%

Kerajaan Negeri Selangor akan melaksanakan usaha-usaha yang berterusan bagi meningkatkan kutipan hasil Kerajaan Negeri Selangor di samping pengurusan perbelanjaan wang awam yang menekankan prinsip ketelusan, keupayaan dan kebertanggungjawaban dalam semua urusan bagi memastikan nilai serta kualiti bagi perbelanjaan yang dikeluarkan dalam semua urusan adalah yang terbaik (*value for money*).

Bagi mengukuhkan kedudukan kewangan Negeri Selangor, Kerajaan Negeri telah melaksanakan perkara-perkara berikut:-

- i) mewujudkan Jawatankuasa pengurusan Tunai Kerajaan Negeri. Pewujudan Jawatankuasa Pengurusan Tunai Kerajaan Negeri telah berjaya membantu Kerajaan Negeri dalam menguruskan lebih tunai dengan lebih efisien di samping memberi pulangan faedah yang optimum;
- ii) pelaksanaan Operasi Bersepadu Mengutip Cukai Tanah dengan kerjasama di antara Perbendaharaan Negeri Selangor, semua Pejabat Daerah/Tanah, Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Bahagian Teknologi Maklumat, SUK sebagai satu pasukan (Ops.Kutip). Di antara pendekatan yang dilaksanakan melalui Ops. Kutip adalah seperti berikut:-
  - a) Polisi *knock door* iaitu dengan menghantar notis tuntutan dan surat peringatan terus kepada penunggak-pengunggak tegar;
  - b) Mengadakan siri perbincangan bersama penunggak-pengunggak tegar bagi menyelesaikan cukai tanah tertunggak

- c) Memberikan peluang kepada penunggak untuk membayar secara ansuran berjadual dengan syarat pembayaran dibuat secara konsisten; dan
  - d) Sekiranya penunggak tegar tersebut masih tidak menjelaskan cukai tanah tertunggak, Pejabat Daerah/Tanah tanpa teragak-agak akan terus menguatkuasakan Notis 6A, Notis Tuntutan Hasil Tertunggak dan sekiranya dalam tempoh 3 bulan ia masih tidak dijelaskan maka seterusnya Notis 8A, Rampasan Tanah akan dilaksanakan.
- iii) Kerajaan Negeri terutamanya melalui Pejabat Daerah/Tanah sentiasa berusaha meningkatkan kutipan cukai tanah melalui beberapa kaedah iaitu:-
- a) mengenal pasti serta mengasingkan semua hak milik (tertunggak) yang bermasalah agar tindakan susulan dapat diambil;
  - b) membuka kaunter kutipan di luar pejabat bagi Pejabat Daerah/Tanah di kawasan pedalaman
  - c) membuka kaunter pada waktu rehat; dan
  - d) menambahkan saluran/kaedah pembayaran secara *on line* dan pusat pembayaran di kaunter PBT
- iv) Kerajaan Negeri juga berusaha menangani tunggakan hasil cukai tanah dengan menubuhkan Jawatankuasa Kerja Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah yang berfungsi untuk melaksanakan kutipan tunggakan cukai tanah secara holistik yang melibatkan penunggak tegar dan penyelesaian hak milik yang terlibat dengan permasalahan tanah di semua Pejabat Daerah / Tanah; dan
- v) Kerajaan Negeri turut mewujudkan pasukan *Task force* mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah di empat Pejabat Daerah/Tanah iaitu Petaling, Klang, Gombak dan Hulu Langat untuk menangani secara khusus masalah tunggakan cukai tanah daripada hak milik bermasalah.
- b) Kerajaan Negeri dalam perancangan penggunaan sumber kewangan mengutamakan program atau projek yang akan membawa manfaat jangka panjang kepada kebajikan rakyat dan pembangunan negeri. Kerajaan Negeri akan mendapatkan kelulusan Dewan Negeri Selangor bagi penggunaan rizab negeri untuk projek-projek pembangunan antaranya:

**TUAN SPEAKER:** Soalan seterusnya Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK :** Terima kasih. Tuan Speaker, soalan nombor 64.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK  
(SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : PARIT DAN SALIRAN LUAR BANDAR**

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar

- a) Agensi manakah di peringkat Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab menyelenggarakan kemudahan infra parit dan saliran luar Bandar?
- b) Apakah mekanisme untuk memastikan tahap kebersihan kemudahan ini sentiasa baik?
- c) Apakah syarat untuk menggantikan parit tanah kepada konkrit?

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih Sungai Air Tawar, Tuan Speaker. Jawapan daripada soalan yang ditanya di peringkat Kerajaan Negeri, agensi yang bertanggungjawab bagi menyelenggara kemudahan infra parit dan saliran luar Bandar adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor. Jadi sejumlah RM 5.5 juta diterima daripada peruntukan Mengurus Negeri untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan parit yang mana ianya dilaksanakan oleh Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKK) di atas lantikan Kerajaan Negeri. Kerja-kerja pembersihan termasuk tebasan parit dilaksanakan secara berkala iaitu 4 kali setahun bagi kawasan pengairan dan 3 kali setahun bagi kawasan saliran. Namun begitu, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor turut menyediakan pelbagai kemudahan penyelenggaraan bukan struktur sepertimana menjalankan kerja-kerja pengorekan parit di kiri dan kanan di mana kerja-kerja tersebut dijalankan secara berkala dan;

Apakah mekanisme yang digunakan yang ditanya oleh Air Tawar, mekanisme yang digunakan untuk memastikan tahap kebersihan kemudahan ini sentiasa baik adalah melalui pemantauan dan pemeriksaan ke atas infra parit dan saliran khususnya di kawasan yang berisiko banjir. Pengagihan bagi kawasan tersebut turut diadakan dengan menempatkan 2 orang Pegawai Penguat kuasa ataupun Penguasa untuk mengawal selia dan melapur sebarang kerosakan pada struktur parit untuk tindakan pembaikan dilaksanakan. Di samping itu, juga kerja-kerja penggalian turut dijalankan dengan mengikut kepada penjadualan pengorekan iaitu dalam tempoh paling kurang setahun sekali mengikut keadaan semasa ditapak.

Oleh sebab keadaan kedudukan geografi, kawasan pendalaman adalah kurang sesuai jika ditukarkan kepada parit konkrit jadi syarat yang ditanya oleh Air Tawar itu apakah untuk syarat untuk menggantikan parit tanah kepada konkrit. Jadi jawapan dia

disebabkan kawasan pendalaman dan geografi yang tidak sesuai maka kurang sesuai jika ditukarkan kepada parit konkrit memandangkan parit tanah mempunyai kadar resapan yang lebih tinggi berbanding dengan longkang konkrit. Jadi secara tidak langsung ianya menjadi kolam takungan sementara sebelum air keluar terus ke laut. Itu jawapannya terima kasih.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Boleh soalan tambahan tak.

### III. RANG UNDANG-UNDANG

**TUAN SPEAKER :** Saya tidak benarkan soalan tambahan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.00 pagi dengan ini saya menanggung sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan urusan mesyuarat seterusnya sambungan Rang Undang-undang Perbekalan 2014, 2013 semua peringkat.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya kemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahaskan. Dengan ini dijemput Yang Berhormat Teratai untuk menyambung perbahasan semalam.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Terima kasih Puan Speaker. Salam sejahtera dan ucapan saya kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat EXCO, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Pegawai Kerajaan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Izinkanlah saya mula sambungkan ucapan saya dengan serangkap pantun:-

Pagi-pagi Sejuk Cuaca  
Yb-Yb Hangat Debat  
Suara Rakyat Kena Dibawa  
Bajet Selangor Jaga Rakyat

Puan Speaker, di samping itu Teratai menyambut baik atas usaha anak-anak syarikat kerajaan negeri Selangor dengan izin GLC dalam melaksanakan program '*Corporate Integriti Flash*' yang mana dengan menandatangani '*Integriti Pack*' dengan '*Transparency International Malaysia*' dengan izin akan tetapi Kerajaan Selangor juga disarankan untuk mengadakan mekanisma pemantauan dari masa ke semasa demi membanteras rasuah di Selangor. Kerajaan Selangor menyokong dasar melindungi pemberi maklumat sebagai satu langkah untuk mendapat maklumat-maklumat berkenaan dengan isu-isu yang ingin dibangkitkan oleh orang awam. Dengan ini Teratai berharap satu Enakmen Pelindung pemberi maklumat Negeri Selangor dapat digubal untuk memastikan pemberi-pemberi maklumat dapat dengan senang hati tampil ke depan untuk memberi maklumat dengan tiada perasaan bimbang keadaan mereka tergugat.

Teratai mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan juga Kerajaan Negeri Selangor dengan menambahkan Skim Merakyatkan Ekonomi Selangor daripada 7 kepada 17 skim-skim di bawah Program MES. Akan tetapi Teratai berharap lebih ramai rakyat Selangor dapat menerima manfaat lagi jika dibandingkan dengan hanya jumlah 1.6 juta daripada 5.6 juta rakyat Selangor yang menerima manfaat di bawah skim-skim MES berkenaan kecuali skim memberi air percuma.

Teratai juga mengalu-alukan penubuhan Majlis Pengangkutan Awam Selangor, Teratai berharap Majlis Pengangkutan Awam Selangor ini bukan sahaja mengkaji kesesakan lalu-lintas di bandar sahaja tetapi juga keadaan kesesakan lalu-lintas di pinggir bandar seperti di sekitar Pandan dan Ampang. Di mana kesesakan lalu-lintas telah sekian lama berlaku. Peruntukan pengangkutan bas awam haruslah diagihkan di bawah belanjawan negeri 2014, terutamanya di kawasan DUN Teratai kerana pembekalan pengangkutan awam seperti bas awam merupakan salah satu Manifesto Pakatan Rakyat Selangor. Negeri Selangor sebagai negeri peneraju justeru itu Teratai berharap kerajaan negeri dapat menambahkan peruntukan yang lebih tinggi kepada tabung pendidikan anak-anak pekerja ladang yang mana hanya RM1 juta dicadangkan di bawah belanjawan Negeri Selangor 2014 ini tidak mencukupi untuk menabung anak-anak pekerja ladang yang sepatutnya mendapat lebih bantuan daripada Kerajaan Negeri Selangor.

Pendidikan anak-anak pekerja ladang tidak harus diabaikan. Teratai menyambut baik terhadap hasrat kerajaan Selangor untuk menubuhkan Tabung Perubatan Khas penyakit kritikal malahan Teratai berharap Kerajaan Negeri Selangor dapat memberikan peruntukan dengan jumlah yang munasabah sebagai titik permulaan penubuhan tabung tersebut. Teratai berharap hasrat Kerajaan Negeri Selangor dapat dilakukan dengan merangka satu pelan tindakan, tidak lupa juga Teratai berharap Pusat Dialisis yang seharusnya ditubuhkan di setiap DUN dapat disempurnakan pada tahun 2014 ini dengan peruntukan belanjawan yang mencukupi. Kesihatan rakyat harus menjadi kesihatan Kerajaan Negeri Selangor juga disebabkan rakyat merupakan aset bagi Kerajaan Negeri Selangor menjadi satu negeri yang maju.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat,

Negeri Selangor merupakan satu negeri yang muda. Oleh yang demikian, peruntukan sejumlah RM11.5 juta yang diagihkan di bawah belanjawan Negeri Selangor 2014 selain daripada RM 50 juta rizab negeri adalah tidak mencukupi untuk komponen Belia.

Institusi pembangunan belia haruslah ditubuhkan supaya memastikan anak-anak muda Selangor merupakan pemuda-pemuda yang berpendidikan tinggi dan terus menjadi pemimpin-pemimpin, peneraju dalam Negeri Selangor ini. Teratai juga merakamkan penghargaan dan terima kasih terhadap Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat EXCO dalam usaha mewujudkan masyarakat penyayang. Akan tetapi RM7.8 juta hanya diagihkan untuk masyarakat penyayang ini yang mana masyarakat penyayang harus mendapat belanjawan yang lebih tinggi. Oleh itu Teratai berharap Kerajaan Negeri Selangor dapat mengagihkan lebih banyak

peruntukan supaya suatu masyarakat penyayang yang lebih menyeluruh dapat di wujudkan di Selangor terutamanya kepada golongan OKU dan juga golongan miskin di bawah paras pendapatan miskin yang ditetapkan oleh Negeri Selangor.

Penubuhan Pusat Kebudayaan merupakan rancangan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat sejak penggal pertama sepertimana yang telah diutarakan oleh Y.B. Sekinchan sebelum ini. Oleh itu, Teratai berharap kerajaan Negeri Selangor dapat mengagihkan peruntukan untuk Penubuhan Pusat Kebudayaan berkenaan selain daripada 3.05 juta sahaja yang diperuntukkan di bawah perkara-perkara kebudayaan dan tradisi di Negeri Selangor.

Teratai juga menyambut baik atas cadangan Y.B. Sekinchan dengan memberi bonus satu bulan kepada pegawai-pegawai kerajaan yang berprestasi tinggi serta menambah elaun dan kebajikan untuk pembantu-pembantu wakil rakyat yang sepatutnya menolong wakil rakyat meringankan kerja-kerja berat kami. Teratai juga berharap Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dapat meluluskan atau menyambut baik dengan meluluskan cadangan Y.B. Sekinchan dengan menambah juga gaji-gaji Ahli-ahli Yang Berhormat memandangkan keadaan ekonomi yang mana kos hidup menjadi lebih tinggi disebabkan harga barang naik di bawah pentadbiran Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional.

Teratai di sini, ingin berkongsi salah satu peribahasa yang Teratai yang berasa memang sesuai untuk berkongsi bersama Ahli-ahli Yang Berhormat dan di dalam dewan ini. Dengan izin '*Great Nations are Built By Great People Not Just Successful People*'. Jadi bagi kerajaan Negeri Selangor Pakatan Rakyat yang berasaskan rakyat.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Teratai 5 minit lagi

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Terima kasih. Saya berharap memang belanjawan Negeri Selangor 2014 ini adalah berasaskan hasrat rakyat. Teratai ingin mengakhiri ucapan pada pagi ini dengan berkongsi serangkap pantun sekali lagi.

Tanam Padi Hendaklah Di Sekinchan  
Bukit Cantik Berada Di Teratai  
Belanjawan Selangor Di Debat Di Dewan  
Harapan Rakyat Pakatan Rakyat Tercapai

Jadi dengan ini Teratai menyokong usul ucapan belanjawan Negeri Selangor 2014, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Kuang.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Tuan Speaker. *Assalamualakum Warahmatullah Wabarakuh*, salam sejahtera salam satu Malaysia. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker memberi

peluang kepada Kuang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet Selangor 2014 di Mesyuarat Ketiga Penggal Pertama 2013 pada hari ini.

Tuan Speaker, apakah ukuran sebuah kerajaan yang cekap dan berkesan dan mampu menjaga kebajikan seluruh rakyat. Persoalannya adakah sekadar dapat menambah rizab kewangan negeri berbilion ringgit tetapi tidak cekap berbelanja sehingga dikritik oleh orang sendiri. Perlu diingat kita kerajaan bukan syarikat korporat, duit untuk belanja rakyat bukan simpan untuk bayar dividen pemegang saham. Adakah sekadar dapat meningkatkan pendapatan negeri lalu dibentangkan satu bajet dengan peruntukan kewangan yang tinggi tetapi rakyat ditindas dengan kenaikan cukai dan premium tanah.

Adakah sekadar dapat membentangkan satu bajet berimbang tetapi di tengah tahun mohon bajet tambahan. Adakah kerana polisi hebat seperti *Value For Money* dengan izin, untuk setiap projek atau program kerajaan sehingga tanah asrama Yayasan Selangor dijual dan hal kebajikan pelajar di kotak-katek. Sekinchan janganlah marah. Saya sokong Sekinchan, kerana mintak kaji naik elaun ha.. itu saya sokong, tapi jangan tindas rakyat, ya. Adakah kerana berjaya buat projek perumahan berharga berjuta-juta seperti Datum Jelatek sehingga rakyat penghuni asal terpinggir dan terbangun atau sekadar dapat melaksana berbagai-bagai program populis.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Mintak mencelah...

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Kuang, Sekinchan mintak mencelah

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Kononnya untuk sebuah rakyat seperti jom *shopping*..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Kata sokong Sekinchan bagi lah

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Tetapi hanya yang terpilih yang sokong kita sahaja, tetapi Sekinchan.....

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Mintak penjelasan

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Sekinchan, Sekinchan dulu..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih, terima kasih Tuan Timbalan Speaker, terima kasih sahabat saya daripada Kuang ya. Pagi ini ambil bahagian, ingat tak nak ambil bahagian pula. Bagus, tahniah. Tapi saya nampak ucapan yang dikemukakan perbahasan oleh Kuang ini seolah-olah teks tahun lepas ya. (Ahli dewan ketawa) Kitar semula tu, teks tahun lepas, Yayasan tu semua tahun lepas. Cuba cari teks baru. Jangan tersilap ambil teks tu. Terima kasih.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Kg. Tunku minta tadi kan? Tak nak?



**TIMBALAN SPEAKER:** Kg., Kg., bukan Bukit.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ha, Kg. Tunku. Yang Berhormat Kuang, teks lama tu. Kalau sudah lama, kena tukar lah.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Dia kan, yang lama pun tak boleh selesai. Kita kena peringatkan baru boleh selesai. Ha, ni yang baru, ni yang baru. Kalau dianggap yang lama pun tak apa Sekinchan. Tapi bererti yang lama pun tak boleh selesai. Bererti saya nak peringatkan supaya yang lama..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Makna mengaku lah memang teks tadi lama lah..

**TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan, sila duduk. Ini giliran Kuang, kalau Kuang tak bagi tak boleh cakap.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Jadi, saya cerita ni..

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Kuang, Kuang, boleh mencelah sedikit.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Perkara lama pun tak boleh selesai. Sila, ada lagi? Silakan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih. Saya pun dengar juga ucapan Sekinchan. Lagi, kitar semula daripada 2008. Asyik-asyik isu yang sama juga dia pusing-pusing. Yang baru satu saja, tambah naik gaji. Itu sahaja lain tak ada, serupa saja.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Terima kasih.

**TIMBALAN SPEAKER:** Ini saya ingat kejayaan EXCO Alam Sekitar, semua kitar semula. (Ahli dewan ketawa).

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Jadi kita..

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Maaf, maaf, itu PBT ya, bukan Alam Sekitar, kitar semula.

**TIMBALAN SPEAKER:** Ok, ok, bertenang, bertenang.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Terima kasih, terima kasih. Bererti saya berterima kasih ni Permatang. Sebenarnya saya dah tau lama dah. Dia memang kitar semula dari 2008, tapi saya tak nak usik dia. Fasal dia nak naikan elaun tu. Saya ambil kira yang tu. Tapi pastikan rakyat jangan tertindas, elaun nak naik tapi rakyat tertindas, saya tak setuju. Saya tak setuju, duit saya cukup, ha. Ok. Kita bukan menaikkan harga barang di peringkat pusat. Menurunkan subsidi, kena faham tu.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tapi hakikatnya sama. Minta penjelasan, minta penjelasan ya, Tuan Timbalan Speaker

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Cukup, cukup tu.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Sebab bab ini nak debat sikit.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan, Kuang tak bagi laluan.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya tak bagi. Maka itu lah, saya tidak teragak-agak mengatakan bahawa kerajaan negeri di bawah kerajaan Pakatan bermula 2008 sehingga sekarang, masih lemah kerana 2 sebab fokus utama. Iaitu, kegagalan menyelesaikan penstrukturan industri air negeri..

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Nanti dulu. Dan gagal mengurus industri ini secara yang berkesan dan profesional. Kemudian, kegagalan bekerjasama dan memberi kebenaran bagi membina empangan dan loji rawatan air, Langat 2. Hasil penyaluran air dari negeri Pahang. Tuan Speaker, harus diingat dalam sistem pengurusan air..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Minta penjelasan..

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya tak izin ya. Saya tak izin. Nanti saya ada masa saya bagi.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ada, masa ada tadi. Sebab sekarang pun tak boleh cakap.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya tak izin, ini saya punya *floor*, ini *floor* saya, ya. Menjadi tanggungjawab negeri menyediakan bekalan air mentah yang mencukupi dan selamat sebelum proses rawatan. Dalam hal ini, kerajaan negeri tidak mampu membuat apa-apa kerana sumber air mentah yang selamat dan banyak tidak cukup bagi kita. Maka itu, sudah tentulah, bila tak cukup, kita terpaksa minta bantuan negeri Pahang dan Negeri Sembilan. Maka itu, diadakan projek penyaluran air Pahang Selangor dan menjadi tanggungjawab kerajaan Persekutuan untuk menyediakan loji rawatan air dan sistem penyaluran seperti tangki dan paip untuk bekalan sampai kepada pengguna dan menjadi tanggungjawab Syarikat Konsesi operator air membekal air yang sudah terawat secara yang berkesan, cekap dan profesional. Soalnya, bagaimana nak agih air yang, jika bekalan air bersih tidak mencukupi. Soalnya bagaimana kerajaan Persekutuan nak bina loji kalau kerajaan negeri tidak beri kelulusan. Kesimpulannya kerajaan negeri gagal sedangkan kelemahan sendiri banyak, ya. Bak kata orang, kuman seberang nampak, gajah depan mata tak nampak. Kerana pepatah mengatakan, orang berjaya memberikan hasil, orang gagal

memberikan alasan. Jika lepas ini kita terus dengan alasan, bermakna benarlah kerajaan Selangor ini gagal mengurus industri air.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Minta penjelasan.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya nak cerita fasal alasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Kuang, Teratai nak mencelah.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Ha, silalah. Fasal orang baru.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Ya, Yang Berhormat, saya ingin nak dapat penjelasan atas keputusan pengundi, majoriti undi bagi PRU 13 itu, adalah kepada Barisan Nasional atau kepada Pakatan Rakyat. Yang manakah yang gagal, yang manakah yang menang, terima kasih.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya ingat, lari dari soalan dengan air ni. Itu undi, kita pun tau siapa yang bagi undi lebih

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan ya. Ni air, saya nak tanya air. Tuan Timbalan Speaker..

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Kita pun..bagi lebih-lebih pun kita tau. Ok, ok. Cukup-cukup.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Hakikat kegagalan ini adalah kerana kerajaan negeri mencipta dan memberi alasan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Timbalan Speaker, saya nak terangkan. Dia bagi ke tak bagi?

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya tak bagi.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Tak bagi?

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Tak bagi. Duduklah.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ok, terima kasih.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Ini *floor* saya. Ini lah bukti sebuah kegagalan atau mencipta dan mencanangkan alasan. Lebih menarik kalau sebabnya pula boleh dikaitkan dengan orang lain sebagai kambing hitam.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Timbalan Speaker, minta penjelasan sikit.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Antara alasan yang..

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Ini tentang air tu. Air, sini..sini, jiran sebelah

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Oo, Rawang, ok lah

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Ha, Rawang ok lah dalam Parlimen sama. Saya minta penjelasan sebab kalau ikut rekod, sebenarnya keputusan kabinet telah luluskan dalam bulan Februari 2008 sebelum berlaku pertukaran kerajaan Selangor bahawa penstrukturan air itu diserahkan balik kepada kerajaan Selangor untuk dilaksanakan. Ini kerajaan pusat yang gagal laksanakan dia punya janji ataupun kerajaan Selangor pula yang dipertanggungjawabkan.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Terima kasih. Memang kita bagi tapi dia akan sampai jawapannya kerana kerajaan negeri, kita nak beri pada kerajaan negeri, kerajaan negeri nak untung lebih. Perbincangan tak boleh buat. *Win-win situation*, tak boleh buat. Ok, cukup.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Gaya, gaya tu ada tadi, saya nak minta penjelasan. Gaya ada tu.

**TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan, Kuang tak bagi Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Gaya dia cantik, gaya dia..

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Yang cantik tu Sekinchan saja. Tak nak bagi saya habis cakap dari dulu.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** (ketawa)

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya tak bagi, saya tak bagi.

**TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan, Kuang tak bagi.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tengok nampak Kuang dia macam boleh jadi Ketua Pembangkang.

**TIMBALAN SPEAKER:** Kuang dia mesra wanita.. duduk sekejap.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Lebih menonjol, lebih menonjol. Hebat, hebat. Tahniah, tahniah.

**TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan duduk.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Sekinchan, kita cerita fasal air Sekinchan. Air ni penting. Nak bersuci pun dengan air juga. Malam tadi malam sunat. Jadi kita pagi ni pakai air pun banyak. Jadi, ini..air untuk kegunaan semua. Alasan daripada kerajaan negeri, kerajaan Persekutuan tidak bantu untuk proses ambil alih Syarikat Konsesi. Alasan ya. Padahal kerajaan Persekutuan amat membantu dan menjadi orang tengah yang adil. Tetapi pengambilan mesti berdasarkan konsep *willing buyer, willing seller*, dengan izin. Iaitu berdasarkan harga munasabah yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak, penjual dan pembeli bukan memaksa syarikat menjual pada harga rendah dan jika tidak mahu melalui proses timbang tara. Difahamkan kerajaan negeri kekal mahu beli pada harga tawaran RM9.65 bilion pada 20 Februari 2013.

Projek menolak air dari Pahang Ke Selangor dianggap membazir kerana Projek Langat 2 hanya untuk kroni katanya. Padahal projek ini adalah berjangka panjang hasil kajian mendalam yang telah dikaji khususnya oleh Kementerian Tenaga, Teknologi, Hijau dan Air. Kerajaan Persekutuan juga bersedia membuka tender projek kepada semua pihak termasuk anak syarikat kerajaan negeri dan juga syarikat yang dikemukakan oleh Sekinchan. Ha, nanti kita kemukakanlah.. Kemudian kerajaan negeri mendakwa..di empangan..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Minta penjelasan Tuan Timbalan Speaker. Oleh sebab dia sebut Sekinchan, dia dah sebut Sekinchan kita bangunlah.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Ok, ok, saya bagi Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Kuang. Memang hebatlah Yang Berhormat Kuang. Dengan cara dia tapi tak ada isi. Isi dia lama. Cuma teks lama tu, hebat tapi teks lama tu. Apa pula cerita ni. Tapi kalau dibagi potensi macam tu, ada 'can' jadi Ketua Pembangkang. Itu satu, yang kedua..belum lagi. Mencilah, ini mencilah belum habis. Ada, ada soalan, soalan. Ada, ada, sabar, sabar..kejap ya. Bagi..(ketawa), tak apa, tak apa. Sama-sama naik gaji, tak apa, sama-sama naik. Cuma Ketua Pembangkang saja lebih sikit. Elaun dia lebih sikit sebab kita dah iktiraf.

**TIMBALAN SPEAKER:** Apa pun, Sekinchan, *straight to the point*.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Berkaitan dengan isu air ni, kerajaan negeri Selangor sudah lama dah kita tawarkan RM9.65 bilion untuk ambil alih, ya, untuk ambil alih daripada kerajaan Persekutuan, namun sampai hari ini, kerajaan Persekutuan tetap berpihak kepada konsesi air, iaitu syarikat Syabas, nak minta sampai RM11 bilion. Beza berapa? Beza banyak tu. Jadi kenapa kerajaan pusat melihat kepada konsesi? Sepatutnya kerajaan pusat..

**TIMBALAN SPEAKER:** Bertenang, Yang Berhormat, bertenang. Sekarang Sekinchan sedang bertanya, peluang kepada dia. Eh! Kejap, kejap. Hulu Bernam, saya minta semua bertenang. Bila Sekinchan sedang bertanya, bagi laluan pada

Sekinchan. Dengar dengan baik lepas tu kita bagi peluang pada Kuang menjawab. Kalau nak mencelah lepas tu boleh tanya kepada Kuang.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Baiklah, saya dah faham dah tu. Tapi saya nak tanya Sekinchan, mana ada orang nak berniaga nak rugi Sekinchan. Ini harga mesti dipertimbangtarakan. Ini harga lama. Mesti dipertimbangtarakan. Saya tak mahu jawab dah, dah cukup cukup. Saya tak mahu jawab. Saya terus..Tuan Timbalan Speaker, saya teruskan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Kerajaan Persekutuan..

**TIMBALAN SPEAKER:** Duduk, duduk Sekinchan, duduk.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya teruskan.

Ini muka baru.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Kerajaan negeri mendakwa, air masih banyak lagi, masih banyak. Sedangkan air mesti dirawat. Kita perlu air yang terawat yang mencukupi sebenarnya. Projek penyaluran air dari Pahang dan Empangan Loji Langat 2 menyelesaikan 2 perkara pokok sekali gus iaitu

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Peraturan mesyuarat

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Memastikan bekalan air mentah dan air terawat

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Peraturan mesyuarat

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Jangan ganggu ni

**TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Kuang, minta duduk. Yang Berhormat Kuang minta duduk. Peraturan mesyuarat. Ya..

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Peraturan mesyuarat 35 (6), seseorang ahli tidak boleh membaca ucapannya, saya lihat

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Ini perkara pokok..

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya belum habis lagi Yang Berhormat Kuang

**TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Kuang duduk, Peraturan mesyuarat kalau dibacakan Yang Berhormat kena duduk, ya.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Maksud saya ialah, Yang Berhormat Kuang ni dia asyik baca saja. Dia baca saja tak lain tak bukan, baca saja. Jadi saya minta, walaupun teks lama. Jadi saya minta Yang Berhormat Kuang jangan baca.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Ok, ok, dah.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Yang Berhormat berbahas. Berbahas, beri peluang pada ahli-ahli yang lain berbahas, berbahas. Yang Berhormat Kuang, jangan baca.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Ok dah.

**TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat, ok, ok, Kg. Tunku.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Cukuplah, nak cakap fasal baca pun nak ambil 10 minit untuk saya ni.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Peraturan tetap belum habis lagi.

**TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat, ok, ok, duduk. Kg. Tunku duduk, Kuang duduk. Dua-dua duduk. Hari ini hari Jumaat ya. Kita ada peraturan tetap, ya semua jelas ya. Yang Peraturan tetap yang disebutkan oleh Kg. Tunku tu betul ya. Kita semua, semua maklum ya, jadi saya memang benar merujuk cuma tidak dibenarkan membaca. Jadi saya harap didengar teguran tersebut.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya bukan baca, saya rujuk. Saya merujuk. (ketawa). Ok, baiklah, jadi, air ni bila kita nak rawat, buat Loji Langat 2 ni untuk pertahan 10 hingga 20 tahun. Untuk pertahankan 10 hingga 20 tahun. Kerajaan negeri kata kita masih banyak lombong lagi. Saya nak beritahu lombong mana yang kita nak masuki ni. Lombong di Kuang ada satu, Lombong Tasik Biru. Ha, kalau Langat nak pergi cuci lombong Kuang ni..

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Mencilah, mencilah..

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Cuci lah, silalah..

**TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Kuang, Sri Muda nak bertanya.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Sri Muda nak tanya juga ke?

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Sikit saja lagi *time* ni.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Sikit saja.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Ok, sikit saja.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker dan juga Kuang. Saya ingin balik kepada apa yang disebut oleh Kuang tadi berkenaan dengan penyaluran air daripada negeri Pahang. Kita tahu yang penyaluran air dari Pahang ini ialah air mentah, bukannya air terawat. Jadi, dalam keadaan negeri Selangor ini, kita banyak air. Sri Muda, bila hujan saja banjir, banyak air. Kenapa tak bina saja loji pembersihan itu di kawasan yang banyak air, terlebih air? Kenapa nak import daripada Pahang? Itu persoalannya, tolong jawab.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRIUS:** Itu yang saya katakan, kalau Sri Muda sanggup minum air longkang, air pelimpahan, boleh lah. Kita ambil air bersih. Siapa larat nak minum Lombong Biru..

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Yang Berhormat, mencelah, mencelah.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRIS:** Timbalan Speaker..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Alasan, alasan

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Air pelimpahan diproses, dirawat

**TIMBALAN SPEAKER:** Bertenang, bertenang

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya tak mahu minum..

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Ini bukan air bersih, ini bukan air terawat. Yang diimport itu air..

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya..

**TIMBALAN SPEAKER:** Sri Muda, Sri Muda, bertenang. Bagi Kuang teruskan ya.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Tak izin lah. Speaker, saya tak izin kerana Sri Muda juga salah seorang juga yang hantar memorandum, saya dengar. Kalau tak setuju dengan kerajaan,

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Itu lain..

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Tuan Speaker..

**TIMBALAN SPEAKER:** Duduk, duduk Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Sikit, sikit..

**TIMBALAN SPEAKER:** Sebab ini giliran Kuang, dia tak izin.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Ini Kuang punya..



**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Sikit saja, sikit saja.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Tak izin lah, tak izin lah. Tak apa, tak apa.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Jangan berlakonlah. Memorandum pun hantar. (ahli dewan ketawa). Jadi maka itu ya, saya memikirkan kerana air ini pentinglah maka kita kena bersama-sama. Sekinchan memang macam tu, dia dulu pun pernah

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ha, mencelah, mencelah. Ha, bagi Bukit Gasing satu peluang.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya tak benarkan, dah cukup, dah cukup..

**TIMBALAN SPEAKER:** Bukit Gasing, Sri Muda, Kuang tak bagi. Ok, duduk, duduk.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Sri Muda bagi? Sedikit saja.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Sri Muda bagi? Sedikit sahaja.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Kemudiannya saya dimaklumkan alasan dari Kerajaan Negeri tak perlu belanja besar nak buat loji Langat 2, tak perlu dia kata. Dia kena fikir bahawa yang kita nak bikin ni nak digunakan oleh rakyat Selangor kat Lembah Kelang keseluruhannya. Yang nak minum air ni kita, kalau Kerajaan Pusat pun, bukan Kerajaan Pusat nak bagi orang BN je Barisan Nasional minum, orang DAP pun minum sama, orang PAS pun minum. Orang PAS tak ada hari ni. Maka itu ya kita kena sokong, kita kena segerakan. Jangan berlakon nak sokong tapi tak segerakan. Ini politikkan air ni fasal apa? Benda lain politik la, air jangan dipolitikkan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Bagi penjelasan. Jangan berlakon.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya nak bagi tahu ya fasal kata air banyak, air lombong banyak, air perlimbahan banyak, air longkang banyak. Nak dirawat nak diminum. Saya nak bagi tahu pakar menjelaskan bekas Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Profesor Dato' Ir. Kezrul Abdullah, ini pakar cakap ni bukan Sekinchan cakap, pakar, Sekinchan dia tak tau benda ni. Kaedah rawatan air membran lebih tinggi kosnya berbanding pembinaan Loji Rawatan Air Langat. Kalau proses tu lebih mahal daripada membina loji ni. Maka itu....

**TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Kuang minta simpulkan ya. Dah minit akhir.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya nak simpulkan oleh sebab banyak lagi sebenarnya. Oleh sebab nak simpulkan...kacau betul, Sekinchan punya taktik la.

Tak apa la tak apa. Saya nak berbalik kepada kawasan saya la. Ya, kawasan saya khususnya persimpangan jalan, Jalan Negeri B25 dan B149 persimpangan Kuang dan juga Jalan Kampung Setia yang saya tengok begitu sesak khususnya di waktu-waktu memuncak. Maka itu saya pohon lah Kerajaan memikirkan bahawa perlu diperbesarkan persimpangan jalan ini dan yang keduanya masalah....

**TIMBALAN SPEAKER:** Sri Muda nak mencelah. Kuang tak bagi.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Dan yang keduanya ialah isu tak ada dalam Parlimen Selayang ya iaitu isu pembangunan Bukit Botak. Saya dimaklumkan ada senarai nama asal tak diterima untuk menerima rumah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Mintak mencelah, mintak mencelah.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Maka yang ini harus difikirkan supaya penerima-penerima ataupun penama-penama asal harus diterima untuk menduduki rumah di Bukit Botak ni. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ha ha ha ha, mintak mencelah tak ada.

**TIMBALAN SPEAKER:** Kota Damansara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** *Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullah hitaala wabarakatuh.*, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker kerana memberi ruang dan peluang kepada DUN Kota Damansara untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2014 Negeri Selangor di Mesyuarat Ketiga Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Ke 13. Saya nak mula dengan pantun. Jangan gelak Sekinchan. Hari Jumaat ni ya Sekinchan.

Bersopan santun amalan sejagat,  
Berbudi bahasa mengikut adat,  
Belanjawan berhemat, berimpak tinggi, maslahat rakyat,  
Diharap semua golongan masyarakat mendapat berkat.

Timbalan Speaker, di persidangan yang lepas ini bukan *recycle* ya Sekinchan, selagi saya diberi mandat oleh rakyat Kota Damansara, selagi masalah isu ini tidak diketengahkan dan tidak diambil kira, dengan sebaik mungkin, saya akan bawa berkali-kali walaupun *re-cycle* Sekinchan. Saya nak membangkitkan isu berkenaan dengan sewa rumah di projek perumahan PPR Kota Damansara dan juga Lembah Subang. Kenaikan daripada RM 124.00 kepada RM 250.00. Isunya adalah Kerajaan Selangor yang selama ini melaung-laungkan slogan Negeri Berkeadilan ini dalam manifestonya yang berikrar untuk memberikan sebaik mungkin kebajikan kepada rakyat tetapi apakah tindakan Kerajaan Negeri Selangor dalam masalah kenaikan rumah, sewa rumah yang RM 250.00 ini? Kenaikan kadar sewa rumah ini memberi bebanan kepada penduduk. Kalau di Lembah Subang ada 8 blok mempunyai 3,136 unit, penduduknya seramai 10

ribu orang. Tetapi kalau di Kota Damansara, 1,003 unit, penduduknya seramai 5 ribu orang. Jumlah keseluruhan 15 ribu orang yang nak dibela oleh kita. Bagaimana caranya Kerajaan Negeri Selangor menangani kenaikan harga rumah ini yang telah dipohon oleh pemohon-pemohon penduduk-penduduk untuk diturunkan harganya kepada RM 124.00. Mereka tidak mampu. Disebabkan kenaikan ini tunggakan oleh penyewa ini berlipat ganda. Apatah lagi Tuan Speaker yang paling menyedihkan kepada warga kurang upaya, kepada warga emas, dan juga kepada warga ibu tunggal yang tidak mempunyai pendapatan...

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya nak mencelah Speaker, nak tanya sikit la. Boleh ke peraturan Dewan menggunakan kamera ber*flash* ni ambil gambar ni? Saya tengok Bukit Gasing gunakan kamera ambil gambar. Saya terganggu ni. Boleh ke Tuan Speaker?

**TIMBALAN SPEAKER:** Ya, Bukit Gasing mintak tidak menggunakan peralatan tersebut.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Saya juga nak mencadangkan lah terlanjur tu dah ambil gambarkan. Saya nak mencadangkan kursus ini bukan hanya diberi kepada semua ADUN Pembangkang tapi saya lihat kursus ini juga diberi kepada ADUN Pemerintah. Sebab saya tengok rata-rata tidak begitu berhemah lah dalam Dewan yang mulia ini. Sebab kita ini dipilih oleh rakyat. Rakyat nak tengok macam mana cara kita berbahas dengan cara berhemah, bersopan dan juga berbudi bahasa.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Mohon mencelah sikit.

**TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Kota Damansara, Sri Muda mohon mencelah.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Sila lah. Lawa tu Baju Melayu tu.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih. Baju baru. Terima kasih Kota Damansara. Saya nak sebut balik yang dikatakan oleh Kota Damansara tadi yang kita tak berhemah. Tak berhemah ni banyak kategori. Jadi kita tak boleh gabungkan semua sekali tak berhemah. Saya tak nampak yang tak berhemah yang macam mana. Jadi pohon penjelasan supaya ayat itu, sebab dalam Dewan ni dia direkod. Tak berhemah yang macam mana, kalau mungkin sedikit kena bagi penjelasan. Saya fikir kita semua berhemah, semua mengikut peraturan, cuma sedikit sebanyak lawak-lawak itu biasa. Kalau tidak nanti tertidur, sebab hari Jumaat seperti disebutkan oleh Kota Damansara. Mohon penjelasan.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Kalau nak tidur jangan jadi Wakil Rakyat lah kan. Duduk lah di rumah. Jangan mengganggu menggugat. Betul? Timbalan Speaker, bagaimana cara kita, Kerajaan ni lah, saya lah sebagai Wakil Rakyat saya nak minta bantuan, nak minta juga pertolongan daripada Kerajaan Negeri

Selangor macam mana kita nak meringankan bebanan warga emas, warga kurang upaya dan ibu tunggal ini untuk nak menangani masalah mereka tidak mampu nak membayar sewa sebanyak RM 250.00 ini. Kadar sewa ini telah pun dinaikkan seawal bulan Jun 2013. Saya dah bawa perkara ini dalam Dewan sidang yang lepas, tetapi ia seingat saya kepada mereka yang memohon akan dikecualikan tetapi ia tidak berlaku. Jadi saya memohon kepada Kerajaan Negeri Selangor yang sentiasa menitikberatkan kebajikan rakyat terutamanya rakyat yang mahal ini. Ambil kiralah permohonan mereka untuk menurunkan sewa ini daripada RM 250.00 kepada RM 124.00.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Timbalan Tuan Speaker, *point of order*. Peraturan Tetap 36.

**TIMBALAN SPEAKER:** Duduk Kota Damansara. Peraturan Tetap.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Sangkaan buruk. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk sekali lagi ya bagi pihak Ahli EXCO Cempaka, Yang Berhormat Cempaka, beliau telah mengatakan secara terus terang kepada pihak media dan sebagainya, bukan kerajaan Pakatan Rakyat yang menambah ataupun yang menaikkan harga kos sewa PPR termasuk di Kota Damansara. Dah banyak kali kita dah tunjuk yang keputusan EXCO yang dikeluarkan oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum kita mengambil kerajaan di Selangor 2008. Jadi saya rasa perkara ini tidak seharusnya dibangkitkan. Perkara kedua adalah sangkaan buruk di mana seperti kita tidak mahu layan rakyat atau penduduk miskin yang duduk di PPR Kota Damansara. Kalau mereka layak, kalau mereka layak untuk dapat diskaun dan sebagainya, memang Kerajaan akan mengikut syarat-syarat yang tertentu bukan suka hati sahaja. Jadi saya rasa perkara ini tidak sepatutnya dibangkit sekali lagi di Dewan.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Jawab dalam penggulungan lah sebab bukan sangka buruk...

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Timbalan Tuan Speaker kerana ini *point of order*...tidak boleh sangkaan buruk dan tidak boleh memfitnah...

**TIMBALAN SPEAKER:** Saya beri Kota Damansara teruskan. Nanti kalau tu boleh dijawab di dalam penggulungan nanti.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Jawablah dalam penggulungan. Lain orang ditanya lain orang pulak yang jawab.

**Y.B. PUAN GAN PEI MEI:** Tuan Timbalan Speaker, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Kota Damansara.

**TIMBALAN SPEAKER:** Kota Damansara, bagi atau tidak?

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Tak bagi.

**Y.B. PUAN GAN PEI MEI:** Sebab saya rasa fakta tu perlu diperbetulkan. Kalau tak ada dia akan *mislead* dengan izin...

**TIMBALAN SPEAKER:** Kota Damansara, tak bagi laluan.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Saya tak bagi laluan.

**TIMBALAN SPEAKER:** Sila duduk.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Mohon laluan, Tuan Timbalan Speaker. Peraturan Tetap 36 (6).

**TIMBALAN SPEAKER:** Duduk semua yang lain Peraturan Tetap.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Berkenaan dengan sangkaan jahat yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Bukit Lanjan tadi. Disebabkan fakta ini telah dibetulkan di dalam Dewan ini sebelum ini maka sekiranya sekali lagi dikelirukan oleh mana-mana ADUN dan dibangkitkan oleh ADUN yang lain bahawa itu adalah sangka jahat kerana fakta yang tidak dikemukakan, maka ADUN berkenaan hendaklah menarik balik. Sekiranya tidak, maka ia boleh dirujuk ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan untuk dihakimi.

**TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat. Kejap, kejap, duduk semua. Kota Damansara saya minta tarik balik. Perkara ni dah disentuh sebelum ni, ya dah disentuh perkara ini. Perkara ini telah dibangkitkan dan dijelaskan oleh pihak Kerajaan. Jadi saya minta tarik balik, kalau tidak saya akan rujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Saya tadi menyatakan disebabkan kita ini kena mengambil perhatian di atas kebajikan jadi saya masih banyak lagi terdapat di antara warga emas, warga OKU yang memohon untuk memohon menurunkan sewa rumah daripada RM250 ke bawah, tidak mendapat perhatian.

**TUAN SPEAKER:** Perkara ini sudah dibangkitkan dan dijawab oleh EXCO yang berkenaan dalam sidang sebelum ini, jadi kalau diulang sekali lagi, ya makna menunjukkan bahawa Yang Berhormat Kota Damansara tak mendengar penjelasan tersebut, sebab itu saya katakan tarik balik, teruskan kepada bahagian perbahasan yang lain atau pun akan dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Peraturan 36, saya ingat isu sangkaan jahat ini. Saya ingin nak menjelaskan .....

**TUAN SPEAKER:** Sangkaan jahat siapa kepada siapa sekarang .....

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Yang dikatakan sangkaan jahat tadilah oleh Sungai Pinang tadi. Saya ingin menjelaskan apa yang cuba diterangkan oleh Kota Damansara tadi ialah bahawa.....

**TUAN SPEAKER:** Sekarang kalau Yang Berhormat Sungai Burong ada nak membangkitkan tentang sangkaan jahat kepada sesiapa boleh... saya benarkan Yang Berhormat Sungai Burong berucap tetapi kalau nak mempertahankan saya minta Kota Damansara yang tarik balik atau kalau dia tak nak tarik balik kita akan *refer* kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan tetapi itu keputusan Kota Damansara bukan keputusan Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Isunya sebenarnya, penjelasan ini kalau ini hendaklah ditunjukkanlah .....

**TUAN SPEAKER:** Duduk .....duduk ...Yang Berhormat Sungai Burong, saya minta duduk.....

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya sebut pasal .....

**TUAN SPEAKER:** Duduk Yang Berhormat Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya nak cakap benda ini timbul supaya Kerajaan Negeri .....

**TUAN SPEAKER:** Duduk sekarang, sekarang duduk ...  
Sekarang Tuan Speaker tengah berucap, Sungai Burong duduk sekarang .....

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya nak ...katakan tadi .....

**TUAN SPEAKER:** Duduk sekarang .....

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya nak ..... Peraturan sangkaan jahat .....

**TUAN SPEAKER:** Duduk.. duduk Sungai Burong. Sekarang speaker sedang bercakap .....duduk dulu.....

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Ini sebab.....

**TUAN SPEAKER:** Sekarang siapa Speaker, Sungai Burong atau saya.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Ya.....

**TUAN SPEAKER:** Duduk..... duduk ...semua duduk.....duduk.....

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Nak .....nak ..... tidak berniat.....

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong, saya dah jalankan perbahasan selama ini dengan baik, saya minta duduk sekarang.....

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Sangkaan jahat.....

**TUAN SPEAKER:** Saya minta duduk sekarang..... dengar dulu, dengar dulu penjelasan saya, kalau tak puas hati boleh bawa usul kepada Speaker boleh. Baca Peraturan Tetap, baca Peraturan Tetap, tak puas hati kepada keputusan Speaker boleh bawa usul, ada jalannya ada prosedur dia, tapi bukan lawan cakap Speaker, dah duduk sekarang.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Belum tadi puas hati .....

**TUAN SPEAKER:** Ketua Pembangkang saya dah sebut ini jalankan perbahasan dah cukup adil pada semua pihak...

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Sepatutnya tidak ..... 125 dengan .....

**TUAN SPEAKER:** Ya, Yang Berhormat Sungai Burong, saya kata sekarang berucap di mana, Sungai Burong boleh duduk, baca prosedur, kalau tak puas hati bukan bercakap melawan Speaker macam sekarang.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tak ada saya .....

**TUAN SPEAKER:** Baca Peraturan Tetap .....

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Sungai Pinang tadi .....

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong baca Peraturan Tetap mana sekarang. 36 itu untuk sangkaan jahat kepada orang lain, ya... saya minta Kota Damansara terangkan.....

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** ..... yang ditimbulkan oleh Sungai Pinang.....

**TUAN SPEAKER:** Tapi Yang Berhormat Sungai Burong bercakap atas peraturan mana. Itu yang saya tahu, kalau tak puas hati kepada keputusan Speaker boleh buat usul ..... baca sekarang, baca sekarang, baca peraturan mana .....

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Sebab di dewan ini sepatutnya di hari Jumaat yang mulia ini.....

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong, saya .....

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI :** Sungai Burong duduklah. Apa Tuan Speaker cakap .....

**TUAN SPEAKER:** Saya tidak mahu keluarkan mana-mana .....

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Tuan Timbalan Speaker, semangat .....

**TUAN SPEAKER:** Duduk dulu , bagi Timbalan Speaker buat keputusan lepas itu saya bagi teruskan ..... duduk dulu.....

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tadi Sungai Pinang .....

**TUAN SPEAKER:** Itu Sungai Pinang bukan Pulau Pinang, saya minta rujuk Peraturan tetap, peraturan tetap mana kalau Sungai Burong rujuk Peraturan Tetap saya bagi Sungai Burong berucap sekarang. Peraturan Tetap mana.....

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tadi saya .....

**TUAN SPEAKER:** Peraturan Tetap mana sekarang, tak bagi saya buat keputusan.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIE:** Nampaknya Tuan Timbalan Tuan Speaker, Sungai Burong sengaja .....

**TUAN SPEAKER:** Duduk .... Duduk ..... semua duduk sekarang.....

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIE :** Tuan Speaker menggunakan Peraturan Tetap keluarkan sahaja Ketua Pembangkang daripada Dewan ini, degil..... suruh duduk pun tak nak. Bukan susah. D U D U K, duduk, kita duduk.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Tuan Timbalan Speaker, saya merujuk kepada peraturan-peraturan tetap 44 Klausula 2 dengan izin.

**TUAN SPEAKER:** Ya Peraturan Tetap.



**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Dengan izin, Tuan Timbalan Speaker.....

**TUAN SPEAKER:** Dia rujuk Peraturan Tetap, dia bukan macam Ketua Pembangkang yang bantah tidak memakai Peraturan Tetap.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Ya, dengan izin, Tuan Timbalan Speaker. Di bawah Peraturan-peraturan Tetap 44 Klausula 2, Pengerusi hendaklah memerintahkan mana-mana ahli yang berkelakuan yang tidak senonoh atau melakukan perbuatan yang menghina dewan atau terus tidak mengendahkan kuasa Pengerusi, keluar dari dewan bagi tempoh tidak melebihi satu atau lima hari.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya bukan nak menghina Dewan, Tuan Timbalan Speaker .....

**TUAN SPEAKER:** Sekarang disebabkan tadi saya bagi peluang dengan baik... saya tanya Sungai Burong pakai Peraturan Tetap mana, saya tanya minta rujuk, banyak kali saya bagi peluang, maka dengan ini saya memerintahkan Sungai Burong untuk keluar, saya perintahkan Sungai Burong untuk keluar daripada Dewan. Ya, saya perintahkan Sungai Burong keluar daripada Dewan sekarang.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Sungai Burong nak cari publisiti di luar ..... nak jadi hero .....

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong keluar sekarang.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Kota Damansara teruskan perbahasannya ya.....

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya keluar sendiri, saya ikut peraturan.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Kota Damansara, teruskan.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Nauzubillah.....

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIE:** Mencelah Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Bagi Kota Damansara, teruskan dulu sebelum mencelah tapi saya minta Kota Damansara tarik balik atau pun saya akan rujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIE:** Kota Damansara mencelah sedikit.

**TUAN SPEAKER:** Duduk, duduk Sri Muda, duduk sebab saya nak minta Kota Damansara tarik balik atau kita akan bawa kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Timbalan Speaker, saya rasa tadi masa saya cakap, saya memohon jasa baik Kerajaan Negeri Selangor, salah ke saya cakap.

**TUAN SPEAKER:** Tak salah, tapi yang salah, jadi salah bila dibagi *statement*, yang dikatakan seolah perkara ini tak pernah dibangkitkan dan tak pernah dijawab dah dijelaskan di dalam Dewan ini, sebelum ini sebab itu kita minta tiap-tiap ahli Dewan rujuk kepada *handsard*. Perkara ini dah pun dibangkitkan dan telah pun dijawab dan kalau kita dah tegur tak apa, silap kita tegur kata perkara ini dah dijelaskan maka terima sebab itu saya kata tarik balik atau pun kita akan rujuk kepada Jawantankuasa Hak dan Kebebasan.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Ya, saya sebenarnya mengulangi semula sebab saya mendapat maklum balas daripada penyewa-penyewa yang menyewa RM250 itu permohonan mereka tidak diambil kira, itu sahaja. Saya tidak ada buruk sangka.

**Y.B. PUAN GIAN PEI NEI:** Tuan Speaker, Peraturan Tetap.

**TUAN SPEAKER:** Duduk Kota Damansara, Peraturan Tetap.

**Y.B. PUAN GIAN PEI NEI:** Peraturan Tetap 36 yang sangkaan jahat tu... Saya rasa Tuan Speaker tentang sangkaan jahat tu.. adalah dalam ayat Yang Berhormat Kota Damansara itu, dia sebutkan pada tahun Jun 2013, kerajaan kita yang naikkan kadar sewa itu, pada hal sudah dijelaskan oleh Yang Berhormat Cempaka bahawa itu dinaikkan pada tahun 2007, itu yang kita nak katakan sangkaan jahat tu...

**TUAN SPEAKER:** Ya, Rawang dah jawab dah jelaskan perkara tersebut.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Tak salah tu.. ayatnya saya kata, saya dah bangkitkan hal ini pasal kenaikan ini pada Jun 2013, itu salah tak betul, dengar tak betul, tak apa, saya nak ulang sekali lagi.

**TUAN SPEAKER:** Isu yang kita katakan tadi perkara ini telah pun dijelaskan, telah pun dijelaskan sebelum ini jadi saya minta Yang Berhormat sentuhlah kepada perkara yang lain, kalau tak kita akan bawa ke Jawantakuasa Hak dan Kebebasan.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** lalah saya teruskanlah Tuan Speaker, Timbalan Speaker. Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan penyelenggaraan di kawasan PPR ini. Ia didapati tidak memuaskan terutamanya apabila penyelenggaraan di PPR Kota Damansara dan juga Lembah Subang ini, lampu-lampu di bahagian tangga kecemasan yang banyak tidak berfungsi. Sekiranya ada berlaku masalah, contoh: jenayah, rompakan, ini akan memberi masalah kepada penduduk dan saya juga ingin menyatakan di sini bahawa ada juga lif yang tidak berfungsi. Apabila lif ini tidak berfungsi, apabila berlaku, contoh: kematian, nak bawa

turun jenazah daripada tingkat atas ke bawah amat menyusahkan dan juga tidak memberi keselesaan kepada rakyat.

Begitu juga berkenaan dengan tempat letak kereta, kenderaan. Tempat letak kereta ini mencacatkan dan juga memburukkan keadaan di sekeliling rumah PPR ini, sebab saya tengok *parking-parking* yang berada di kawasan PPR ini ada di antara kereta-kereta yang tidak diguna pakai diletakkan di kawasan *parking* tersebut, dengan izin dan juga penyelenggaraan pokok-pokok tanaman disekeliling PPR ini juga tidak langsung diselenggarakan dengan baik menjadikan sekeliling landskap di rumah PPR ini nampaknya amat tidak selesa dan pokok-pokok di sekeliling PPR ini tidak diselenggara dengan baik.

Begitu juga dengan masalah perparitan yang juga tidak diselenggara dengan baik menyebabkan nyamuk, tikus dan lipas merata-rata. Saya dengan rasa sedih kadang-kadang melihat juga bahawa .....

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Tuan Speaker, celah sikit boleh, boleh, tanya soalan.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas dah 11.59 ini, saya rasa mungkin tak sesuai.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Bagilah saya, saya tak ada masa, bagi saya ... ada berapa minit lagi .... Dah nak gulung dan ni, ya... banyak lagi perkara saya nak bawa ni, tolong ya....

**TUAN SPEAKER:** Saya bagi untuk Kota Damansara berucap 10 minit selepas tengah hari nanti, sebab tadi ada kekecohan.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Saya nak habiskan sekejap lagi. Timbalan Speaker, saya nak habiskan juga, bagi saya sedikit masa, tak ada masa dah, tak ada masa, lepas ini saya dah, dah tak ada masa.

**TUAN SPEAKER:** Dah jam pukul 12.00 dah, duduk Kota Damansara. Yang Berhormat sekalian, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 12.00 tengah hari. Saya akan, sekiranya Kota Damansara nak sambung kita bagi sambung sedikit selepas tengah hari ini, selepas itu saya akan minta wakil-wakil kerajaan untuk mulakan penggulungan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan jam 12.00 tengah hari dengan ini saya menangguhkan sesi perbahasan pada hari ini sehingga jam 2.30 petang. Perbahasan ditangguhkan.

**[ Dewan ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari ]**

[ Dewan disambung semula ]

[ Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat ]

**TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian saya hendak niat awal nak menjemput Kota Damansara untuk Kota Damansara dah datang saya akan memberi peluang Kota Damansara selepas ini. Saya juga ingin mengingatkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian supaya kita menggunakan sepenuhnya peraturan tetap yang ada sebab itu jadi buku panduan kita ketika kita berbahas di dalam Dewan ini. Dewan yang mulia ini. Saya nak ingatkan. Jadi sebab itu saya kalau boleh memang tak enak untuk kita nak mengeluarkan mana-mana Ahli Dewan keluar daripada Dewan ini. Tetapi kalau tak patuh dan tak ikut apa yang ada dalam peraturan tetap termasuk kalau Speaker sedang berucap kena bagi Speaker berucap.

Kedua kalau Speaker suruh duduk kena akur dan akhir sekali keputusan Speaker muktamad. Kalau hendak dicabar boleh pakai usul. Ini semua ada. Buka balik peraturan-peraturan tetap perkara ini boleh dibuat. Bukan bermakna Speaker ini tidak boleh dipersoalkan tetapi prosedurnya ada. Buka prosedur saya bagi dan tadi pun saya beri peluang kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang untuk mencari peraturan tetap yang mana tetapi bila tidak ada 10 minit dan mengganggu perbahasan. Jadi saya tidak ada pilihan lain melainkan untuk mengeluarkan Yang Berhormat Ketua Pembangkang keluar daripada Dewan. Saya juga sebelum memberi 10 minit terakhir kepada Yang Berhormat Kota Damansara menghabiskan ucapan beliau saya tengok balik sebab tadi saya tidak pasti saya tengok balik selepas perbahasan tadi tengok balik rakaman yang ada dan disebut di sini bahawa kenaikan sewal kadar sewa ini telah pun dinaikkan seawal bulan Jun 2013. Ini nyata sekali mengelirukan Dewan kerana bukan dinaikkan pada Jun keputusannya telah dibuat lama dahulu pun telah dijelaskan oleh EXCO dan pelaksanaan pun telah dibuat sebelum itu lagi. Sebab itu saya hendak bertanya dan meminta kepada Yang Berhormat Kota Damansara untuk menarik balik dan sekiranya beliau enggan maka saya terpaksa merujuk kepada Yang Berhormat Kota Damansara kepada Jawatan kuasa Hak dan Kebebasan. Bagaimana Kota Damansara?

**Y.B PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Terima kasih Timbalan Speaker. Sebenarnya mungkin *misleading* di sana. Sebenarnya saya bukan nak merujuk kepada keputusan tetapi pada Jun ketika itu dari bulan yang sama memang di PPR Seksyen 8 itu kenaikannya bermula pada ketika itu. *Misleading*. Saya bukan mengatakan bahawa keputusan. Tidak. Bukan. Saya bukan cerita pasal keputusan. Kenaikan bermula semasa bulan Jun itu, ha itu yang saya sebut itu.

**TIMBALAN SPEAKER:** Kalau ikut kenyataan di sini patut disebut Kota Damansara juga disebut Lembah Subang. Lembah Subang saya memang arif sebab pengundi saya memang ramai. Saya tahu ia bukan bermula pada bulan Jun 2013. Kenaikannya bermula beberapa sekian tahun lamanya. Jadi bila merujuk kepada Lembah Subang merujuk kepada Kota Damansara secara umum dikatakan dinaikkan seawal Jun 2013

telah pun dijelaskan oleh EXCO sebelum ini itu sama nyata sekali memberi pandangan yang salah pada Dewan.

**Y.B PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Tak apalah. Kalaulah kata *misleading* kenyataan saya itu dengan izin saya tarik baliklah. Tak ada masalah pun. Kan saya kata tadi demi untuk rakyat sebenarnya saya di sini untuk membela rakyat untuk memastikan supaya kenaikan harga RM250 diturunkan kepada RM150. itu sahaja.

**TUAN SPEAKER:** Ok teruskan Kota Damasara.

**Y.B PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Terima kasih.

**Y.B TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI:** Tuan Speaker mencelah.

**Y.B PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Saya ni Cuma ada sikit aje masa.

**TUAN SPEAKER:** Bagi Kota Damansara teruskan.

**TUAN SPEAKER:** Baik dia bagi izin.

**Y.B TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI:** Dua perkara saya nak tanya kepada Kota Damansara yang disebut sebelum kita berhenti makan tengah hari ialah Ahli-ahli Dewan ini tidak berhemah. Saya hendak memberi contoh apa yang dilakukan Ketua Pembangkang itu memang tidak berhemah sama sekali. Itu saya setuju. Kedua, soalan yang hendak dikemukakan ialah apa yang dilakukan oleh Kota Damansara tarik balik, itu berhemah. Terima kasih.

**Y.B PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Kan saya kata kita semua termasuk kesemua kita ni supaya kita belajar. Itu satu ilmu yang akan memberi manfaat kepada semua sebenarnya. Itu sahaja. Yang terasa sangat tu kenapa. Untuk semua. Termasuklah saya. Setuju pula. Jangan ganggu saya selepas ini. Saya ada masa yang terhad untuk saya nak...

**TUAN SPEAKER:** Teruskan. Teruskan Kota Damansara.

**Y.B PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Terima kasih Timbalan Speaker. Saya juga ingin membawa di sini bagi kita sebagai nak memastikan rakyat ini sentiasa dibela rakyat ini sentiasa sejahtera. Kita bukan sahaja membantu rakyat golongan miskin dan golongan yang mahang tetapi kita juga mengambil kira bahawa rakyat juga mendapat kesejahteraan daripada kesemuanya yang berada di Kota Damansara sebab itu saya hendak bawa satu perkara yang di mana rakyat yang berada di Jalan Nuri 7/4 ini membuat satu bantahan.

Jadi saya nak minta semua yang berada dalam Dewan ini Kerajaan Negeri untuk memberi pertimbangan kepada bantahan yang telah dibuat mengenai dengan kerja-kerja membina Jalan di Jalan Nuri 7/4 bersambung ke Jalan Nuri 7/19 di mana kawasan kediaman rumah teres 1½ tingkat di Kota Damansara. Permohonan ini telah dibuat. Ini adalah salah satu surat saya terima bahawa penduduk di kawasan kediaman rumah 1½ tingkat ini membantah pembinaan jalan tersebut di mana jalan ini adalah bersebelahan dengan di Sekolah Agama Rakyat yang berada di Seksyen 7 Kota Damansara. Alasan yang diberikan oleh penduduk mereka rasa amat kecewa kerana penduduk yang berada di kawasan kediaman ini pernah mendapat kelulusan daripada Majlis Bandaraya Petaling Jaya untuk membina pagar di sekeliling kawasan kediaman mereka dengan membina pagar untuk tujuan keselamatan bagi mencegah kes pecah rumah dan kecurian di kawasan tersebut. Jumlah rumah di kawasan tersebut ialah sebanyak 226 dan penduduk keseluruhannya adalah seramai 1200 orang. Ok. Projek ini telah adalah menelan belanja sebanyak RM1.12 juta.

Penduduk ingin meningkatkan aspek keselamatan selama ini sebab itu mereka berkongsi mengeluarkan perbelanjaan sebanyak RM30,853 untuk membina pagar di sekeliling kawasan tersebut tetapi apabila projek ini hendak dilaksanakan di kawasan tersebut penduduk memohon supaya kalau boleh jalan yang hendak dibina itu *didivertkan* dengan izin ke kawasan perniagaan Bestari di Kota supaya kawasan perniagaan itu boleh maju dan kawasan di perumahan tersebut tidaklah menjadi sesak oleh lalu lintas di mana semua ibu bapa dan penjaga mengambil anak-anaknya mengikut laluan di hadapan rumah mereka. Jadi kalau ini berlaku persatuan penduduk terpaksa membelanjakan 2 kali ganda dari apa yang mereka belanjakan sekarang ini. Sekarang ini mereka mengajikan 2 orang pengawal untuk menjaga keselamatan di Jalan 7/19 dan 7/20. mereka mengajikan 2 orang pengawal ini sebanyak RM3000 sebulan.

Jadi kalau kawasan ini dibuka mereka terpaksa menambah lagi pengawal dan perbelanjaannya menjadi kepada RM6000. Jadi dengan jasa baik kita ambillah perhatian supaya untuk kesejahteraan rakyat yang berada di Jalan Nuri 7/4 ini saya memohon bagi pihak penduduk kalau boleh kerja-kerja membina jalan 7/4 7/9 ini *didivertkan* dengan izin ke kawasan perniagaan Bestari.

Saya juga ingin merujuk beberapa Ahli Dewan yang telah mengeluarkan isu berkenaan dengan banjir begitu juga dengan DUN Kota Damansara. Walaupun Kota Damansara tetapi di Kota Damansara itu ada Kampung Melayu Subang yang berada di DUN Kota Damansara, di mana sejak 1998 hingga 2000 setelah dinaikkan taraf perparitan dah tak berlaku banjir tetapi selepas tahun 2004, 2008 dan 2013 ini banjir mula-mula sikit tetapi baru-baru ini dalam 2013 ini dah 2 kali banjir disebabkan tiada penyelenggaraan perparitan sepanjang 5 tahun ini.

Jadi saya mohon kepada Pihak Berkuasa kalau boleh ambil perhatian lah kawasan ini dan sekarang ini telah pun berlarutan ke Kampung Melayu Subang Tambahan. Baru-baru ini hujan saya bimbang bila hujan 2 jam berturut-turut tidak henti-henti saya lah

Wakil Rakyat yang paling bimbang tengah malam pun tak boleh tidur sebab saya diganggu oleh penduduk-penduduk sana sebab banjir akan naik.

Kepada Timbalan Speaker. Senyumlah sikit. (Dewan ketawa).  
Sekinchan suka ya.

Saya itu sahaja isu nak bawa. *Suspend, suspend*. Tetapi sebelum mengakhiri perbahasan saya, saya ada nak kata pantun tak pantun tetapi saya tengok semua dah mengantuk kan. Mari sama-sama dengar bicara saya yang telah saya buat tadi. Dapat ilham. Dapat ilham. Boleh dengar.

**Y.B TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI:** Boleh Sri Muda nak mencelah.

**TUAN SPEAKER:** Sri muda nak mencelah. Boleh.

**Y.B TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI:** Bagi izin.

**Y.B PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Sri Muda hendak mencelah aje. Tak apalah.

**Y.B TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI:** Terima kasih. Timbalan Speaker saya nak bertanya Yang Berhormat Kota Damansara masalah banjir yang saya sebut tadi telah banyak kali jadi adakah keperluan kita hendak memohon sedikit peningkatan kepada perbelanjaan Ahli Dewan itu wajar atau pun tidak. Kalau dapat beri sedikit penjelasan kepada Barisan Nasional terima kasih.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Itu soalan itu, EXCO boleh jawab. Pandai nak perangkap. Setuju. Sebelum saya, hujung aje, ada yang itu kena lembut sikit. Sebelum mengakhiri perbahasan saya, sama-samalah kita amati ini adalah keluhan, keluhan dan nukilan, nukilan penduduk Kota Damansara yang ingin saya sampaikan. Ah! Faham-faham aje lah. Dan terjemahkanlah dengan cara tersendiri.

Kota Damansara Kota Sejahtera  
Pusat refleksologi tumpuan semua  
Rumah urut pun banyak merata-rata  
Amoy dan nyonya pun tersenyum menunggu sentiasa  
Merawat mengurut lelaki muda dan ramai yang tua-tua  
Bila keluar aje muka semua ceria-ceria belaka

**TUAN SPEAKER:** Itu bahaya senyum tu.

**Y.B. HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Tapi, ah! Itu bahaya tu.

Tapi malangnya premis berlesen ke tiada  
Adakah kerajaan negeri arif dan peka  
Apakah tindakan penguatkuasa  
Menjaga kesejahteraan rakyat jelata

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya. Saya minta penjelasan, ya. Ya. Yang Berhormat, kalau ada aduan tentang rumah urut, beri tahu tempatnya, beritahu lokasinya. Bukan melalui pantun. Kalau nak bagi pantun, bagilah alamat dalam pantun itu. Kalau tidak macam mana kita PBT hendak mengambil tindakan.

**TUAN SPEAKER:** Ok, duduk, duduk. Sg. Pinang.

**Y.B. HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Tindakan sebenarnya telah dibuat. Boleh rujuk dengan semua PBT, aduan pun telah dibuat. Tak ada masalah. Ah! Di Dewan ini saya cuma hendak lontarkan aje. Ok. Jadi, saya sebenarnya sebagai ADUN Wakil Rakyat sentiasa. Sebenarnya kami di Kota Damansara untuk makluman semua sidang Dewan saya sentiasa bekerjasama sebenarnya dengan Ahli Majlis, Ahli Majlis di Majlis Perbandaran Petaling Jaya. Apa sahaja, masalah yang kita hadapi demi untuk rakyat, demi untuk berbakti kepada rakyat, demi untuk kesejahteraan rakyat, kami sentiasa bekerjasama tidak mengira apa sahaja sama ada mereka itu penduduk-penduduk itu atau pun masyarakat di tempat itu datangnya daripada bangsa apa sekali pun, atau pun dari parti mana sekali pun. Jadi, saya merakamkan ucapan terima kasih sekali lagi kepada Timbalan Speaker yang telah kan memberikan peluang kepada saya dalam perbahasan ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Terima kasih kepada Kota Damansara. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya mempersilakan, pihak Kerajaan jika ingin menggulung atau memberikan apa-apa penjelasan di atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan sepanjang perbahasan ini. Yang Berhormat Sementa. Oh! Ok. Yang Berhormat Cempaka, sebab banyak isu.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Salam sejahtera. *Bismillahi Rahamanir Rahim.* Saya terima kasih kepada Tuan Speaker. Saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas keprihatinan Bukit Gasing tentang yang telah membawa perhatian kita kepada permintaan rumah mampu milik di bandar-bandar besar, tetapi kita tahu, semua tahu tentang masalah kekurangan tanah di kawasan-kawasan tersebut. Pembangunan semula atau *urban redevelopment* merupakan satu jalan penyelesaian kepada masalah ini. Syarikat kerajaan Negeri seperti PKNS sekarang ini pun sedang melakukan rundingan dengan penduduk rumah pangsa kos rendah Taman Keramat atau Flat Columbia untuk pembangunan semula kawasan tersebut. Kerajaan negeri mengalu-alukan pemaju yang mahu melakukan rundingan dengan penduduk dengan tujuan untuk melakukan pembangunan semula. Walau bagaimanapun ianya adalah satu inisiatif swasta. Ketika ini terdapat pemaju-pemaju swasta yang telah bertemu dengan penduduk di beberapa kawasan. Walau bagaimanapun sebarang pembangunan semula mestilah mematuhi akan garis panduan perancangan dan Rancangan Tempatan yang



melibatkan perkara-perkara seperti kepadatan, dan juga kawasan lapang. Kajian tentang impak sosial dan peningkatan trafik juga perlu diambil kira. Walau bagaimanapun keutamaan adalah untuk pembinaan rumah mampu milik dan pembangunan-pembangunan lain yang dapat memberikan apa yang dipanggil sebagai dengan izin *gross subsidy* di dalam *development* tersebut. Kerajaan Negeri sebenarnya telah juga bersetuju untuk memberi insentif kepada pemaju-pemaju untuk membina rumah mampu milik. Melalui dasar Rumah SelangorKu yang menggantikan dasar 20 20 10, kerajaan Negeri telah menyediakan insentif-insentif tersebut. Di antara insentif itu adalah pengurangan kepada kadar yang minima dalam pengenaan, pengiraan caj-caj seperti caj pemajuan, sumbangan kepada *improvement service fund*, ISF dan caruman parit. EXCO telah meluluskan dasar ini pada 13 November lepas dan ia akan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2014. Pagi tadi, ketika saya tak ada, saya mendapati bahawa kekecohan berlaku tentang isu sewa Kota Damansara. Saya rasa PPR Kota Damansara ini, apa yang saya nak tekan di sini bahawa kerajaan Pakatan Rakyat kita telah meluluskan bahawa ada satu keputusan dasar, keputusan EXCO iaitu pada 8 April 2009 iaitu Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bersetuju dengan penurunan sewa dari RM 250 ke RM 124. Untuk penyewa yang berpendapatan RM 1,500 ke bawah. Yang pentingnya ada peraturan tersebut dan telah diluluskan oleh EXCO bermakna kalau ada masalah, ada yang tak dapat sewa bermakna bahawa boleh rujuk kepada kerajaan Negeri dan saya *personally* akan bantu supaya sewa mereka itu diturunkan dan insya-Allahlah. Tapi, sebenarnya saya tak mahu ulang kembali ah! Tentang, ah! Bahawa keputusan ini sebenarnya keputusan untuk menaikkan sewa, sebenarnya telah dibuat melalui mesyuarat EXCO pada 13 Jun 2007, saya tak mahu ulang itu. Tetapi oleh perkara ini telah banyak kali dibangkitkan, saya akan *release* minit-minut mesyuarat tersebut kepada umum di mana EXCO telah mengklasifikasikan minit itu sebagai terbuka tidak lagi terikat kepada Akta Rahsia Rasmi, Jadi saya mintalah kepada rakyat untuk menjadi hakim kepada perkara itu. Tetapi, pada, pada saya kalau kita sentiasa berusaha untuk membantu rakyat, kalau ada masalah kita bersama-sama berbincang dan kita cari penyelesaiannya, macam mana kita hendak turunkan. Oleh kerana yang telah ada keputusan EXCO untuk turunkan. Perkara yang kedua yang mungkin menjadi masalah adalah terdapat mereka yang tak cukup yang tidak ada, tidak ada deposit yang secukupnya untuk memasuki rumah tersebut. Keputusan EXCO juga dibuat bahawa kalau tak cukup duit deposit lebih kurang RM 1050 boleh bayar secara ansuran. Jadi bermakna keputusan-keputusan ini yang patut kita pegang dan untuk kita pastikan bahawa rakyat itu dapat dibantu. Sehubungan dengan rumah atau pembangunan berstrata telah dibangkitkan bahawa terdapat kawasan-kawasan terutamanya di pangsapuri-pangsapuri kos rendah di mana penduduk tidak peduli, tidak peduli atau pun tidak mahu menguruskan kawasan mereka. Kerajaan Negeri telah melancarkan satu kempen iaitu kita telah melancarkan satu kempen kita telah dilancarkan secara rasmi pada minggu lepas di Hulu Selangor iaitu kempen memberdayakan dan ini bukan memperdayakan ya, memberdayakan penduduk perumahan berstrata. Kita hendak *empower* mereka, kita hendak ajar mereka, kita hendak bantu mereka supaya mereka dapat menguruskan tempat atau kawasan mereka. Akhirnya mungkin kalau kita gagal seperti mana yang dikatakan kita mungkin terpaksa adakan satu badan untuk mentadbir kesemua rumah-rumah kos rendah atau pentadbiran perumahan berstrata tetapi ini agak mustahil dengan jumlah yang begitu

tinggi. Walau bagaimanapun, kita mempunyai harapan yang tinggi iaitu *stage* yang pertama adalah kita bimbing penduduk rumah berstrata itu supaya mereka dapat menguruskan kawasan mereka. Tentang..

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Mohon mencelah.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Untuk diuruskan secara...

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Cempaka, Bukit Gasing minta mencelah.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Ah! Mohon, berkenaan dengan bimbingan ini adakah dia akan dilakukan melalui COB dalam Majlis Bandaraya atau pun dilakukan oleh badan lain.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Seperti mana yang diumumkan semasa kita, dicadangkan semasa dialog bajet pada tahun ini bahawa Menteri Besar sendiri telah mencadangkan bahawa COB itu sendiri atau Pesuruhjaya Bangunan itu akan diperkukuhkan dengan pelantikan-pelantikan negeri. Kita perlu tenaga-tenaga atau kakitangan yang lebih di peringkat Pesuruhjaya Bangunan untuk kita membimbing secara serius akan mereka yang duduk di kediaman berstrata ini. Jadi untuk menjawab jawapan tersebut, ianya akan dilakukan menerusi COB tetapi dengan pertambahan kepada kakitangan COB. Selain daripada itu sebenarnya sebelum ini ah! pihak PKNS telah menjalankan satu program *pilot* iaitu di mana mereka ambil satu syarikat atau mereka lantik satu syarikat untuk menguruskan secara pukal ah! pangsapuri-pangsapuri mereka. Mungkin kerajaan negeri akan mengkaji, akan melihat kembali akan laporan ah! pengalaman PKNS melantik satu syarikat menguruskan ke semua pangsapuri-pangsapuri kos rendah mereka sama ada ianya *viable* dengan izin untuk seluruh negeri Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Tuan Speaker. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan Salam Sejahtera. Saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Khalid Ibrahim selaku Menteri Besar Selangor di atas pembentangan bajet 2014 yang pada saya cukup cemerlang dan merangkumi segenap aspek keperluan rakyat Selangor. Ianya juga menzahirkan ketelusan dan kebijaksanaan kerajaan Negeri Pakatan Rakyat di bawah pimpinan Dato' Menteri Besar. Serangkap pantun untuk di sini.

Anak kelicap terbang tinggi  
Indah melayang mencari makanan  
Bajet berhempah berimpak tinggi  
Maslahat rakyat menjadi keutamaan.

Bagi saya bajet ini bukan bajet pemanis mulut seperti yang disebut oleh Semenyih semalam, tetapi ia adalah lebih daripada itu. Ia adalah bajet...

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Yang.....

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sementa, Kg. Tunku minta penjelasan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ia.

**TUAN SPEAKER:** Ok.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ya. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Sementa, adakah Yang Berhormat Sementa ini berbahas atau pun memberi penggulungan.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Ok. Ok. Mukadimah. Ok, saya teruskan. Ah! bajet ini bukan bajet pemanis mulut seperti yang disebut oleh Semenyih semalam, tetapi ianya adalah bajet yang cukup memuaskan. Seolah-olah seperti menu sihat untuk seisi keluarga. Ya, dan ianya juga tidak memilih ya, iaitu termasuk semua rakyat Selangor sama ada mereka memberi undi kepada Pakatan Rakyat atau pun kepada pihak Barisan Nasional pada PRU yang ke-13 yang lepas. Dan ini tidak memberi, dan ia adalah bajet yang mengamalkan dasar, memberi keadilan kepada semua tanpa mengira fahaman politik, kaum dan agama. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat semua. Belanja, belanjawan berhemat dan berimpak tinggi, masalah rakyat kerajaan Negeri dilihat mengambil pendekatan yang proaktif dan dinamik berkaitan bagai mana kerajaan Selangor menguruskan wang rakyat. Peningkatan rizab kerajaan negeri serta peningkatan sokongan rakyat dalam pilihan raya jelas menunjukkan prestasi pengurusan kewangan kerajaan Negeri mendapat pengiktirafan. Tuan Speaker, izinkan saya menyentuh beberapa perkara di dalam bajet ini yang menyentuh portfolio saya iaitu kesihatan, pembangunan usahawan, dan sains dan teknologi dan inovasi. Tentang portfolio kesihatan saya mewakili seluruh rakyat Negeri Selangor mengucapkan terima kasih kepada yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang prihatin dengan rintihan dan keluh kesah rakyat golongan berpendapatan rendah dengan memberikan yang mana di dalam untuk mendapatkan khidmat penjagaan kesihatan berkualiti terutamanya rawatan penyakit kritikal yang disebut di dalam halaman 57. Ianya adalah dimenifastikan daripada hasrat kerajaan Negeri menubuhkan tabung perubatan khas penyakit kritikal. Tabung ini khusus bertujuan memberi bantuan kepada golongan berpendapatan rendah dan yang mengidap penyakit kritikal khusus seperti yang digariskan di dalam KWSP. Walau pun kesihatan adalah tanggung jawab yang diamanahkan kepada kerajaan pusat, tetapi inisiatif ini dianggap, diambil berat oleh kerajaan negeri.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan. Minta penjelasan.

**TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ya, sedikit sahaja. Saya ingin tanya kepada Y.B. Sementa. Kerajaan Negeri sebelum ini ada menyediakan satu tabung khusus untuk orang miskin memohon bantuan kewangan untuk menjalankan sama ada tabung itu tak masih wujud atau di gantikan oleh tabung yang dimaksudkan oleh Y.B.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Kampung Tunku, Timbalan Speaker. Tuan Timbalan Speaker di bawah Kerajaan Negeri terdapat skim bantuan Kesihatan Rakyat Miskin yang mana ianya adalah bernilai RM500,000.00 setahun dan untuk tahun ini kita telah pun membelanjakan sejumlah RM423,975.90 yang mana ia adalah meliputi rawatan-rawatan seperti pembedahan kecil, pembedahan katarak, rawatan dialisis dan lain-lain permohonan. Untuk katarak 19 penerima sejumlah RM13,885, dialisis 125 penerima sejumlah RM162,239, pembedahan kecil seorang iaitu RM1,361 dan lain-lain permohonan sebanyak 96 sebanyak RM246,490.30. Jumlah keseluruhan penerima skim bantuan kesihatan rakyat miskin adalah sebanyak 241 orang dengan nilai RM423,975 untuk tahun 2013.

Seperti yang kita bincangkan pagi tadi Kerajaan Negeri juga amat serius dalam memenangi denggi di Negeri Selangor dan sehingga kini terdapat 17,174 kes denggi dengan 17 kematian di Selangor dengan daerah Petaling adalah yang tertinggi diikuti dengan Hulu Langat, Gombak dan Klang. Kerajaan Negeri bersama Jabatan Kesihatan Negeri serta 12 PBT sentiasa bekerjasama dalam Program-program membanteras dan mengawal denggi. Program-program seperti gotong-royong bersama Persatuan Penduduk dan segala Program-program ke arah kesedaran penyebaran *leaflet* berkaitan denggi bahan-bahan media, risalah pelbagai bahasa, edaran edit, kios pendidikan kesihatan denggi dan di *lokali hotspots* denggi dilaksanakan dan salah satu antara program yang dilaksanakan di Sekolah-sekolah juga adalah Program Cik Gumu cantik di Sekolah-sekolah iaitu Cikgu murid cari dan musnah jentik-jentik.

Untuk pembinaan Hospital di Selangor Kerajaan Negeri telahewartakan 3 tapak pembinaan Hospital Baru iaitu di PJ, Bangi dan Sepang dan Kerajaan Negeri melalui UPEN akan mendesak Kerajaan Pusat agar Hospital ini disegerakan pelaksanaannya memandangkan projek ini sepatutnya dilaksanakan RMKe-10. Dan Kerajaan Negeri hanya untuk membuat *execution*. Untuk tapak untuk Hospital Kapar juga di mana ia telah kenal pasti dan ianya juga satu prioriti untuk dibina untuk mengurangkan kesesakan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah Kelang. Jadi ia juga adalah satu keperluan untuk rakyat di Selangor ini. Untuk pembangunan Portfolio Sains Teknologi dan Inovasi pertama adalah berkaitan dengan jaringan WIFI Selangor yang mana kadar penebusan Internet kita sekarang adalah yang tertinggi di Malaysia iaitu sejumlah 7.87% mengikut SKMN iaitu melebihi sasaran kadar penebusan Kerajaan Pusat iaitu 75% untuk 2015. Kita akan terus meningkatkan kadar capaian Internet ini. Saranan dan cadangan Y.B. daripada Bangi dan Teratai akan diambil kira bagi meningkatkan perkhidmatan jaringan Internet di Negeri Selangor. Selain daripada itu Kerajaan Negeri juga telah meluluskan RM5 juta untuk penubuhan *cluster* Inovasi di bawah Selangor Halal Hub dengan kerjasama pihak UNISEL dan projek ini adalah untuk dalam penggunaan Teknologi dan Inovasi yang terkini. Antara Inovasi yang sedang akan dilaksanakan adalah untuk menyiapkan satu *prototype kit* halal bagi mengesan

kehadiran bahan-bahan tidak halal pada ketepatan yang sangat tinggi itu *1 part per million* dengan izin. Dan sebanyak RM1.3 juta telah diperuntukkan menjaya *Prototype* ini.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Berhormat Yang Saya Kasihi Sekalian, berkaitan dengan pembangunan usahawan kita amat mengalu-alukan peningkatan peruntukan Belanjawan, Belanja Pembangunan untuk Pembangunan Usahawan iaitu RM2.2 juta kepada RM7.85 juta pada 2014. Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan akan melaksanakan gagasan pembangunan usahawan 2014 melalui Pusat Usahawan Negeri PUNS termasuk menjayakan Bazar Darul Ehsan yang telah ada di daerah Kuala Langat, Sepang dan Gombak. Selain daripada itu Portal Usahawan iaitu i-Usahawan iaitu direktori untuk para Usahawan negeri Selangor akan dilancarkan pada 2014. Kerajaan Negeri juga telah bersetuju untuk meluluskan Program 4D iaitu Program Peningkatan keupayaan pembungkusan produk yang mana ia adalah untuk memberi bantuan kepada Usahawan-usahawan kita meningkatkan bungkusan produk mereka agar ianya sesuai untuk dipasarkan ke pasaran di Hypermarket atau pun ke pasaran Global dan untuk 2014 ini seramai 50 Usahawan IKS setahun akan dibantu dalam aspek pembungkusan ini program 4P ini termasuk Persijilan Halal *dipatent* dengan *mike* IPO serta ujian nutri C dan ditambah dengan pembungkusan menarik dan berteknologi tinggi.

Tuan-tuan, Tuan Speaker, Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, untuk latihan keusahawanan pula. Pada 2014 susunan semula dan mengambil kira kepada keperluan semasa keusahawanan di antara program yang dimaksudkan adalah melahirkan usahawan cemerlang dan berdaya maju melalui program kemerkesawan usahawan melalui Pusat Usahawan Negeri Selangor dengan peruntukan RM50 juta daripada *reserve* Kerajaan Negeri untuk pembangunan Usahawan dan pemerkesahan belia. Akhirnya saya sekali menyokong sepenuhnya bajet Negeri Selangor 2014 yang dibentangkan oleh YAB Dato' Menteri Besar dan bajet berimbang yang meneruskan kecemerlangan ini Insya-Allahlah akan menatijahkan hasil yang memberangsangkan untuk manfaat rakyat Selangor. Akhirnya serangkap pantun "Beli kerepek di Kuala Langat jangan lupa belacan Sementa bajet di bentang bajet rakyat demi Selangor yang tercinta". Sekian.

**TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Sementa cuma tadi ada sebahagian macam Ucapan Perbahasan bukan macam Ucapan Penggulungan jadi lepas ini kena betulkan. Seterusnya Kota Alam Shah.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya amat tertarik dengan Perbahasan yang telah dikemukakan di Dewan ini oleh Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya berkenaan tentang kemiskinan dan juga pekerja-pekerja ladang yang di mana adalah bawah Standco saya sendiri. Saya juga ambil maklum bahawa Y.B. Sg Burong telah dalam hujahnya memberitahu bahawa kemiskinan perlu dikurangkan. Saya terima cadangan tersebut namun adalah lebih baik kalau ada cadangan seperti Hulu Kelang, Y.B. Hulu Kelang dengan panjang lebarnya telah menyentuh kemiskinan dan juga cadangan-cadangan beliau dalam

membantu membebaskan masyarakat miskin daripada belenggu kemiskinan dengan adanya Kerajaan perlukan satu kajian secara menyeluruh cadangan beliau diterima akan saya bawa ke MMKN nanti. Juga cadangan daripada Y.B. Bukit Gasing dan Y.B. Damansara Utama menyatakan khususnya daripada kemiskinan bandar. Walaupun tidak ada peruntukan khas yang diperuntukkan kemiskinan bandar adalah dimaklumkan di sini bahawa segala projek-projek atau program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri yang berupa, Negeri Selangor adalah tertumpu kepada orang-orang yang benar-benar memerlukannya. Segala program adalah untuk meringankan bebanan mereka. Dari segi di bawah Standco Kemiskinan bantuan khususnya adalah bantuan *blueprint* membasmi kemiskinan. Dan juga bantuan dari segi bantuan untuk pendidikan di Kolej INSPENS yang mana anak muda kita yang kurang mampu dari segi kewangannya dan mereka ini melanjutkan pelajaran mereka. Segala kosnya ditanggung oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk selama setahun. Ini juga program-program yang merangkumi di desa mahu pun di bandar. Namun saya menyambut baik sekiranya cadangan untuk mereka menambah peruntukan kepada kemiskinan di Standco Kemiskinan dan khususnya ada peruntukan yang lebih besar untuk menangani masalah khusus di bandar adalah amat dialu-alukan. Dari segi kebajikan pekerja-pekerja ladang dan anak-anak pekerja ladang yang telah dibangkitkan oleh Y.B. Teratai dan juga Y.B. Bangi sebenarnya walaupun Kerajaan Negeri amat prihatin dan bantuan program-program yang tersusun untuk mereka dari segi pendidikan menjaga kebajikan mereka dari segi mendapatkan pampasan rumah untuk mereka menjaga kebajikan dari segi sosial kesihatan maut. Tetapi adalah penting juga seperti yang dinyatakan oleh Y.B. Teratai perlu peningkatan untuk bantuan pendidikan anak-anak pekerja ladang ini. Saraan beliau akan saya dibawa ke MMKN nanti. Ini memang agak begitu memberi positif cara perbincangan daripada Y.B.-Y.B. sekalian dalam membantu Standco saya di segi untuk kebaikan memberi ulasan yang lebih baik dalam mencadang-cadang yang begini. Namun apa yang saya nampak adalah perlu diingatkan juga bebanan Kerajaan Negeri Selangor dengan sekiranya kita terus berkebajikan kita kalau memberi terus dengan cara membelanja cara pemberian ini akan membuat kita liabiliti yang agak besar nanti kepada kita. Namun seperti juga yang telah dihujah-hujah oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan Perbincangan mereka peningkatan untuk membantu Kerajaan Negeri Selangor telah dijanjikan oleh YAB Dato' Menteri Besar supaya ambil kira. Saya percaya segala cadangan-cadangan daripada Y.B. Sekalian akan dibawa dan dikaji dalam MMKN mahu pun peruntukan-peruntukan yang akan datang. Itu sahaja, terima kasih.

**TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Kota Alam Shah. Ah.. Sabak

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*, Tuan Speaker salam sejahtera kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Terutama Sekali yang menyentuh dalam beberapa Portfolio yang saya kendalikan terutama sekali saudara sekalian terima kasih kepada DUN Bangi yang menyentuh berkaitan dengan isu *Syiah*.

DUN Bangi DUN yang Indah  
Sebahagian Bukit Sebahagian Lembah

Sering bertanya Jarang Mencilah  
Tumbangkan UMNO jadi Falsafah

Saudara sekalian berkaitan dengan isu *Syiah* ini kita Kerajaan Negeri melalui kuasa yang beragama Islam dan semua pihak termasuk MAIS penggerak usaha untuk kita cuba membanteras dan memberi kefahaman yang jelas terhadap akidah. Sebab itu usaha untuk kita menangani antara ialah kita akan cuba untuk memandangkan di Masjid-masjid yang keputusan telah dibuat yang sekali paling kurang maka akan cuba disinggung dan lebih-lebih lagi kita juga agak memahami bahawa kelahiran ini sebahagian besarnya ialah kerana umat. Baik apa itu yang penting kita menggerakkan. Ilmu kepada masyarakat melalui banyak medan supaya kita dapat mendidik masyarakat 2.8 juta umat Islam di Selangor supaya mereka berpegang teguh dengan akidah. Sebaik itu selain daripada kita menumpukan soal *Syiah* ini tetapi yang lebih penting ialah kita akan menumpukan dan memperkukuhkan aqidah kepada masyarakat kerana sebahagian daripada umat Islam sendiri terlalu longgar dalam kefahaman terhadap akidah. Dan berkait dengan isu yang dibangkitkan oleh Sg Panjang,.

Sg Panjang Rakyatnya Budiman  
Raja Laminat Akhbar dan Majalah  
Jauh sungguh .....  
Sekadar bertanya Kalimah Allah.

Sg Panjang bertanya kenapa EXCO Agama tidak buat kenyataan banyak berkaitan dengan *Kalimah Allah*. Untuk perhatian Sg Panjang isu *Kalimah Allah* ini bukan isu jalanan, bukan isu kaki lima, bukan isu macam tunjuk punggung macam itu bukan tetapi isu *Kalimah Allah* ialah isu Agama. Di Selangor untuk perhatian Yang Berhormat Ketua Agama ialah Tuanku Sultan. Baginda telah mengeluarkan kenyataan berkait dengan *Kalimah Allah* yang saya fikir kita dapat faham dengan jelas dan tidak perlu untuk pihak lain selepas daripada itu mengeruhkan lagi kenyataan yang telah dibuat oleh Tuanku sendiri. Kemudian cadangan Y.B. untuk berhimpun di Masjid lagi bersama dengan NGO-NGO. Saya tidak menjadi masalah berhimpun beramai-ramai di Masjid bukan sekadar untuk mendengar tentang *Kalimah Allah* tetapi juga kalau boleh duduk sekali untuk menerima kefahaman tentang.....konsep sebenar ..... kepada *Allah* itu sendiri. Tetapi itu yang sama juga kalau nak berhimpun pun saya cadangkan satu tempat lagi yang terbaik ialah di depan rumah Chua Soi Lek sebab Chua Soi Lek lah yang menyatakan kerja bodoh kerja gila kepada seorang ADUN Johor apabila ADUN Johor mencadangkan untuk melaksanakan Undang-undang Hudud di Negeri Johor sendiri.

Saudara Sekalian, kemudian berhubung kait dengan persoalan yang disebut tentang Pertanian saya juga suka untuk saya menyebut tentang peningkatan hasil padi dari peruntukan yang diterima sejak dari tahun 2009 sebab Jabatan Pertanian telah membuat pelan bagi lima tahun itu lah daripada 2009 sehingga 2013 itulah untuk melipatkan ganda pengeluaran hasil padi di kawasan Barat Laut Negeri Selangor. Maka RM19.76 juta telah pun dikeluarkan sehingga Oktober 2013 sebanyak RM19.5 juta telah dibelanjakan yang ini 99%. Hampir keseluruhan sawah di Selangor yang seluas lebih kurang 18,934 hektar yang melibatkan seramai 9,322 petani telah diliputi.

Hasil sebelum projek tahun 2008 ialah sekadar ialah 5.1 tan sahaja. Kini Hasil padi negeri Selangor telah mengalami sesuatu peningkatan sehingga kita telah dapat meningkatkan 6.....

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Y.B. Sabak, Kota Anggerik minta laluan. Untuk tunjuk rekod siapa EXCO itu?

**TIMBALAN SPEAKER :** Itu bukan soalan? tu Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI :** Terima kasih kepada Kota Anggerik. Ini macam pun ada. Terima kasih Kota Anggerik. Dan ini juga di atas usaha Kota Anggerik untuk menggerakkan usaha ini sehingga peningkatan

**TIMBALAN SPEAKER :** Sabak tak ada pantun ke?

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI :** Ini bukan tak ada pantun, ada pantun sebenarnya untuk Kota Anggerik.

Jawa bukan sebarang Jawa  
Panglima Negeri Johor  
Tanya bukan sebarang tanya  
Tanya untuk membangun Selangor.

Sebab itu pada tahun 2013 kita telah dapat peningkatan hasil padi sehingga 6.15 % hasil 6.15 tan minta maaf daripada 2008 hanya sekadar 5 tan sahaja. Dan kita antara negeri yang paling tinggi berbanding dengan negeri-negeri yang lain tentang hasil padi ini. Jadi Allhamdulillah dan saya kira itulah sebahagian yang saya dapat jawab dan walau pun Menteri Besar tak ada tapi nak juga bagi pantun kepada Tan Sri Menteri Besar supaya .....

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Mohon penjelasan sedikit sebelum akhir. Terima kasih Tuan Timbalan Speaker mengenai saya nak ucap tahniah kepada Kerajaan Negeri dan EXCO .....dan juga EXCO sekarang Sabak yang EXCO Pertanian itu prihatin terhadap padi yang Sekinchan ini Jelapang Padi. Sekinchan Jelapang Padi jadi hasilnya meningkat saya tidak menafikan memang kita antara yang tertinggi, tertingginya hasil di Malaysia kualiti yang baik tetapi petani ramai petani mereka meminta supaya subsidi untuk padi itu dinaikkan daripada 248.10 ke 500. Ada respons daripada Y.B. EXCO untuk dipanjangkan kepada Kementerian Pertanian supaya masalah belenggunya saraan hidup dan tekanan hidup daripada petani ini dapat diringkankan atas inisiatif tersebut. Terima kasih.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Kita akan cuba bantu melalui banyak sumber dan untuk Sekinchan

Berdarah Cina berbahasa Jawa  
Kuat bersilat setaraf Jackie Chan  
Sering berseloka berseni budaya



Tumbangkan BN jadi taruhan.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Nak mencelah.

**TIMBALAN SPEAKER:** Sila

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Mencela ke nak minta pantun?

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Celah dan nanti saya nak satu pantun untuk saya. Terima kasih Y.B. Sabak di atas penggulungan tadi. Saya sebenarnya tadi balik ke isu *Khutbah* yang mana Y.B. EXCO bangkitkan tadi akan dia dibentangkan dalam *khutbah-khutbah* berkenaan dengan isu *Kalimah Allah* ..... dan sebagainya. Saya sangat cukup setuju dan saya nak menarik perhatian Y.B. EXCO tentang ..... Di tempat saya di Sepang dan Dengkil seterusnya saya nak bertanya sama ada untuk menjadi .....adakah mendapat ..... daripada JAIS sebab saya lihat sahabat-sahabat saya Y.B. Parlimen Sepang, Y.B. Tanjong Sepat dapat baca *khutbah* mana pada hari Jumaat. Kalau boleh saya juga rasa berkelayakan juga untuk baca *khutbah* itu nak minta apa ini respons daripada Y.B. dan juga satu pantun daripada Y.B.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih Dengkil di atas pandangan atau pertanyaan sebenar tadi. Berkaitan dengan ini kita mewajibkan kepada semua ini mesti ada tauliah daripada Jabatan Agama Islam Selangor sendiri dan kita memang sentiasa memantau melalui kuat kuasa kita ada dan sedia menerima apa sahaja laporan berkaitan dengan salah bahasa salah laku dan salah kenyataan apa-apa yang disebut dalam dan kita Kerajaan Negeri telah menyediakan teks yang seragam untuk dibaca bagi mempermudah untuk apa pun, ada pun dalam kes-kes yang terpencil sekiranya ada yang membaca. Maka perlulah dirujuk kepada Pejabat Agama Daerah untuk mendapat sekurang-kurangnya berkenaan atau pun izin pengetahuan daripada Pejabat Agama Islam daerah masing-masing. Jadi supaya ianya dapat di pantau dan pantun ini saya nak kongsi dengan Dengkil untuk MB.

Sayang Sarawak Elaunnya Tinggi  
Jadi Rujukan Kita Bersama  
Baik Sungguh Hati Berbudhi  
Harap Dapat Elaun Yang Maksimum

Terima kasih.

**TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Sijangkang

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Boleh saya bercelar?

**TIMBALAN SPEAKER:** Mencelah boleh minta pantun saya kasihan kat Sabak.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Pantun belum lagi. Terima kasih Tuan Speaker saya maklum tadi nampak Sekinchan hebat dengan peningkatan padi. Tahniahlah EXCO yang lama dan yang baru. Cuma pertanyaan sayalah apakah

bantuan-bantuan khususnya untuk kebun kelapa pada waktu ini. Nampaknya merintih kerana haiwan rosak mengganggu mereka. Terima kasih.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Ini soalan, soalan baru sebenarnya patut disebut tetapi saya cubalah sebab sahabat Sg Air Tawar jauhnya datang. Ah Tok Sg Air Tawar kita baru sahaja melancarkan untuk kita membasmi makhluk rosak kelapa kumbang perosak di Sabak Bernam. Jadi pekebun-pekebun kelapa di Sabak Bernam bolehlah mendapatkan apa ini racun untuk membunuh makhluk rosak yang kumbang belang ini di Pejabat Pertanian sendiri dan waktu yang sama Jabatan Pertanian ada juga menyediakan bijih benih kelapa untuk diedarkan kepada pekebun-pekebun kelapa yang berminat untuk penanaman semula dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

**TIMBALAN SPEAKER:** Sebelum saya persil akan Sijangkang saya nak ingatkan semua Y.B. kalau nak mencelah dan sebagainya ialah merujuk kepada apa yang sedang digulongkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Jangan bangkitkan perkara baru sebab tidak adil kepada EXCO dan kita dah ada peluang berbahas. Ya, Sijangkang.

**Y.B. TUAN DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang telah membentangkan bajet Negeri Selangor yang kita sama-sama dimaklumi bahawa ini adalah bajet yang tertinggi dalam sejarah Negeri Selangor. Dan saya juga mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Dewan Negeri yang terlibat di dalam perbahasan dan yang mana sebahagian besarnya juga menyentuh kepada isu-isu yang berkaitan dengan perkara-perkara yang di bawah portfolio infrastruktur dan juga kemudahan awam dan belia dan sukan yang di bawah jagaan saya. Jadi saya kira infrastruktur adalah di antara peruntukan yang begitu besar diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri di dalam pembangunan Negeri Selangor terutamanya perkara-perkara yang berkaitan dengan naik taraf, penyelenggaraan jalan, perabot jalan dan sebagainya yang mana saya kira. Begitu juga yang pentingnya bukanlah satu bajet yang begitu besar tetapi bagaimana pelaksanaan yang dapat kita lakukan di Negeri Selangor ini dengan jumlah yang begitu besar ini, akhirnya rakyat akan mendapat manfaat yang optimum dan saya kira dengan kekuatan kewangan di Negeri Selangor ini dengan *review*, dengan izin setiap bulan dan 6 bulan pelaksanaan projek-projek dan program-program yang kita jalankan, sudah tentulah dalam keadaan bajet berimbang ini sekiranya ada keperluan maka peruntukan-peruntukan tambahan boleh difikirkan, semata-mata untuk kepentingan rakyat di Negeri Selangor itu sendiri. Jadi saya kira beberapa ADUN-ADUN telah menyentuh berkaitan dengan infrastruktur terutamanya penyelenggaraan jalan, naik taraf dan juga penggunaan wang MARRIS yang kita ada. Dan saya kira Ketua Pembangkang sendiri juga menyentuh berkaitan dengan isu penggunaan peruntukan MARRIS ini yang mana saya kira, saya ingin melihat ke hadapan iaitu bagaimana strategi kita terutamanya untuk melaksanakan projek-projek di bawah peruntukan MARRIS dengan peruntukan-peruntukan yang telah sedia ada dan projek-projek itu sudah dinyatakan di dalam belanjawan kita. Apakah projek-projek terutamanya yang berkaitan dengan infrastruktur yang akan kita jalankan

pada tahun hadapan. Cuma saya melihat bagaimana kita dapat menambahkan satu strategi lagi, mungkin dalam masa sepenggal atau dalam masa 5 tahun

**Y.B. TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI:** Tambahan, mencelah

**TUAN SPEAKER:** Sijangkang, Kota Anggerik minta mencelah.

**Y.B. TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI:** Saya nak tanya pada EXCO adakah EXCO setuju agar peruntukan MARRIS yang sewajibnya diserahkan pada PBT, diserahkan semua kepada PBT untuk mereka uruskan.

**Y.B. TUAN DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Kota Anggerik. Saya melihat dengan peruntukan, jalan-jalan yang sudah didaftarkan di dalam MARRIS ini, sepanjang lebih daripada 4 ribu kilometer di Negeri Selangor ini, supaya pengendalian ataupun penyelenggaraan jalan ini dilihat sebagai satu penyelenggaraan yang profesional sifatnya. Sudah tentu MARRIS ini ada peruntukan yang diberikan amanah atau tanggungjawab kepada JKR kepada PBT, kepada Pejabat Daerah dan juga kepada JPS dalam penyelenggaraan jalan-jalan dan juga perabot jalan ini. Cuma saya kira sepatutnya ia tidak menjadi masalah kepada kita. Sudah ada sistem, sudah ada jalan yang didaftarkan, sudah ada perancangan kita setiap tahun. Cuma bagaimana kita nak *lock* kan ini secara profesional. Saya tidak menafikan bahawa kepentingan juga ADUN-ADUN untuk menentukan prioriti-prioriti jalan yang sudah sedia ada. Tetapi saya ingin melihat dan merancang bagaimana contohnya dalam masa 5 tahun ini, kita dapat melihat dengan jumlah peruntukan yang ada di setiap tahun itu kita merancang. Contohnya untuk jalan-jalan di kampung di bawah penyelenggaraan pejabat Daerah. Katakan satu kampung itu mempunyai jalan sepanjang 10 kilometer, macam mana kita boleh rancang setiap tahun itu ada saja proses penyelenggaraan jalan itu yang kita lakukan. Katakan 2 kilometer, setiap tahun. Lima tahun ataupun satu penggal selesai kita uruskan dengan keseluruhan kampung-kampung yang ada. Begitu juga dengan jalan-jalan yang dikendalikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Sudah tentu Pihak Berkuasa Tempatan juga sudah ada *mapping*, dengan izin. Di setiap PBT-PBT itu, dan kita tahu, kalau kita letakkan dasar 10 tahun jalan itu *expired*, dengan izin, perlu kita perbaiki, maka ada perancangan yang sepatutnya sudah ada strategi yang di situ, dan hanya kita melakukan. Saya tak nafikan, mungkin ada satu-satu keperluan yang mendesak, yang bersifat *urgent*, yang mana mungkin melalui bantuan daripada ADUN-ADUN dan juga penyelarasan-penyelarasan DUN ini membantu untuk melihat perkara ini yang ada *priority*, selain daripada tempoh yang sudah kita tetapkan. Sebab itu saya sangat setuju, kalau peruntukan program ini terus diberikan kepada PBT-PBT dengan juga bantuan daripada ADUN-ADUN untuk memantau, melihat, membantu projek-projek ini dijalankan di peringkat PBT-PBT ataupun yang mana diberikan amanah kepada JKR dan juga JPS, jalan-jalan pertanian. Saya kira itu lebih baik kerana kita, kalau kita ada *mapping* yang tersendiri dan kita boleh jalankan dengan strategik mengikut profesionalnya, saya kira itu adalah satu perkara yang baik.

**Y.B. TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan tambah, mencelah. Saya nak tanya, sebagai contoh, MBSA, panjang jalan dia ialah 2,670 kilometer. Kalau kadar untuk

membaiki ialah RM33,000.00 satu kilometer, maknanya peruntukan MBSA, ialah RM88,000,000.00. Jadi seandainya MBSA, saya minta MBSA *submit* permohonan. Berapa cepat *approve* permohonan ini.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik jangan terus halakan soalan kepada Sijangkang, kena rujuk Speaker dulu ya.

**Y.B. TUAN DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih, Kota Anggerik. Inilah yang saya katakan tadi supaya kita bukan sahaja menyelenggarakan jalan itu tapi strategi itu adalah satu perkara yang sangat penting. Kerana saya melihat bukan sahaja pelaksanaan itu sendiri, tetapi bagaimana kita melaksanakan pelaksanaan itu. Contohnya, kita menurap jalan waktu musim hujan, yang sepatutnya kalau kita turap bukan di dalam masa hujan, dia mempunyai satu jangka hayat yang lebih baik. Begitu juga kadang-kadang kita turap jalan lepas tu ada proses mengorek parit dan sebagainya dan rosak semula. Jadi saya kira dengan peruntukan-peruntukan dan jumlah panjang jalan yang ada di dalam PBT-PBT itu, apabila peruntukan keluar dan kita boleh rancang dengan lebih strategik lagi. Seperti mana yang saya katakan tadi maksudnya bukan sahaja peruntukan yang ada tapi bagaimana kita dapat melakukan ini dengan baik yang akhirnya masyarakat mendapat manfaat yang optimum. Jadi isu-jalan ini juga dibangkitkan oleh ADUN Batang Kali, Bukit Gasing, Semenyih, saya kira ini akan diambil tindakan dengan peruntukan-peruntukan yang kita sudah sedia ada. Dan saya kira Dengkil juga ada menyebutkan berkaitan dengan penyelenggaraan jalan, terutamanya jalan Genting Sanyen ke Sg. Kelambu, yang dikatakan sudah ter bengkalai. Buat masa ini, projek jalan ini adalah dalam peringkat perancangan dan reka bentuk. JKR akan melantik perunding reka bentuk secara tender terbuka dan akan dijangka akan dibuat pada bulan Disember 2013 ini.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan minta laluan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker. Saya minta sedikit penjelasan mengenai dengan perbahasan saya yang menyentuh panjang tentang MARRIS, peruntukan MARRIS. Saya memang menyanjung kaedah kerajaan menyalurkan MARRIS itu. Tetapi kelemahan itu, Yang Berhormat, saya nak minta jawab tentang kelemahan, di mana skop kerja ataupun kerja-kerja sudah dikenal pasti dan dibawa ke majlis kemudian melalui, dihantar ke UPEN dan diluluskan dan dijalankan tender tersebut. Kerja dah siap kemudian bayaran itu apabila sekali-skala sampai ke PWN, ada juga sesuatu yang tidak kena. Mungkin sesuatu yang terlepas pandang dan sebagainya, tidak dibayar, ada projek yang tidak dibayar, menyebabkan Majlis terpaksa tanggung bebanan ratusan ribu. Ini yang saya tekankan. Jadi bagaimana ada cara kaedah untuk selesaikan mekanisme yang lebih baik supaya kita lebih memperlicinkan penggunaan MARRIS ini sampai ke tahap yang maksimum dan rakyat mendapat manfaat yang terbaik. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Sekinchan. Saya kira kita semua sedia maklum bahawa Majlis Daerah Sabak Bernam antara daerah yang tidak mempunyai kekuatan kewangan apabila dibebankan perkara ini. Cuma, sebenarnya

ada perubahan daripada skop kerja yang dibenarkan oleh peruntukan MARRIS ini. Kerana peruntukan MARRIS ini adalah untuk penyelenggaraan jalan. Bukan naik taraf jalan. Saya kira bukan sahaja di Sabak Bernam tetapi di beberapa PBT-PBT lain yang menggunakan peruntukan ini atas tajuk menaik taraf maka ia tidak mendapat kelulusan kerana ia bercanggah daripada sepatutnya, kebenaran untuk menggunakan kewangan MARRIS ini. Walau bagaimanapun saya kira dengan peruntukan yang sedia ada, boleh peruntukan bajet tahunan yang ada mungkin dapat diselesaikan menggunakan bajet itu. Dan saya kira semua PBT-PBT telah mendapat maklumat terkini dan semua yang dipertanggungjawabkan, yang diberi amanah untuk penggunaan MARRIS juga telah dimaklumkan dengan garis panduan yang terkini berkaitan dengan skop kerja yang seharusnya dipatuhi.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sijangkang, Hulu Kelang minta penjelasan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Timbalan Speaker. Saya ingin bertanya tentang MARRIS. MARRIS bermakna sistem maklumat rekod jalan raya. Maklumat rekod, pada tanggapan saya rekod itu ada. Di seluruh Selangor, di seluruh Malaysia, di seluruh Selangor, di seluruh DUN, ada rekod-rekod jalan yang telah diturap giliran-gilirannya. Jadi maknanya peruntukan itu ada hanya perlu diturunkan menurut maklumat yang dinyatakan. Adakah ini tanggapan yang betul.

**Y.B. TUAN DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Itulah sebenarnya peruntukan MARRIS ataupun peruntukan MARRIS yang sebenarnya. Untuk yang kita dapat daripada kerajaan pusat untuk penyelenggaraan jalan ini. Cuma skopnya yang tadi yang saya sebutkan seperti mana yang saya sebutkan adalah untuk penyelenggaraan bukan untuk naik taraf. Contohnya, walaupun penyelenggaraan jalan adalah perkara yang diutamakan, tetapi termasuklah kebersihan bahu jalan, perparitan, bukan naik taraf seperti parit naik kepada longkang konkrit dan sebagainya. Saya kira lampu juga termasuk juga dalam perabot jalan yang ada di bawah penyelenggaraan MARRIS tersebut. Saya ingat, saya

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Pohon mencelah.

**TUAN SPEAKER:** Yang terhormat Sijangkang, Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Ok,

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih, Tuan Speaker. Saya ingin tanya ada tak kerajaan merancang untuk masa depan, kita buat satu jadual berkala untuk semua penurapan jalan ini. Kita tidak tunggu untuk aduan ataupun permohonan daripada PBT untuk turunkan duit MARRIS untuk penurapan jalan.

**Y.B. TUAN DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Saya kira itulah yang terbaik yang saya fikirkan buat masa ini untuk saya berjumpa dengan mereka-mereka yang terlibat yang diamanahkan menggunakan peruntukan MARRIS untuk melihat semula. Soalnya adalah saya kira pelaksanaan projek-projek MARRIS itu sendiri, projek-projek di bawah

MARRIS itu sendiri. Saya terus masuk kepada perkara yang berikutnya, antara yang dibangkitkan di dalam sidang Dewan ini, adalah berkaitan dengan penyelenggaraan jalan di Sabak Bernam, kalau tak silap saya, Sungai Panjang ada menyentuh. Kalau tak silap saya hanya dua jalan yang dinaiktaraf atau penyelenggaraan jalan, yang berlaku di Sabak Bernam dalam perbahasan semalam. Betul.

**TUAN SPEAKER:** Apa Sijangkang ini giliran Sijangkang, jadi boleh teruskan.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI:** Saya nak pastikan, saya cuma merujuk kepada kepastian. Oleh sebab kita daripada dua Parlimen, di Daerah Sabak Bernam, jadi saya membuat rujukan kepada kertas yang dinyatakan. Dan saya lihat di situ hanya, di DUN Sungai Panjang hanya sekitar lebih kurang dalam sepuluh lima belas pucuk jalan JKR daripada segi belanjawan yang dikemukakan. Jadi dalam perbahasan saya pohon lebihlah.

**Y.B. TUAN DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Bukan sebut dua jalan saja ke.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI:** Saya tidak sebut dua, saya sebut adalah lebih kurang sepuluh jalan, jadi kita pohon lebihlah.

**Y.B. TUAN DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Ok, terima kasih Sungai Panjang. Dalam rekod saya, untuk Sabak Bernam sebenarnya di bawah Kerajaan Negeri ada lima projek yang dijalankan yang dilakukan di daerah Sabak Bernam, yang menelan belanja kos RM23.4 juta. Dan di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan, kita ada tujuh projek yang dilaksanakan dengan perbelanjaan RM4.9 juta. Dan menjadikan jumlah ini semuanya ada dua belas projek sebenarnya, yang menelan belanja RM28.3 juta. Pun begitu ada projek yang telah siap dan ada projek-projek yang masih di dalam pembinaan.

Saya ingat, saya terus kepada ADN-ADN yang membangkitkan berkaitan isu-isu berkaitan dengan belia di negeri Selangor terutamanya ADUN Dengkil, yang bertanyakan, yang membahaskan soal pembangunan belia itu sendiri. Berkaitan dengan hala tuju belia negeri Selangor. Kita mahu menjadikan untuk makluman Ahli Dewan negeri, kita mahukan di negeri Selangor ini menjadikan anak muda ataupun belia kita, sebagai belia ataupun generasi yang mempunyai keterampilan pelbagai. Bukan hanya mempunyai keterampilan dari segi pendidikan sahaja, ekonomi, tetapi kita mahu belia-belia di negeri Selangor ini mempunyai keterampilan yang pelbagai. Dan terutamanya dari segi kepimpinan itu sendiri. Kita mahu negeri Selangor yang mempunyai jumlah anak muda atau belia yang begitu besar sekali. Kita mahu mereka ini sebagai peneraju di dalam kepimpinan di masa akan datang. Dan dalam pada itu kita merangka bagaimana, satunya adalah untuk memberikan kesedaran kepada belia-belia itu sendiri. Supaya mereka sedar bahawa mereka inilah generasi ataupun anak muda yang akan bertanggungjawab dalam pembangunan dalam negeri Selangor di masa akan datang. Dan mereka juga dapat merasa bahawa kerajaan pada hari ini memberikan peluang kepada mereka untuk terlibat di dalam pembangunan belia. Kita tidak mengesampingkan mereka, tetapi mereka sudah merasa bahawa mereka

mempunyai peranan dan diberi peluang untuk sama-sama membangunkan negeri Selangor yang kita cinta ini. Sebab kita menjurus kepada beberapa agenda program pembangunan iaitu termasuklah program pendidikan, program keusahawanan, program kepimpinan, kemasyarakatan, sukan dan kebudayaan. Pun begitu, saya tak nafikan sebahagian daripada belia-belia kita ini suka kepada program-program yang tertentu dengan peruntukan yang kita utuskan kepada belia. Kalau di bawah pembangunan belia itu sendiri RM 3.5 juta setiap tahun. Dan melalui penggerak belia tempatan yang kita telah tubuhkan di semua PBT-PBT dengan peruntukan, walaupun tidak begitu besar, RM5,000.00 setiap zon, saya lihat mereka berupaya untuk mengadakan program-program yang walaupun tidak berskala besar, skala kecil tetapi mereka berkemampuan. Daripada program-program yang mereka laporkan kepada kita sebahagian besarnya saya lihat program-program ini cukup bermanfaat terutamanya kepada belia-belia kita di peringkat zon, dan belia-belia kita di peringkat PBT dan akhirnya apabila kita ada satu jaringan belia tempatan ini yang mana tujuannya adalah untuk mengerakkan belia-belia kita di peringkat bawahan. Sama ada belia-belia yang berpersatuan, yang berminat dengan NGO ataupun belia-belia yang berindividu sifatnya. Dan, saya lihat kekuatan ini, satu jaringan bergerak belia tempatan di peringkat negeri Selangor saya kira pada hari ini mereka cukup memahami dan cukup mantap sifatnya. Dan, saya kira tidak mungkin tidak berapa tepat, saya katakan saya berpuas hati dengan program-program yang kita jalankan dengan pencapaian-pencapaian ini. Sebab itulah kita pada hari ini melantik daripada Institut Pengurusan Sains Sosial, pengajian sains sosial di UKM untuk membuat satu kajian dasar belia yang mana kita menjadikan kita jadikan satu dasar negeri Selangor. Dan, di antara matlamatnya juga adalah melihat bagaimana program-program yang kita lakukan pada hari ini memberikan kesan dan impak kepada golongan belia, tanpa mengira ideologi mereka, tanpa mengira kaum yang ada di negeri Selangor ini. Mereka berupaya bangunkan. Dan kita lihat daripada kajian itu, pencapaian-pencapaian yang dapat kita raih daripada program-program pembangunan yang kita ada. Cuma di peringkat negeri juga kita ada mempunyai beberapa strategik untuk membangunkan belia kita. Contohnya, dalam sambutan Hari Belia Antarabangsa di peringkat negeri Selangor pada tahun ini kita menerapkan soal integriti itu sendiri di kalangan anak-anak belia / anak-anak muda atau pun belia yang hendak kita bangunkan ini supaya mereka ini mempunyai kekuatan integriti yang baik. Supaya apabila mereka menjadi pemimpin nanti penerapan integriti ini bebas daripada rasuah, bebas daripada penyalahgunaan kuasa ini, dapat diterapkan di dalam kehidupan mereka. Sebab itulah, antaranya kita memberi anugerah kepada bekas Menteri Besar Kelantan yang saya kira integritinya tidak boleh dipertikaikan dalam berpuluh tahun memerintah kerajaan negeri di Kelantan, dan kita juga memberi penghargaan kepada belia ataupun anak muda pernah pusing satu Malaysia membawa mesej bebas rasuah. Saya kira ini perkara-perkara yang hendak kita kehadapkan. Program ini menjadi perhatian cukup baik kepada Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia yang saya kira ini juga antara rancangan-rancangan kita bagaimana hendak membangunkan belia kita di negeri Selangor

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Mohon mencelah.

**TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sijangkang, Taman Medan mohon mencelah.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Saya ingin tahu apakah strategik yang digunakan bagi menarik belia-belia yang tercicir daripada bangku sekolah, yang kita dapati mereka ini adalah kelompok-kelompok yang agak besar. Sebentar tadi Yang Berhormat EXCO ada menyebut tentang kelompok yang saya kira pendidikan yang tidak tinggilah! Melempi peringkat menengah dan peringkat IPT. Tapi apakah nasib belia yang daripada golongan yang di bawah itu? Atau pendidikan yang tidak berapa tinggi?

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Taman Medan, saya kira bukan mudah untuk menangani masalah belia-belia yang di dalam golongan ini, terutama yang tercicir dalam pendidikan untuk kita beri pendedahan kepada mereka untuk *second change* (dengan izin) untuk pendidikan bukan juga satu mudah. Kita cuba mendekati mereka daripada program-program yang menunjukkan minat-minat mereka. Program-program santai contoh, dalam bentuk hiburan, dalam bentuk sukan, yang mana juga dalam program itu kita mendekati mereka dan memberi peluang dalam bentuk keusahawanan. Yang saya kira walau pada hari ini kita tidak melihat kejayaan yang besar tetapi sekurang-kurangnya mereka dekat dengan kepimpinan di peringkat negeri untuk kita bawa mereka. Dan, sudah tentulah kita hendak membawa mereka pada beberapa institusi, contohnya kita hendak menerapkan pendidikan kepada mereka dan berikan mereka kerjaya. Contohnya, kalau di Selangor kita ada INPENS yang boleh digunakan sebagai satu pusat latihan kepada mereka. Di samping mereka kita galakkan kepada institusi-institusi lain yang boleh memberikan peluang kepada mereka untuk mendapat pendidikan dan terus mendapat pekerjaan daripada kekuatan keterampilan yang mereka boleh perolehi. Tahun hadapan kita merancang untuk melihat bagaimana kita mungkin menghidupkan inkubator, kita bawa anak-anak muda ini dan kita beri pendedahan pendidikan kepada mereka terutamanya dalam soal pembangunan kemanusiaan itu sendiri dan juga pembangunan kerjaya yang saya kira sangat penting kepada mereka dalam sudut ekonominya.

Saya terus kepada, saya ingat ada isu yang ditanyakan secara langsung dinyatakan oleh ADUN Dengkil berkaitan Kompleks Belia dan Kebudayaan Negeri Selangor yang mana Majlis Belia Selangor pada hari ini terpaksa menyewa sejumlah, berapa banyak? Betullah! apa yang saya dengar tempoh hari. Dengkil mengatakan RM5000.00 sebulan sewaan untuk mereka gunakan apa ini, bilik di tingkat 5 Kompleks Belia Negeri Selangor. Suka saya hendak maklumkan bahawa ini adalah satu dasar yang mana sebenarnya kita kalau dahulunya Kompleks Belia dan Kebudayaan mendapat peruntukkan sepenuhnya perbelanjaan daripada negeri Selangor dalam pengurusan untuk menguruskan kompleks belia ini sepanjang tahun, yang saya kira perbelanjaannya cukup besar. Lebih kurang pada awalnya RM5000.00 setiap tahun. Dan apabila kita perkenalkan, kita melihat bahawa satu pengurusan yang baik sepatutnya yang baik wujud di situ, dan kalau kita lihat pun, apabila saya melihat sejarah pewujudan Kompleks Belia dan Kebudayaan ini. saya lihat pengurusan cara pelantikannya pun tidak, pelantikan yang tidak memenuhi cara pelantikan yang



sebenarnya. Dan, hatta dari segi penyelenggaraan itu juga kita lihat banyak kelemahannya. Sebab itu apabila diputuskan supaya ada satu pengurusan yang dilantik secara betul sifatnya. Maka kita lihat dapat, dapat buat pengurusan yang terbaik. Banyak penjimatan yang dapat kita lakukan dan sehingga pada ke hari ini terutamanya apabila bangunan ini telah diserahkan kepada Majlis Sukan Selangor *Holdings* untuk mengendalikan pengurusan bahawa pengurangan peruntukan daripada Kerajaan Negeri dapat dikurangkan dan dapat menjana peruntukan, dapat menjana pendapatan yang akhirnya boleh digunakan dalam pengurusan ini. Tetapi itu mungkin bukan satu perkara yang ditekankan dalam perbahasan itu. Saya melihat sebenarnya bukan RM5000.00 sewaan yang dikenakan setiap bulan. Hanya sekadar RM2000.00 sebulan dengan jumlah kadar 5820 kaki persegi, tingkat 5 itu sendiri, saya kira ini satu penyewaan yang rendah. Apatah lagi sewaan ini termasuk bil elektrik dan bil air. Kalau diikutkan lebih kurang 0.73 sen sahaja kaki persegi. Dan, saya kira sifat ataupun dasar yang kita Kerajaan Negeri pada hari ini hendak melihat bagaimana kita boleh mengoptimumkan penggunaan itu. Kalau perlu kita satu *floor*, satu tingkat, maknanya kita sewa satu tingkat. Kalau kita tidak perlu, kita mengikut keperluan mana yang kita perlu. Dan, saya kira dengan itu boleh jadi penjimatannya. Selain daripada beberapa penambahbaikan pengurusan yang akhirnya saya kira dia dapat memberikan pulangan sendiri kepada pihak pengurusan. Yang penting, kita melihat apabila kita gunakan apa ini, kemudahan-kemudahan Kerajaan Negeri. Kita gunakan sebaik-baik yang mungkin. Dan, kita tidak akan berlaku pembaziran di situ dan manfaat yang lebih banyak sebenarnya yang boleh diberikan kepada masyarakat yang lain.

Di sini juga saya ingin menyentuh isu yang dibangkitkan oleh Sri Andalas berkaitan tender sebut harga yang terendah. Saya kira di peringkat negeri dia tidak ada satu isu yang *signifikan* dengan harga yang terendah dari segi kegagalan projek. Cuma mungkin boleh dilihat satu bentuk penelitian ataupun kajian di peringkat PBT kerana saya juga dimaklumkan ada mengikut harga terendah, ada mengikut harga *cut off* dan sebagainya. Tetapi mungkin satu bentuk kajian boleh dilihat adakah dengan harga terendah ini maka banyak projek-projek yang gagal atau mutu projek itu yang boleh dipertikaikan. Cuma yang saya juga ingin sentuh di sini dengan kelas F Bumiputera ini adalah mematuhi Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2009 di mana surat pekeling tersebut dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan aturan kewangan perolehan ini memanglah kita kena ikut. Kerajaan Negeri kena ikut Arahan Perbendaharaan itu. Saya kira itu beberapa perkara yang saya sebutkan tadi dalam perbahasan ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada ADUN-ADUN yang terlibat.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah. Yang Berhormat Seri Kembangan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih puan Speaker. Saya ingin menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Burong dan Yang Berhormat Batang Kali, tetapi dua orang tiada, tidak apa. Sungai Burong membangkitkan tentang isu sistem perparitan dan juga masalah rumput dan juga lampu jalan di tepi jalan perindustrian di Kapar tapi dia tidak maklumkan lokasi sebenar, ini agak susah bagi Kerajaan Negeri untuk mengambil tindakan. Haraplah! supaya Sungai Burong dapat memberi lokasi sebenar agar pihak Kerajaan Negeri boleh

menyelesaikan masalah ini. Bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Batang Kali berkenaan penurunan dan keberkesanan pendekatan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam menarik pelaburan ke negeri Selangor. Antara faktor-faktor yang dikenal pasti memberi kesan kepada penurunan jumlah pelaburan ini adalah kerana satu faktor ekonomi global kurang memberangsangkan secara langsung menyebabkan prestasi pelaburan di seluruh Malaysia secara amnya dan di Selangor secara langsung mengalami kesan penguncupan. Merujuk kepada laporan *city market* (dengan izin) negara-negara di kawasan *Asia Pacific* mengalami penguncupan pelabur asing dengan hanya 1553 projek sahaja yang diluluskan dalam tempoh Januari hingga Julai tahun 2013. Berbanding 2330 projek bagi tempoh masa yang sama pada tahun 2012. Ini secara langsung mewujudkan penguncupan jumlah pelaburan di negeri Selangor disebabkan kesan ekonomi serantau dan antarabangsa. Dua, kesan penguncupan jumlah pelaburan ini bukan sahaja dirasai oleh negeri Selangor tetapi turut memberi kesan terhadap prestasi pelaburan di Malaysia di mana hanya sebanyak RM29.886 Bilion sahaja yang akan diluluskan sehingga Ogos 2013. Berbanding RM41.05 Bilion pada tahun 2012. Walau bagaimanapun jumlah pelaburan yang direkodkan Januari hingga Ogos bagi tahun 2013 kurang berbanding pada tempoh yang sama. Bagi tahun 2012 negeri Selangor masih kekal di antara negara pilihan para pelabur. Selangor mencatatkan jumlah projek tertinggi berbanding negeri-negeri lain iaitu sebanyak 140 projek. Ini terbukti menerusi rekod jumlah pelaburan bagi tempoh 2008 hingga Ogos 2013 di mana Selangor masih mengekalkan kedudukan di antara negeri yang menerima jumlah pelaburan yang tertinggi di Malaysia. Ini menunjukkan pendekatan pelaburan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri berkesan bagi memastikan Selangor masih kekal sebagai negeri perindustrian. Ini juga terbukti menerusi statistik jumlah pelaburan yang direkodkan bagi tempoh 2008 hingga Ogos 2013 yang mana di secara keseluruhannya Selangor terus mendahului negeri-negeri lain dengan pelaburan berjumlah dengan RM53.246 Bilion daripada 1560 projek perkilangan yang diluluskan. Selain itu berdasarkan keadaan negeri Selangor yang membangun dengan begitu pesat serta polisi kerajaan yang menyerapkan dasar pembangunan mampan menyebabkan hanya industri-industri yang berteknologi tinggi menetapi peraturan alam sekitar serta yang memberi nilai tambahan pada sektor sendiri sahaja digalakkan untuk dibangunkan di negeri Selangor. Namun begitu, Kerajaan Negeri mewujudkan agensi khusus SSIC Berhad diberi mandat untuk membantu para pelaburan dari mula proses mengenal pasti tapak, menyelaras permohonan-permohonan kelulusan, pembangunan, dan membantu para pelabur menyelesaikan masalah yang dihadapi sama ada melibatkan Kerajaan Negeri mahu pun Kerajaan Pusat. Sekian.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Bukit Lanjan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Majlis dialog di antara pihak PBT, Pejabat Daerah, agensi-agensi kerajaan, pihak swasta dalam industri pelancongan. Setakat ini mengadakan majlis dialog di Daerah Hulu Selangor, Daerah Sabak Bernam, Daerah Kuala Langat dan pada akhir bulan November ini kita akan ada satu di Kuala Selangor. Yang Berhormat Kampung Tunku telah mencadangkan satu perkhidmatan bas pelancongan dengan percuma *hop on, hop off* dan saya rasa ini adalah cadangan yang amat bagus yang perlu dikaji keberkesanannya. Mungkin ini boleh diintegrasikan

dengan rancangan Kerajaan Negeri untuk memberi bas percuma di peringkat PBT. Walau bagaimana pun saya rasa tumpuan Kerajaan Negeri setakat ini adalah kepada penduduk dan juga warga Selangor sebelum kita membuat satu bas atau memberi perkhidmatan bas percuma khas untuk pelancong-pelancong. Namun begitu ini

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Ya Kampung Tunku

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Konsep *hop on, hop off* ini yang saya cadangkan tidak pernah saya cadangkan ia sebagai satu bas percuma di mana-mana negara pun. *Hop on, hop off* ini pelancong kena bayar, jadi cadangan saya ini supaya dijadikan ia satu kemudahan kepada pelancong untuk mempromosikan destinasi-destinasi pelancongan di sesuatu tempat khususnya di tempat yang ada kawasan bersejarah seperti di Klang dan pelancong ke bayar dan daripada keuntungan yang kita dapat itu kita bangunkan produk-produk pelancongan yang lain di Negeri Selangor. Dan saya rasa ini adalah satu strategik yang perlu diketengahkan oleh Kerajaan Negeri Selangor sekiranya kita nak memperhebatkan industri pelancongan di Negeri Selangor khususnya pada tahun depan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Kampung Tunku atas penjelasan Yang Berhormat kalau ada pembayaran besar kemungkinan kita boleh mengkaji dengan lebih mendalam dengan *return investment* dan sebagainya adakah kita cukup *capital*.....dan sebagainya. Tapi untuk makluman Kampung Tuanku juga kita ada satu program ataupun projek di mana kita panggil *higher walk* Klang di mana pelancong-pelancong boleh ambil kereta api, masuk ke Bandar Diraja Klang dan ada satu peta khas di mana mereka boleh jalan dan ini sedang ubah suai untuk mengurangkan jarak perjalanan dan sebagainya dan ini kita buat bersama pemandu pelancong-pelancong atau tour ... dengan maklum balas dan juga *free back* daripada mereka. Jadi saya akan bawa cadangan daripada Yang Berhormat Kampung Tunku tentang bas perkhidmatan pelancongan dan saya rasa kalau boleh kita lancarkan secepat mungkin.

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE B. NGAH:** Mohon penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Bangi.

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE B. NGAH:** Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Bukit Lanjan. YB EXCO menyebut tentang agro dan eko tak sebut pun edu tidak ada ke akan disentuh jawapannya nanti agro-tourism, khususnya menyentuh Bangi sebab Bangi banyak pusat pendidikan yang boleh dijadikan tapak ke arah itu agro-tourism terima kasih.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Yang Berhormat Bangi saya hanya boleh jawab apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat di dewan ini. Saya rasa *educational* saya belum jumpa semasa ucapan ataupun

semasa perbahasan Yang Berhormat daripada Bangi itu namun begitu boleh bangkit semasa ucapan-ucapan yang akan datang pada minggu hadapan. Yang Berhormat Bukit Gasing telah menekankan tentang isu insentif untuk bangunan-bangunan hijau atau pun dengan izin *green building*. Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Gasing di Majlis Perbandaran Sepang memang ada insentif iaitu 5% diskaun cukai tafsiran jikalau sesuatu bangunan ada sijil *Green Building Indeks* GBI dan ini akan dikaji semula pun atau pun mereka perlu pohon semula setiap 2 tahun. Di peringkat Majlis Perbandaran Petaling Jaya terdapat skim rebet cukai rumah mesra alam hijau Petaling Jaya di mana ianya dinilai 6 kriteria utama iaitu tenaga, air, pengangkutan, biodiversiti, pengurusan sisa dan juga insentif lain. Dan rebet ini adalah hingga seratus peratus atau 500 ringgit mana yang lebih rendah tetapi selain daripada insentif di peringkat MPPJ juga ada dengan izin *the stick has a carrot and the stick*, jadi kayu itu, stik adalah mana-mana pemaju yang ingin dapat kebenaran merancang disyaratkan bahawa diwajibkan ada sistem pengumpulan air hujan pematuhan kepada kriteria *green building* dan sebagainya. Akhir kata saya pun ada serangkap pantun,

Negeri Selangor Negeri berkebakikan,  
Di bawah pentadbiran Pakatan Rakyat,  
Belanjawan Selangor mampan ke hadapan,  
Semoga Pakatan Rakyat terus mandat.

Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Batu Tiga

**Y.B PUAN RODZIAH BT ISMAIL:** Terima kasih Puan Speaker terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang membangkitkan beberapa isu yang jelas, ianya di bawah pengurusan ataupun di bawah pengendalian Jawatankuasa Tetap dan Kebajikan Wanita. Yang Berhormat yang membangkitkan adalah Hulu Kelang, Tanjung Sepat, Sungai Burong, Teratai, Kota Daman sara, Daman sara Utama, Begitu juga dengan isu-isu wanita Kuala Kubu Bharu, sedikit disentuh oleh Dengkil, Tawas. Saya ingin menyatakan di sini bahawa isu yang dibangkit tentang isu kebajikannya kebanyakannya kali ini ingin mengetahui apakah sebenarnya indeks atau pun apakah sebenarnya indeks kemiskinan bandar ataupun disebut paras garis kemiskinan bagi kemiskinan bandar yang diiktiraf atau yang diguna pakai. Ingin saya nyatakan di sini bagi konteks Kerajaan persekutuan kemiskinan bandar yang dinyatakan di sini adalah mereka yang berpendapatan 720 ke bawah. Yang mana dilihat daripada statistik yang dibekalkan kepada saya Selangor mencatatkan lebih kurang 0.2 iaitu 10,400 sahaja mereka yang miskin bandar. Tetapi bila kita lihat dari miskin tegar pula satu data yang begitu mengejutkan itu iaitu Selangor tidak ada individu yang miskin bandar kerana pjg yang diguna pakai 420. Atas dasar itu sebenarnya Kerajaan Selangor lebih ke depan dalam menyatakan kemiskinan yang ditangani oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk mereka ini di layak diberi kebajikan dan program-program yang berkaitan dengan kebajikan atau merakyatkan Negeri Selangor kita nyatakan untuk mereka secara khususnya 1,500 ke bawah pendapatan seisi rumah itu untuk mereka layak dapat pendapatan program kebajikan oleh Kerajaan Negeri

Selangor. Tetapi ada satu kajian yang menyatakan bahawa kemiskinan bandar ini sebenarnya yang diguna pakai yang terbaik adalah sekarang ini adalah 3,000 ringgit ke bawah itu untuk diguna pakai.

Jadi saya mengharapkan supaya bila saya tanya data-data ini kepada Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat kita dapati rupa-rupanya data ini data yang diambil bila mereka datang mengadu ataupun memohon bantuan. Jadi data ini belum kita katakan data yang sebenarnya berlaku sebab kita tengok di Selangor khususnya seramai 5.6 rakyat di Negeri Selangor ini berapa banyaknya mereka yang berada di bawah itu yang memerlukan bantuan daripada Kerajaan Negeri Selangor. Begitu juga isu yang ditimbulkan sedikit yang saya sentuh, saya tidak mahu menyentuh tentang isu sewaan yang ditimbulkan oleh Kota Damansara tetapi saya ingin menyatakan beberapa fakta untuk panduan semua Yang Berhormat bahawa isu mereka yang tinggal di rumah PPR ini yang kononnya kita tidak beri kebajikan kepada mereka ini, jika mereka tidak mampu untuk membayar 250 itu ingin saya nyatakan data di depan saya ini untuk PPR Kota Daman sara sahaja jumlah unit yang ada 1,152 mereka yang mohon untuk diberikan pengurangan ialah sebanyak 323 orang dan selepas disiasat sebenarnya 264 daripada mereka layak pengurangan 124 ringgit jadi saya yakin Kerajaan Selangor tidak pernah mengetepikan isu-isu kebajikan jika mereka ini benar-benar untuk boleh dapat kebajikan tersebut ingin nyatakan di sini hatta kalaulah apa yang dinyatakan di sini disebutkan oleh Cempaka kita telah pun memberikan ansuran deposit kepada mereka yang ingin menyewa. Kita juga membantu mereka yang duduk di PPR ini perlukan bantuan kita di bawah dasar Kerajaan Negeri Selangor *work fare policy* dengan izin kita berikan mereka bantuan-bantuan untuk menjana pendapatan. Iaitu seperti yang kita salurkan kalau mereka mempunyai kemahiran perniagaan ataupun ada perniagaan kecil kita berikan mereka kredit bandar untuk mereka yang memerlukan atau mereka telah pun memulakan program taska di rumah kita bantu untuk melesenkan mereka untuk mendapatkan taska di rumah supaya mereka boleh mengambil anak-anak untuk dijaga. Begitu juga tidak kurang di mana Pihak Berkuasa Tempatan juga membantu untuk melaksanakan program membasmi kemiskinan bandar dengan beberapa program saya ingin nyatakan dan juga rakamkan di sini contoh yang dibuat oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya di mana program kemiskinan bandar contoh yang saya lihat daripada dibuat oleh dikatakan rata-rata mereka yang berpendapatan 700 ringgit itu telah pun dinaikkan kepada 1,153.00. Jadi saya harap perkara-perkara ini pihak pembangkang tidak lagi memutarbelitkan fakta insya-Allah kita selaku negara/negeri kebajikan ita kita harap sangat supaya isu-isu kebajikan ini malah sekarang ini kita telah mempunyai satu data yang telah mengumpulkan hampir satu juta lebih data-data mereka yang pernah datang kemukakan permohonan kepada Kerajaan apakah bantuan-bantuan atau program-program yang mereka boleh terlibat memastikan perkara ini.

Saya juga ingin menegur Dengkil dan sekali gus menjawab persoalan yang ditimbulkan kononnya TAWAS atau pun Tabung Warisan Negeri Selangor tidak mencapai matlamat atau pun tidak mencapai sasaran yang telah dibuat. Teguran itu sebenarnya dibuat pada 2012 dan ianya telah pun dijawab. Tetapi ingin saya nyatakan persoalan besarnya walau pun kelahiran 300 orang, 13 orang itu setiap tahun tetapi tidak

semuanya itu dikategorikan layak. Satu, yang keduanya bila kita ingin pergi ke hospital tempat di mananya anak-anak ini dilahirkan, Kerajaan Selangor tidak membenarkan. Jadi usaha selain itu kita telah pun membuka satu kaunter khas di Jabatan Pendaftaran Negara, ya di bawah situ dan alhamdulillah sehingga kini statistik sekarang ini menunjukkan pendaftaran untuk Tabung Warisan Anak Selangor adalah sebanyak 133,434 orang. Alhamdulillah melebihi sasaran yang ada tetapi ingin saya timbulkan bahawa kita tidak pernah, ya kerajaan Negeri Selangor tidak pernah berputus asa walau pun sekatan-sekatan yang telah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan.

Dan ada yang bertanya tentang isu Bantuan Khas Orang Kurang Upaya. Saya ambil kesempatan ini Puan Pengerusi untuk menyatakan sedikit tentang dana atau pun bajet yang diletakkan di bawah Pembangunan Kebajikan ini. Salah satunya adalah untuk meneruskan program Bantuan OKU sedia ada di Selangor iaitu Bantuan Kewangan sebanyak RM150 untuk OKU terlantar, Bantuan Elaun Tambahan RM150 untuk OKU yang bekerja, Bantuan Alat Tiruan Sokongan atau pun untuk mereka yang memerlukan peralatan sokongan, itu akan kita teruskan. Dan kita sekarang ini Kerajaan Selangor memberikan bantuan bersama dengan Kerajaan Persekutuan juga Program Pusat Dalam Komuniti atau pun PPDK yang sekarang ini kita telah pun wujud sebanyak 33, minta maaf 43 buah Pusat PDK di seluruh Selangor. Begitu juga kita tidak pernah meninggalkan OKU bila mana kita memberikan baucar sebanyak RM100 dalam Program Jom *Shopping* bagi mereka yang telah mendaftarkan diri dalam khairat kematian OKU itu atau pun SMUE. Kerajaan Selangor juga telah pun melaksanakan pelekat kenderaan *parking standard* seluruh Selangor yang mana pelekat ini sebenarnya boleh diguna pakai ke semua PBT tidak lagi seperti dulu setiap PBT mengemukakan pelekat yang berbeza untuk OKU tapi sekarang pelekat itu telah pun diguna pakai standard, maknanya tidak kiralah mereka berada di mana-mana PBT, mereka hanya mengguna pakai satu sahaja pelekat yang ada.

Begitu juga kita menegaskan bangunan Mesra OKU di bangunan kerajaan tetapi untuk tahun hadapan Kerajaan Selangor menegaskan insya-Allah kita akan memastikan dana yang ada itu adalah untuk memastikan bantuan khas OKU dalam konteks *accessibilities* untuk OKU. Juga memberi peluang OKU bekerja dan mempunyai pendapatan dengan berdikari iaitu kita bagikan pada 2 kategori, OKU yang lambat di sudut pembelajarannya kita akan memberikan program penempatan pekerjaan yang mana sasaran yang akan kita berikan ini adalah seramai 100 orang. Dan bagi mereka yang mempunyai program atau pun mempunyai kecacatan fizikal, buta tuli tetapi berkemahiran untuk mempunyai skil perniagaan, kita akan tingkatkan penyertaan mereka di bawah program MiMBAR iaitu sebanyak 300 peserta setahun. Yang mana sekarang ini alhamdulillah sebanyak 53 OKU telah pun mengambil bahagian di bawah program MiMBAR ....

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Mohon penjelasan.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Silakan.

**TUAN SPEAKER:** Ya Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Apakah dasar kerajaan negeri terhadap pengambilan orang-orang OKU yang mempunyai kelulusan daripada IPT. Peluang pekerjaan daripada kerajaan negerilah.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Kalau ikutkan dasar yang sedia ada adalah kita menetapkan minimum 1% setiap Jabatan untuk mengambil orang-orang kurang upaya ini bekerja. Ianya tidak kiralah sama ada mereka ini lepasan daripada Universiti atau pun mereka ini mempunyai kelayakan sijil SPM atau pun STPM, itu lebih ditegaskan. Tetapi selain daripada itu dasar yang kita buat bagi memudahkan OKU yang memerlukan sedikit bantuan *accessibilities* atau pun bebas halangan ini kita menyediakan bantuan untuk memastikan tempat-tempat kerajaan ini atau pun *work place* ini dengan izin dilengkapi dengan dalam suasana yang kondusif untuk mereka bekerja. Jadi untuk itu sebenarnya Kerajaan Selangor telah meletakkan dasar itu dan insya-Allah kita pun telah pun mengaudit bangunan-bangunan kerajaan bagi tempat-tempat yang belum lagi mencapai sasaran atau pun mencapai KPI dan spek yang telah ditentukan, kita akan laksanakan insya-Allah.

Jadi sebagai saya ulang maknanya kita meletakkan sasaran 1% itu adalah untuk memastikan OKU dapat bekerja atau pun berdikari dalam konteks mendapat pendapatan yang sewajar dengan mereka yang sempurna.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Batu Tiga boleh berhenti sekejap.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Boleh.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian oleh kerana urusan dewan ini masih panjang maka dewan pada hari ini perlu disambung. Saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** *Bismillahi Rahmanir Rahim.* Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut bahawasanya dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah dilanjutkan sehingga selesai penggulungan daripada pihak kerajaan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KIM:** Tuan Speaker saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini persetujui. Yang Berhormat Batu Tiga boleh sambung.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Puan Speaker. Jadi untuk seterusnya saya ingin membawa beberapa perkara yang ditimbulkan di dalam dewan ini oleh Morib dan Kuala Kubu Baharu isu berkaitan wanita. Jadi ingin saya nyatakan di sini sebenarnya saya memanjatkan kesyukuran pada Allah *Subahanna Waatalla* kerana

apa yang telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas bajet wanita iaitu Bajet Pembangunan RM1 juta yang ditambah lagi insya-Allah daripada bajet rizab RM30 juta itu akan saya manfaatkan sebaik mungkin untuk Pembangunan Wanita. Jadi untuk itu saya ingin menyatakan di sini beberapa fokus yang dilaksanakan selain daripada menguruskan program Skim Kesihatan Wanita *One Stop Kasih Centre*, program-program yang berkaitan ibu tunggal. Sebenarnya satu program yang baru kita perkenalkan tahun lepas iaitu Pusat Wanita Budaya adalah satu program yang saya jangka begitu mendapat tempat di dalam masyarakat. Di mana kita atau pun kerajaan Negeri Selangor mula mengiktiraf peranan wanita di kawasan atau pun di Dewan Negeri bila mana penubuhan Pusat Wanita ini mampu memberikan akses kepada informasi kepada wanita dan bagaimana wanita ini dapat kita tangani dengan secara langsung. Tidak lagi dipusatkan tetapi sekarang kita tidak memusatkan kepada hanya di dalam pejabat EXCO sahaja.

Perkara ini penting kerana saya sentiasa mengulang di dalam dewan ini kerana Jabatan Pembangunan Wanita sebagaimana yang saya beritahu tidak lagi memainkan peranan bekerjasama dengan kerajaan negeri. Jadi dengan wujudnya Pusat Wanita Budaya ini kerajaan Selangor boleh bekerja untuk memastikan wanita di Selangor ini tidak ketinggalan. Jadi soalan yang dinyatakan disini apakah kerajaan Selangor mengiktiraf atau pun ingin mengambil program caruman Wanita Selangor itu, Wanita Nasional itu sebagai satu program Wanita Selangor, saya sebenarnya kalau dikatakan atau ingin berkongsi pandangan bahawa Caruman Wanita Selangor ini atau pun Wanita Malaysia ini dibuat bukanlah sekadar melontarkan pandangan yang datang daripada mana-mana tidak. Tapi kita melihat tentang bagaimana peritnya kehidupan seorang warga ibu tunggal yang mana ditinggalkan oleh keluarga khususnya suami, bila berlakunya kematian dan perceraian mereka tidak punya pendapatan atau pun sumber pendapatan yang tetap.

Atas dasar itu Caruman Wanita Malaysia itu dicadangkan supaya ianya diwujudkan bagi memastikan wanita-wanita yang suri rumah yang tidak dikenali sebagai individu yang berada di sektor pekerjaan yang formal ianya boleh diberikan sedikit caruman supaya jika berlaku apa-apa musibah kepada keluarga paling kurang mereka ada tempat untuk jaringan sosial untuk mereka tidak jatuh terus atau pun jatuh ke tangga kemiskinan yang tidak dapat diselamatkan. Tetapi ingin saya nyatakan di sini sebenarnya apa yang telah ditimbulkan itu masih dalam bentuk kajian. Kalau ikut Sekinchan dia kata, kata-kata hikmat itu kan. Tetapi kajian mana kita kena mengetahui berapakah impak dan kuantum yang perlu kita berikan dan bagi kajian yang saya lihat di sini daripada statistik yang saya dapat daripada Jabatan Perangkaan, Selangor mempunyai lebih kurang dalam pasaran luar kerja iaitu lebih kurang 10,865 wanita yang berkahwin yang tidak bekerja yang perlu ditangani. Tetapi saya ingin meneliti lebih lanjut lagi supaya data-data ini lebih tepat supaya kuantum berapa caruman yang hendak diberi itu dapat saya berikan dengan lebih teliti. Dan yang keduanya tentang apakah ...

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Mohon penjelasan.



**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Yang Berhormat EXCO hanya menyebut kebajikan ibu-ibu tunggal sebenarnya ada satu lagi golongan wanita yang sering dilupakan tetapi nasibnya lebih kurang sama dengan ibu tunggal iaitu ibu tunggal. Ditinggalkan suami tanpa diceraikan untuk menjaga atau pun menyara kehidupan. Jadi bagaimana pandangan Yang Berhormat EXCO.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Lalah kalau ingin saya nyatakan di sini ada 12 fokus wanita yang kita berikan termasuklah sebenarnya wanita yang ditinggalkan tanpa ada status sama ada beliau ini diceraikan ke atau pun suaminya di mana. Tetapi dalam menangani isu kebajikan kita ambil kira tentang program ini, tapi saya ingin hanya menegaskan tentang Caruman Wanita Nasional ini atau pun Caruman Wanita Malaysia yang disarankan supaya Wanita Negeri Selangor juga melaksanakan di peringkat negeri. Saya memberikan pandangan bahawa ianya akan dimulakan terlebih dahulu untuk mereka yang berkahwin, suri rumah tetapi mereka tidak di dalam lingkungan yang ada jaringan sosial atau pun keselamatan sosial, di sudut ekonominya jika berlaku apa-apa dalam keluarga. Jadi satu perkara yang sebab dah dibangkitkan oleh Taman Medan saya menyatakan bahawa sebab itu Portal Ibu Tunggal ini, Kerajaan Selangor telah mewujudkan kerana kita telah mengetahui juga sejauh seramai manakah sebenarnya ibu-ibu yang di Selangor ini ditinggalkan supaya kes-kes itu dapat kita tangani dengan lebih komprehensif tidak semata-mata dalam memberikan kebajikan tetapi kita juga ingin melihat apakah dalam konteks undang-undang boleh kita sarankan supaya ianya di pastikan mereka yang mempunyai masalah ditinggalkan ini dapat kita, berikan satu sistem sokongan yang lebih bersepadu. Itu jawapan saya dan seterusnya saya ingin menyentuh tentang isu Pusat Wanita Budaya yang telah dibangkitkan. Atas dasar kerajaan Selangor bagi memastikan bahawa Pusat Wanita Budaya lebih orang kata, berdaya saing dan lebih baik untuk tahun-tahun yang akan datang. Jadi kerajaan Selangor juga akan memastikan peruntukan yang diberikan ini insya-Allah selain daripada kita memberikan program-program yang agak tersusun dari sudut kemahiran ekonominya, kesihatan, kemahiran kekeluargaan, ICT, pengurusan kewangan dan juga isu-isu berkaitan dengan ....

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Puan Speaker mohon laluan.

**TUAN SPEAKER:** Ya Seri Serdang.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Terima kasih Puan Speaker, Yang Berhormat EXCO. Apakah syarat pendaftaran ibu tunggal yang dimestikan menyertai surat perceraian atau pun surat mati untuk disahkan satu-satu ibu tunggal. Di sini Seri Serdang ingin mencadangkan supaya pengesahan surat-surat itu sekiranya tidak ada status mereka disahkan oleh ADUN. Seperti mana yang kita tahu pihak SUK memulangkan borang-borang yang tiada dikelipkan bersama surat perceraian atau pun surat mati. Sekian, terima kasih.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Saya sebenarnya terkejut juga soalan ini. Tetapi saya faham apa yang disebut oleh Seri Serdang. Ianya berkaitan dengan pendaftaran ibu tunggal atau pun program *Jom Shopping* ibu tunggal yang telah kita laksanakan tahun lepas, awal tahun ini. Ianya mengambil kira mereka ini yang layak adalah ibu tunggal yang dokumennya telah pun lengkap diisi. Salah satu dokumen yang boleh nyatakan atau mengesahkan mereka ini ibu tunggal adalah surat kematian atau pun surat penceraian daripada suami. Jadi bagi saya ianya bawa saja surat ini ke Pusat Khidmat atau pun Ketua-ketua Taman, mereka boleh sahkan ianya. Tetapi kalau tak ada maksudnya, ianya agak susah sebab justifikasi itu susah kita nak beri terutama, minta maaf saya sebut di dalam Dewan ini terutamanya di kalangan golongan wanita-wanita India kita yang kebanyakan mereka ditinggalkan, jadi ibu tunggal, membesarkan anak-anak tetapi mereka tidak dipastikan status mereka sama ada mereka ini meninggal suaminya ataupun mereka telah pun bercerai secara sah. Jadi, Alhamdulillah dengan program *Jom Shopping* ini kerajaan negeri Selangor di bawah portfolio wanita telah ambil pendekatan, kebetulan mereka ini datang dan ingin mendapatkan bantuan *Jom Shopping* itu dan kita telah memikirkan untuk membantu wanita-wanita dalam golongan ini untuk kita bawa ke muka pengadilan untuk pastikan sama ada mereka ini statusnya nak disahkan, ye. Kalau macam dalam Islam kita ada, apa ni talaknya, fasakhnya dan sebagainya ye tetapi untuk orang yang bukan beragama Islam mungkin cara lain untuk memastikan apakah sebenar status-status wanita-wanita yang ditinggalkan. Jadi, saya jawab mesti ada dokumen kerana itu syarat yang telah ditetapkan.

Jadi berbalik tentang isu Pusat Wanita Budaya tadi, dengan adanya program ini daripada 46, daripada 56 DUN, 46 DUN telah pun mengujudkannya. Jadi saya jangkakan tahun depan kita akan pastikan 10 lagi DUN ini dapat mendirikan Pusat Wanita Budaya. Dengan ini kita akan bekerjasama dengan PBT dan juga Pejabat Daerah, memanfaatkan mana-mana lagi Dewan-dewan dan tempat-tempat yang belum ada.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Minta penjelasan

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama, silakan.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Silakan.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Nak minta penjelasan YB EXCO tentang Pusat Wanita Budaya. Memang kita nampak di wanita ini kebajikan dan sosial kita dah buat baik kerajaan Selangor tetapi dari segi ekonomi. Apakah langkah-langkah kerajaan terutamanya dalam PWB. Apakah langkah-langkah kerajaan untuk meningkatkan penglibatan wanita di ekonomi, memandangkan banyak wanita sekarang kena tinggal di dalam rumah ada 47% sahaja wanita yang bekerja sekarang di ekonomi, so apakah langkah-langkah kerajaan untuk meningkatkan penglibatan wanita. Soalan keduanya ialah; apakah langkah-langkah kerajaan untuk meningkatkan kemahiran. Kalau dia di ekonomi dia pun dapat gaji yang lebih rendah secara purata wanita. So apakah langkah-langkah kerajaan untuk meningkatkan purata gaji wanita di ekonomi. Dan

soalan ketiga; yang dalam bajet itu ada RM30 juta untuk wanita. So saya nak tahu apakah pecahan perbelanjaan antara kebajikan sosial dan ekonomi supaya kita dapat tengok apakah, berapa pecahan yang kita so kita dapat tahu sumber yang kita nak apakah go kita minta dengan izin so kita boleh berbelanja dengan lebih strategik di dalam RM30 juta perbelanjaan tersebut. Terima kasih.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Damansara Utama, dia banyak nak statistik dan angka-angka, yang itu saya tangguhkan, insya-Allah saya akan bagi kemudian, tetapi apa yang saya boleh garap daripada soalan yang ditimbulkan, bagaimanakah sebenarnya kerajaan ingin menambahkan pendapatan melalui program yang dibuat di bawah Pusat Wanita Budaya ini dan pendapatan-pendapatan ekonomi wanita. Memang saya di sini, memang kerajaan Selangor menampakkan ataupun merasakan bahawa penambahan pendapatan ekonomi wanita ini penting bukan sahaja untuk memajukan diri wanita itu tetapi untuk membantu keluarga. Jadi sasaran kita supaya dengan adanya program-program tambahan sama ada dibuat di dalam rumah ataupun keluar berniaga kecil-kecilan ataupun buat kerja ataupun buat perniagaan melalui *online* dan sebagainya mereka boleh berpendapatan RM1,500.00 insya-Allah. Sebab itu apa yang saya sebut pada jawapan saya yang lepas semasa ditanya di dalam soalan mulut 82, lebih kurang 82,000 wanita yang telah pun menghadiri program-program kerajaan negeri Selangor, seluruh Selangor ini 46 DUN itu telah pun menghasilkan beberapa wanita yang sebenarnya sekarang ini boleh berdikari di sudut pendapatannya. Tetapi persoalannya bagaimana kita nak pastikan ianya boleh dilaksanakan, sebab itu saya katakan Pusat Budaya Wanita ini begitu signifikan penubuhannya kepada wanita sebab selama ini wanita banyak kekangannya. Ye PWB ini adalah satu sistem sokongan bila mereka pergi ke pusat ini satunya tempat itu berdekatan dengan rumah mereka, yang keduanya mereka kita sediakan juga program penjagaan anak-anak di tempat tersebut supaya mereka selesa untuk mendapatkan kemahiran ataupun ilmu yang diajar dan akhirnya mereka boleh mengguna pakai ianya untuk di bawa ke rumah dan membuat kerja melalui di rumah dan yang penting kami masih beri bimbingan selepas mereka pulang ke rumah tersebut dan kemahiran yang diberikan pelbagai, berbagai-bagai kemahiran. Besarnya kepada kemahiran dari sudut aspek ekonomi iaitu untuk sama ada skil masakan, jahitan, skil perniagaan *online* dan sebagainya, tetapi

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Nak mencelah

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Tetapi yang lebih penting di situ adalah untuk melengkapkan diri wanita untuk berkemahiran dalam konteks mengetahui

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Batu Tiga, Damansara Utama minta mencelah.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Silakan.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Saya nampak PWB ini memang untuk masak, jahit dan *baking* dengan izin. Ini memang tak ada masalah kita, saya memang setuju ada sekumpulan, segolongan wanita yang memang boleh menjana lebih pendapatan

daripada dari masak, jahit dan *baking*. Tetapi ada satu banyak wanita yang tak ada kemahiran tersebut, kita tidak boleh *stereotype on* dengan izin yang wanita itu *row* wanita ialah untuk masak, jahit dan *baking* sahaja. Memang wanita ada banyak ada kemahiran lagi, apakah rancangan kerajaan untuk menambahkan lebih banyak skil selagi yang kita boleh *leverage on* dengan izin untuk menjanakan kemahiran. Ada banyak lagi yang sedang kerja, apakah langkah-langkah adakah apa rancangan untuk mendirikan *child care, workplace child care* yang itu memang lebih praktikal *in terms helping the working mums* dengan izin, *thank you*.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih. Damansara ini dia tambah soalan banyak sangatkan, tetapi saya ingin saya cakaplah selain daripada program yang agak *stereotype* kepada wanita iaitu memasak, menjahit dan sebagainya, sebenarnya kerajaan Selangor juga melalui PWB kita telah pun memberikan kemahiran ICT kepada wanita ye. ICT ini untuk mereka bukan sahaja berniaga sekadar benda-benda macam tu sahaja, mereka boleh menggunakan teknologi ini untuk memastikan bahawa mereka boleh mencapai, capaian ye

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAKARAN:** Mohon mencelah

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Capaian kepada lebih untuk

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Batu Tiga, Bukit Gasing minta mencelah.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Sekejap, saya habiskan yang ini dahulu ya.

**TUAN SPEAKER:** Ok

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Untuk memastikan bahawa pendidikan itu berterusan. Sebab itu kita tidak, dalam konteks PWB kita tidak memberi fokus hanya kepada itu, kita hanya fokus wanita dalam konteks kesihatan juga, wanita dalam konteks keselamatan dan undang-undang. Kita berikan ilmu-ilmu itu juga, wanita di sudut memahami pendidikan dan juga agama, di konteks, di sudut budaya itu juga kita laksanakan juga. Begitu juga sehingga mereka diberikan, dibekalkan kemahiran supaya mereka ini faham tentang demokrasi dan bagaimana dalam membuat keputusan di dalam diri mereka dan selepas itu boleh diguna pakai dalam keluarga. Jadi PWB ini sebenarnya telah cuba untuk memecahkan program-program biasa yang sentiasa dibuat tetapi tidak dinafikan bahawa kebanyakannya masih lagi menjurus sebab itu minat yang kita lihat kebanyakan yang hadir itu adalah wanita suri rumah dan kita tidak nafikan wanita yang luar daripada lingkungan suri rumah contohnya bekerja Isnin sampai Jumaat tetapi masih lagi hadir ke program kita pada Sabtu, Ahad termasuk program untuk berkemahiran di sudut kewangan itu kita bagi, bekalkan kepada wanita. Silakan Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAKARAN:** Terima kasih kerana memberi peluang. Mungkin saya boleh cadangkan sedikit daripada wang RM30 juta yang diperuntukkan untuk PWB ini boleh digunakan untuk bagi biasiswa untuk meninggikan pendidikan,

tahap pendidikan kepada mereka yang minat sebagai alternatif kepada memasak, menjahit dan sebagainya. Kita kena fokus jugalah kepada pendidikan tinggi terhadap kepada membentuk *manager-manager* dengan izin lebih eksekutif, pengurusan tertinggi syarikat. Jangan hanya kita fokus kepada golongan yang memasak, menjahit sahajalah. Saya, saya tak mencadangkan kita berhenti semua tu, tetapi buat dua-dua sekali.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Ok terima kasih, Bukit Gasing prihatin tentang isu wanita, tetapi saya nyatakan apa yang disebut oleh Bukit Gasing itu ada di dalam bajet-bajet yang ditentukan di bawah pendidikan pengajian tinggi, biasiswa-biasiswa yang dikeluarkan oleh kerajaan Selangor tetapi yang lebih nampak perlu ditangani dan disantuni adalah wanita-wanita yang duduk di luar bandar dan wanita-wanita yang tidak berada di dalam sektor *formal, formal* ataupun rasmi. Sebab itu program Pusat Wanita Budaya ini, program itu diletakkan di tempat mereka ye, di taman-taman ataupun di kawasan DUN itu sendiri yang mana ianya menghubungkan jalinkan, *network*, memberikan jaringan supaya mereka bekerjasama dengan pihak masjid, bekerjasama dengan pihak kuil, bekerjasama dengan pihak taman-taman untuk memastikan program-program itu dapat dilaksanakan dengan baik. Ianya lebih tertumpu pada wanita yang mempunyai kemahiran boleh saya katakan di sini sederhana rendah, ianya bukan untuk memfokuskan kepada program-program sederhana tinggi sebab daripada sinilah sebenarnya MES ataupun jumlahnya begitu banyak yang perlu kita tingkatkan kemahiran diri mereka dan kita tidak menafikan jika mereka ini layak pergi ke peringkat lebih tinggi, kita sekarang pun bekerjasama dengan INPENS untuk menghantar ke kursus-kursus yang diperlukan. Kita akan hantarkan dengan biasiswa yang telah pun diwujudkan.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Celahan

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih Puan Speaker. Yang Berhormat EXCO saya ingin bertanya sikit. Sudah tentu apabila EXCO merangka program untuk memperdaya, member dayakan wanita ini (Dewan ketawa) member daya bukan memperdaya wanita ini sudah tentu EXCO telah pun menyediakan bentuk sebagai *blueprint*. Banyak program-program yang dilaksanakan ini berkaitan dengan kesihatan tentang ilmu-ilmu masak-masak, menjahit semua itu adalah untuk kebajikan yang mengumpulkan wanita-wanita setempat. Saya tak nampak lagi setakat inilah YB EXCO ataupun di bawah Standco YB menyediakan satu *syllabus* yang khas kerana ianya perlu supaya dalam satu tempoh setahun itu kita mampu untuk melahirkan wanita yang benar-benar berdaya. Kemudian yang keduanya YB EXCO, saya melihat tentang pelantikan penyelarasa ataupun penyelia-penyelia PWB ini, mereka sebelum dilantik memohon ADUN-ADUN ataupun Yang Berhormat-Yang Berhormat kawasan-kawasan tertentu untuk memberi sokongan terhadap pelantikan yang dicadangkan. Kemudian apabila telah dilantik, kebanyakan daripada penyelia-penyelia ini apabila melaksanakan program tidak pun memberitahu ataupun berkolaborasi dengan pihak DUN sehingga kadang-kadang apabila pihak pengurusan DUN dan juga

PWB sendiri buat program dia seolah-olah ada program yang berulang. Jadi ini adalah merupakan suatu bentuk pembaziran yang nyata.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Tanjung Sepat. Berkaitan dengan *syllabus* apakah satu *syllabus* ataupun program atau pelan tindakan yang tersusun di bawah Pusat Budaya Wanita ini sebenarnya Alhamdulillah ianya telah pun sempurna dibuat pada awal bulan ini dan ianya akan diguna pakai oleh Pusat Wanita Budaya dan supaya ianya tidaklah hanya tertumpu tentang beberapa fokus sahaja tetapi insya-Allah 12 fokus yang kerajaan Selangor ingin capai itu dapat dilaksanakan melalui Pusat Wanita Budaya. Jadi insya-Allah yang ini juga saya akan kemukakan kepada pihak MMKN untuk diluluskan dan ianya boleh diguna pakai oleh Pusat Wanita Budaya pada bulan Dua Belas nanti insya-Allah.

Tentang penyelia-penyelia juga kita telah buat. Sebenarnya pelantikan penyelia ini kita ataupun kerajaan Selangor buat pada Julai 2012 yang lepas adalah untuk melihat sejauh mana signifikannya penyelia-penyelia ini diwujudkan. Atas dasar itu kita mengambil pandangan pimpinan-pimpinan wanita untuk memberikan nama-nama tersebut dan akhirnya wanita itu dilantik ye, dilantik. Tetapi saya tidak nafikan ianya perlu kita berikan satu SOP yang lebih jelas dan kriteria dalam pemilihan tersebut sebab itu telah adapun satu *review* yang komprehensif pada bulan Sembilan yang lepas dan insya-Allah selepas kita lihat *review* dan selainnya kita nampak ada sedikit, apa ni, perlu ditambahbaikkannya iaitu ADUN-ADUN juga perlu kita ambil kira pandangan beliau ADUN-ADUN sekalian supaya adanya ada kerjasama di antara Pusat Wanita Budaya dan juga Pusat Khidmat Rakyat itu supaya program ini dapat lebih *synergy* dalam konteks sebelah pelaksanaannya. Jadi, insya-Allah kalau tidak ada apa-apa aral melintang bulan Januari nanti selepas semua proses yang telah dinyatakan dan diambil kira pandangan daripada Yang Berhormat kita akan buat pelantikan pada bulan Januari akan datang. Jadi, untuk itu saya juga menggesa, sebenarnya soalan pula tambah panjang tadi, jadi itulah menunjukkan bahawa pusat ataupun program wanita ini begitu signifikan, jadi sebab itu saya mengambil pandangan daripada Morib agar apakah perlu diberikan elaun kepada penyelia ini. Insya-Allah saya akan kemukakan pandangan saya kepada MMKN dan mudah-mudahan ianya dapat diterima oleh MMKN supaya penyelia Pusat Wanita Budaya ini juga dapat elaun sebagaimana yang ditetapkan. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya minta sedikit

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Puan Speaker. Berkaitan dengan member dayakan wanita ini saya memang menyambutlah dengan baik tetapi saya nak bagi satu cadangan boleh tak kita tukar ayat ini memperkasakan wanita dan sebagainya sebab ayat ini susah nak sebut. Nanti kita akan disalah tafsir, cuba nak apa perdayakan wanita, nanti susah, Sekinchan pun takut juga, minta pandangan daripada Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Sebab susah tu kita kena membudayakan. Jadi member dayakan itu adalah satu istilah yang lebih internasional daripada perkasa. Perkasa tu nanti jadi perkasa lain pula ye, tak de. Maknanya dari sudut Dewan Bahasa memang dah mengiktiraf member dayakan itu adalah satu istilah yang lebih baik sebab itu sekarang ini Chempaka juga menggunakan istilah member dayakan JMB-JMB. Jadi saya harap semua Yang Berhormat guna pakailah perkataan ini, tetapi pakailah dengan betul, jangan perdayakan tetapi berdayakan ya, member dayakan wanita. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, Yang Berhormat Selat Klang. Saya bagi 15 minit.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat dan semua yang hadir. Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh tentang pendidikan tinggi dan modal-modal insan. Saya mengambil maklum semua *input-input* yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih juga kepada Kampung Tunku yang telah mengingatkan tentang manifesto PRU 13 di mana antaranya ada menyebutkan tentang biasiswa Menteri Besar dan juga bantuan kepada sekolah-sekolah tambahan daripada apa disediakan selama 5 tahun yang lepas. Dengkil, walaupun Dengkil tak ada pada hari ini dia telah meminta penjelasan tentang SPIES daripada Sekinchan. Tak tahu Sekinchan jadi mentor pulak ya. Jadi saya mungkin memberikan sedikit tumpuan di sini tentang perkara yang sangat-sangat penting. Ini adalah asas di dalam apa yang kita mahu bahawa di dalam pendidikan-pendidikan tinggi dan pembangunan modal insan ada yang disebut, Kampung Tunku juga ada menyebutkan, perlu menilai semula tentang program SPIES juga mungkin ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh tentang SPIES ini. Jadi saya nak ingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya yakin dan percaya semua Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pakatan Rakyat semua faham dan telah mengambil maklum bahawa hala tuju Negeri Selangor yang telah diletakkan Pakatan Rakyat semenjak 2008 adalah untuk menjadikan Selangor Negeri Idaman, Maju Sejahtera, Negeri Berkeadilan. Kita meletakkan tarikh 2025 dan sudah tentu lah untuk mencapainya itu kita harus membuat pelan strategik untuk mencapai. Kita tidak mahu apa yang dilakukan oleh orang pihak sanalah, Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini letak hala tuju menghabiskan masa untuk *brainstorming*, *re-treat* dan sebagainya tetapi tidak meletakkan *road map* dengan izin yang memungkinkan kita mencapai hala tuju itu, matlamat itu. Dengan izin apakah *critical path way to success* untuk mencapai Negeri Idaman, Maju, Sejahtera, dan Berkeadilan. Saya berkongsi dengan Ahli-ahli Yang Berhormat, ada 4 *quadrant* perkara-perkara yang nak kita lakukan.

- (i) *Urgent* dan *important* dengan izin
- (ii) *Important but not urgent*; ini adalah tentang pembangunan
- (iii) Tak penting, tidak segera

- (iv) *Urgent* tapi tidak penting; macam buang air besar, mesti nak buang kalau tak nanti bertabur la pulak kan. Tetapi ia tidak penting tapi *urgent*.

Jadi apa yang mesti dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk mencapai hala tuju itu kerana ini adalah merupakan perjuangan Pakatan Rakyat di mana kita mahu jadikan Selangor ni Selangor Negeri Darul Ehsan ini, Selangor negeri cemerlang ini supaya ia benar-benar cemerlang. Baru lah ia boleh menjadi satu negeri yang dirasai idaman, maju, sejahtera dan berkeadilan. Persoalannya bagaimana? Selama ini apa yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor kita cuba menyelesaikan masalah, pelbagai masalah. Banyak masa yang dihabiskan oleh EXCO bersama Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan menyelesaikan masalah tentang perkara yang *simple*. Contoh; sampah, contoh; kebersihan, contoh vandalisme. Perkara itu bukan baru tapi ia masih juga tidak boleh kita selesaikan. Kenapa? Kerana kita tidak dilatih, kita tidak dididik dengan cara yang lengkap dengan berkesan sehingga kita menjadi insan yang benar-benar boleh menjadi insan yang berkesan mewujudkan satu negeri yang insya-Allah, *this is the process or the making of* Selangor Darul Ehsan, Negeri Idaman, Maju, Sejahtera dan Berkeadilan 2025, insya-Allah. Jadi saya nak sebutkan bila saya mendengarkan pelbagai *input* daripada Ahli Yang Berhormat mungkin silap kami juga tidak boleh, belum memahami apa sebenarnya itu program *SPIES*. *SPIES* ini bukannya kursus sahaja. Program *SPIES* ini sebahagian...

**TUAN SPEAKER:** Ya, Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Mencelah, minta penjelasan sedikit.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Ya, sila-sila, mentor *SPIES* ni ya.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Yang Berhormat EXCO, tadi saya ada mendengar memang panjang lebar. Ini kuliah *SPIES* ke? Kalau betul saya nak dengar betul-betul ni.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Saya nak ni kan betul-betul supaya mudah-mudahan nanti dalam *hansard* ni nanti buatlah rujukan tidak ada kekeliruan lagi tentang program *SPIES* ini seolah-olah ia suatu kursus sahaja. Ia pergi kursus lepas tu habis. Bukan, saya nak memberikan satu analogi. Ha, ini mungkin, sebab Dengkil tak ada di sini, dia nak belajar dengan Sekinchan, jadi Sekinchan kena beri perhatian sendiri ya. Saya nak bagikan satu analogi, satu contoh, falsafahnya begini, kalau boleh tengok *You-tube* sekali, Sekinchan boleh tengok nanti ya, sekarang pun boleh. Falsafahnya ialah seorang petani Cina menanam benih Chinese Bamboo. Dia menanam setahun, tiap-tiap hari dia menyiram, tak ada apa yang berlaku, jiran-jiran lihat, 'eh apa orang gila ni'. Dia siram, siram lagi, jaga baja dan sebagainya....Alhamdulillah Dengkil dah masuk dah, bagus, bagus. Dua tahun dia siram lagi jaga, siram tempat yang sama tak ada apa-apa berlaku. Jiran kata 'gila orang ni'. 3 tahun dia siram, 4 tahun tak ada apa-apa, 5 tahun tak ada apa-apa. Tahun ke 6, tiba-tiba bila dia menyiram, dia menjerit. Keluarga dia berkerumun. Kenapa lah bapa dia ni menjerit. Kemudian seluruh kampung, ini petani Cina ni dia, sebab dia ni *Chinese*



*Bamboo*, bukannya *Malaysian Bamboo*, bila menjerit tiba-tiba nampak muncul rebung. Dalam dua bulan enam puluh hari *Chinese Bamboo* ni yang tadi rebung tak ada apa-apa ni tiba-tiba sampai 60 kaki tingginya, kemudian sampai 80 kaki, kemudian sampai 90 kaki dan *Chinese Bamboo* ini Yang Berhormat sila rujuk *google* kan apa digunakan, orang apa gunakan *Chinese Bamboo* termasuk *first world country* bahkan boleh buat jambatan. Jambatan ke 4 Kelang ke? Rumah dan sebagainya. Jadi 60 kaki agak tinggi Ahli-Ahli Yang terhormat ya. Ingat dalam 2 bulan dia boleh *shoot up*. Inilah yang kita mahu lakukan di Selangor. Pendidikannya...

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Selat Kelang, Bukit Gasing ingin mencelah.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Oh, ya, sila, sila.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih kerana memberi laluan. Agaknya berapa tahun dalam kajian Yang Berhormat dijangka program *SPIES* ini akan melihat hasil seperti *Chinese Bamboo* yang disebutkan tadi.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Insya-Allah, kita sudah apa masuk 5 tahun. Masuk 5 tahun ini ya, insya-Allah di mana kita mulakan 24hb. Ogos 2008 di mana kita sebenarnya ini adalah proses untuk mendidikkan bakal rakyat Selangor ini sebab kita kena fikir 2025 sekarang 2013.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Minta mencelah, Damansara Utama.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Ok.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** YB EXCO yang ni saya memang analogi itu saya memang menarik tapi sebagai Kerajaan kalau 5 tahun kita melaburkan wang rakyat untuk projek yang tidak boleh diukur ataupun di bawah tanah, ini memang tidak, kita tidak boleh jawab kepada rakyat yang you tunggu, tunggu sampai satu hari di akan keluar. So saya, kalau saya petani yang tanam buluh tu, saya akan gunakan satu pengukur supaya saya tahu apa yang berlaku di bawah tanah ini supaya apa-apa sumber yang saya akan melaburkan menanamkan buluh itu akan mendapatkan buahnya. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Baik terima kasih Damansara Utama. Yang disebutkan oleh Damansara Utama adalah perkara yang saya sangat-sangat tunggu untuk cetuskan iaitu satu institut yang apa atau satu bahagian untuk mengauditkan program kita ini, menambahbaikkannya bahkan pengukurannya. Sekarang ni, *SPIES* ada *SPIES Scorecard* kita buat *SPIES D'Village* dah banyak-banyak saya tak sempat nak jawab lagi. Tunggu dulu Kampung Tunku, Bukit Gasing, saya tak sempat nak jawab dulu. Tunggu dulu nanti semua bertanya tak ada yang mendengar. Jadi tidak menjawab pada apa ya. Untuk mengukur kita mulakan program ini, saya yakin dan percaya semua Ahli-ahli Yang Berhormat mahu rakyat di Negeri Selangor ini insya-Allah akan menjadi rakyat yang terbaik, rakyat yang ihsan. Sebut rakyat Selangor ini lah kualitinya. Maknanya itu lah dia program *SPIES* ini adalah satu

model di mana *spiritual capital* secara *collective* rakyat Selangor, sebut rakyat Selangor hati bersih, bukan Bersih tu je, hatinya bersih, hatinya baik, sentiasa mengambil kira masalah orang lain, *think others*. Ini yang dimaksudkan pembangunan spiritual. P *physical* juga kita mahu kita ini kata nak jadi mahu di antara hala tuju, bagaimana kalau sakit. Kalau ada dialisis kita minta kepada Jabatan Kebajikan kerana kita ini selalu sakit. So di dalam program *SPIES* ini kita nak mendidik orang Selangor, rakyat Selangor mesti buat satu perancangan dalam hidupnya memastikan dirinya hari ini lebih baik daripada semalam, besok mesti lebih baik daripada hari ini. Dalam perspektif apa? Dalam aspek apa spiritualnya, fizikalnya, intelegnya, emosinya dan sosial. Yes, saya apa kepada Damansara Utama tentang pengukuran. Jadi sebab itulah kita sekarang ini kita wujudkan *SPIES Scorecard*.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Selat Kelang, saya ada dua ADUN yang nak tanya, Kampung Tunku dan Dengkil tapi masa 3 minit lagi.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Ha, ya, ya, saya nak dengar daripada sini, kalau tidak terjawab apa yang telah ditanya maka dia masih lagi tergantung. Jadi kita ada bagaimana nak mengukurnya dalam *SPIES Scorecard*. Saya faham Damansara Utama tadi macam mana nak ukur. Memang sebelum ini susah kita nak ukur *spiritual capital of* setiap insan di Negeri Selangor. Jadi kita nak mengira bagaimana kita nak mengukurnya. Jadi dalam minggu lepas, minggu depan insya-Allah kita akan memberikan *scorecard* itu.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Nak minta mencelah sikit la, sikit. Mencelah sikit boleh ya.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Sekejap aja.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ya, sekejap aja. Terima kasih Puan Speaker. Yang Berhormat Selat Kelang. Saya dah dengar panjang lebar soal ni, kuliah *SPIES* ni satu anjakan paradigma untuk *review* balik program *SPIES* ni. Kerana ketua *SPIES* yang menerangkan kepada ADUN-ADUN pun saya pening. Jadi ini kandungan *SPIES* ini kena diperhebatkan lagi bukan cara macam ni saya rasa tak begitu mendatangkan kesan. Tak tahu lah Dengkil ada kesan atau tak ada kesan. Saya belum dapat kesan lagi.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Mohon mencelah Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Dengkil, dia yang bangkitkan isu SPICE kan.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Sebahagian daripadanya.

**TUAN SPEAKER:** Dengkil, tanya soalan.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Saya ingat saya sorang je yang tak tahu berkenaan dengan SPICE ni, Sekinchan pun kelam kabut, *confused* dengan izin. *SPIES Girls* ke dia punya *acronym* dia *Spicy Woman* ke. Tapi saya cadangkan la dia punya *acronym* dia punya *SPIES* itu sendiri susah. Kalau kita ni nak merakytakan bahasa, kita tukar saya cadangkan tukar nama tu, nama *SPIES* tu. Jadi mungkin ini boleh menyenangkan keadaan dan satu lagi cadangan saya ni boleh nanti semua Wakil-wakil Rakyat termasuk ADUN-ADUN Pakatan Rakyat, ADUN Barisan Nasional Pembangkang ni boleh juga diberi *hands on* kursus dua tiga hari keluar negeri untuk apa nama kursus *SPIES*. Saya cadangkan begitu Yang terhormat EXCO. Terima kasih, kursus *SPIES* di luar negara.

**YB. PUAN HJH DR. HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih kepada Dengkil. Ok sebab Speaker tak bagi saya apa dia..

**YB. TUAN LAU WENG SAN:** Ok boleh minta penjelasan. Sekinchan dah bagi Dengkil saya tak dibagi..

**TUAN SPEAKER:** Saya bagi masa tanya soalan, tapi semua soalan memeningkan kepala. Dewan riuh...

**YB. TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker, soalan saya..

**TUAN SPEAKER:** Ini soalan betul.

**YB. TUAN LAU WENG SAN:** Saya betul. Saya betul..

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**YB. TUAN LAU WENG SAN:** Jadi, Tuan Speaker, terima kasih. Yang Berhormat Selat Kelang saya sebenarnya faham tentang *SPIES*, cuma saya kata program ini Yang Berhormat Selat Kelang, berjiwa besar, bercita-cita besar, kita hanya ada peruntukan 1.8 bilion sahaja, ini adalah kemampuan setakat kemampuan sebuah negeri, kalau letak program *SPIES* di bawah kerajaan persekutuan saya rasa impaknya lebih besar, kerana sekarang ini kita hanya ada 1.8 yang *SPIES* ini tahun ini kita akan memperuntukkan 5 juta ringgit, Yang Berhormat Selat Kelang.

Cadangan saya dalam ucapan ialah daripada kita melakukan sesuatu yang abstrak yang kita pun sendiri tak tahu macam mana nak mengukur kepercayaannya, daripada kita mewartakan, membesar-besarkan program ini baik kita gunakan wang ini untuk program-program yang lain dan saya cadangkan program Tuisyen Rakyat di mana dengan peruntukkan tambahan kita boleh memperbanyakkan mata pelajaran dan mungkin dengan tuisyen rakyat yang lebih banyak mata pelajaran lebih peluang lebih masa dan sebagainya kita boleh masukkan unsur-unsur *SPIES* yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi, ini cadangan saya bukannya saya menidak-nidakkan kegunaan *SPIES* ini, tapi ia nya memang satu program yang mempunyai satu cita-cita yang besar

yang saya rasa kalau setakat kerajaan negeri sahaja kita tidak mampu nak mencapai matlamatnya.

**YB. PUAN HAJAH DR. HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih kepada Kampung Tunku, ha, insya-Allah kalau kita berada di Putrajaya bolehlah ya. Jadi saya mengambil maklum apa yang disebutkan oleh Dengkil. Dengkil kursus di luar negara tetapi yang itu kena tanya EXCO luluskan ke tidak, luar negara itu sebab dasar kita, kita tidak pergi di luar negara, tetapi kursus itu tadi untuk semua bila saya melihatkan banyak persoalan, seolah-olahnya memang tak faham, di antara Ahli Yang Berhormat, saya nak serukan semua Ahi Yang Berhormat baik Barisan Nasional, mahupun Pakatan Rakyat silalah datang bila dijemput untuk penerangan secara terperinci program *SPIES* ini, dan saya mengalu-alukan kalau Ahli-ahli Yang Berhormat kata, yang ini tak berapa kena, mungkin kita yang ini mungkin tak boleh, yang disebutkan oleh Kampung Tunku adalah sangat cantik untuk makluman Kampung Tunku ini fasa kedua ini adalah program penerapan. *SPIES* ini bukannya apa, ini saya melihat kursus-kursus-kursus mungkin Sekinchan pun ingat pun macam tu, apa Dengkil pun ingat macam tu,

Sekarang ini macam mana seorang penjawat awam bila dia membangunkan spiritualnya rasuah tidak akan berlaku, unit integriti pun tak perlu, bahkan CCTV dia dah ada sendiri, inilah akhirnya kita nak capai status begitu, tetapi *of-course* dia mengambil masa yang lama, sedangkan sekolah rendah pun enam (6) tahun nak belajar a, b, c, sekolah menengah pun lima (5) tahun masih juga boleh mencuri duit rakyat, kemudiannya, sudah tentulah program ini nak jadi orang baik, nak jadi orang berguna, orang yang boleh membantu orang lain, boleh membangunkan negerinya ini, sudah tentulah memerlukan masa, jadi insya-Allah yang disebutkan oleh Kampung Tunku ini memang kita akan lakukan secara *in-house* bukan sahaja di luar dan *hands-on* (dengan izin) *hands-on*, ini sebenarnya model pembangunan insan, dia bukannya *SPIES* itu jangan *confuse* bukannya kursus ialah model *check-list* apa saya selaku Yang Berhormat Selat Kelang kena buat untuk bangun spiritual, ya fizikal saya, intelek saya, emosi saya, sosial saya dan dalam syarikat ke, dalam jabatan ke, selaku ahli Dewan ke atau selaku rakyat, ini yang sebenarnya program *SPIES* ini, nak memahamkan rakyat Selangor ini supaya kita boleh melahirkan rakyat yang terbaik. Apa lagi Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan, Ya, Yang Berhormat tadi ada menyebut tentang penjawat awam dan sebagainya, saya ingat selama lima (5) tahun ini kalau ada peningkatan dari segi kualiti kerja penjawat awam saya rasa mereka belajar semua ini daripada kerajaan Pakatan Rakyat, khususnya penjawat-penjawat awam yang bertungkus-lumus menyediakan semua program kerajaan negeri. Saya rasa kalau kita tanya apa yang berlaku kepada apakah sebab peningkatan kualiti kerja ini barangkali bukan *SPIES* mungkin sebagai contoh mereka tengok Tan Sri bekerja, mereka belajar daripada Tan Sri, berbagai-bagai cara-cara, berbagai-bagai contoh yang telah digunakan, berbagai-bagai peristiwa yang berlaku selama lima (5) tahun ini, saya rasa kalau *SPIES*, *SPIES* original Yang Berhormat Pelabuhan Klang, saya rasa ini lebih praktikal, lebih rial, lebih cantik, lebih mudah untuk difahami. Dan saya tak pasti, apa ni, macam mana kita nak ukur kerana saya tak faham macam mana kita nak ukur

kalau kita tahu pun saya rasa ianya bukannya lebih baik kalau kita pakai contoh yang ada di dalam Kerajaan Negeri Selangor sekarang.

**Y.B. PUAN HAJAH DR. HALIMAH BINTI ALI:** Ok. Kampung Tunku tahu apa dia 5S, 5S.

**TUAN SPEAKER:** 5 minit lagi saya tak ada masa untuk Seri Serdang nak mencelah Kampung Tunku.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Bukan sedikit penjelasan berkenaan dengan *SPIES* dan tuisyen rakyat penambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ok, ok cepat.,

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Saya nak rujuk kepada soalan daripada Damansara Utama tadi la, mempersoalkan kata, ukur bagaimana kita nak mengukur kejayaan *SPIES*, saya nak maksudkan di sini sebab tuisyen rakyat juga ada *SPIES* di sana, ini berdasarkan pengalaman di mana Tuisyen Rakyat itu adalah aset bagi kita, empat (4) tahun pendidikan,

**TUAN SPEAKER:** Soalan, soalnya.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Soalnya, bukan soalan hanya nak menyatakan bahawa inilah, inilah..

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Seri Serdang, ini Sudah ini adalah masa EXCO menggulung,

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Sebab EXCO menggulung, saya nak tambahkan mungkin apa Yang Berhormat semua mungkin tak tahu di mana kayu ukur yang kita kejayaan di mana *SPIES* itu, sebab memandangkan pembantu EXCO pendidikan, / melalui pengalaman so, nak ceritakan sikit-sikit lah, ambil tiga (3) minit sahaja

**TUAN SPEAKER:** Tak boleh Yang Berhormat Seri Serdang, ini masa EXCO menggulung.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Ok. Ok. Terima kasih. Baik-baik.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Selat Kelang, boleh gulung. Tiga (3) minit,

**Y.B. PUAN HAJAH DR. HALIMAH BINTI ALI:** Ok. Seperti yang saya sebutkan tadi, 5S adalah produk daripada Jepun, berapa kah? kos yang digunakan oleh jepun sehingga orang Selangor, SUK Selangor menggunakan 5S ini, begitu juga dengan *SPIES* ini *SPIES* ini bukannya satu program tetapi bila dia kena latih, dia kena letak poster 5S, apa ke erti 5S itu dia di itu yang saya sebutkan tadi *hands-on, yes*, saya

bersetuju di mana yang dilakukan oleh kerajaan Pakatan Rakyat Selangor selama ini menjadi rujukan kepada pegawai-pegawai kerajaan, penjawat awam untuk menjadikan mereka lebih produktif.

Tetapi ini adalah satu model ini, *SPIES* ini minta maaf kepada Dengkil ya, ini bukannya dia *icon* ini bukan semata-mata nak sedap bunyi, bukan macam JERI oleh Kementerian Pelajaran, sebab dia adalah logo yang *tri-diamondtional* (dengan izin). dia ada *kratfpes spritual*, fizikal dulu, intelek dulu, dia ada logo, dia adalah piramid, dia bukannya JERI dia tidak sama nilai, jadi kita punya yang dilaburkan oleh kerajaan Negeri Selangor ini bukan yang kita nak lihat hari ini, sebenarnya dah ada yang disebutkan oleh Seri Serdang tadi, dah nampak juga dah Alhamdulillah juga, dia ada peningkatan daripada kesedaran.

Memang kalau EXCO, Menteri Besar buat baik, telus, cekap dan sebagainya sehingga nak gunakan duit pun susah, ada juga orang tak faham, ada juga orang marah-marah dengan Menteri Besar, ada juga orang marah dengan EXCO, tetapi bila dia memahami bahawa diri dia ini secara inteletnya, emosinya dikawal, intelek rasional logikal kenapa kah kerajaan Selangor begitu ketat mengapa? Menteri Besar perlu menggunakan prinsip berhemah ini, maka Insya-Allah benda ini akan lebih *sustainable* (dengan izin) lebih lestari, dan Insya-Allah boleh menjamin pembangunan lestari di Negeri Selangor.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN:** Puan Speaker,

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Morib, Selat Kelang hanya ada 1 minit sahaja lagi.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN:** Boleh bagi laluan. Setengah minit.

**Y.B. PUAN HJH DR. HALIMAH BINTI ALI:** Ok. Ok. Ok

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN:** Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Soalan ya, soalan.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN:** Selat Kelang saya ingin bertanya adakah? Program SPICE ini mempunyai kesan yang baik, seumpama yang telah dibuat oleh Biro Tata Negara ataupun Pusat Latihan Khidmat Negara yang telah dilakukan oleh kerajaan Pusat.

**Y.B. PUAN HAJAH DR. HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih kepada Tanjong Sepat. Sebenarnya kalau BTN ialah program mengindoor didiskriminasikan penjawat-penjawat awam dan pelajar, *SPIES* adalah *empirement* mengatakan kepada setiap rakyat ini sebenarnya bukan peserta-peserta hanya *enables* peserta hanyalah duta, untuk memahamkan kalau seorang daripada keluarga kita itu mengikuti memahami program *SPIES* ini, ataupun apa konsep *SPIES* ini dia boleh memahamkan kepada ahli

keluarga, rakan-rakannya sebab itu kita melihatkan ini adalah bagaimana dia menjadi orang yang lebih baik, jadi *SPIES* ini dengan *BTN* ini jauh beza, satu kata saya betul, engkau orang semua tak betul, *SPIES* kata *we what you to be the best of you by* membangunkan *your* spiritual, fizikal intelek, emosi sosial sehingga you mati, barulah ada menjadi *every single one* ada peluang untuk menjadi *the best of you*, dan apabila penjawat awam merasakan mereka ini ada peluang mereka ada satu perspektif yang begitu baik yang begitu juga dengan belia, begitu juga dengan wanita, begitu juga dengan sesiapa sahaja di Negeri Selangor ini semuanya ada peluang untuk menjadi yang terbaik termasuk Ahli Yang Berhormat dengan mereka menumpukan lima (5) elemen asas itu tadi. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah Yang Berhormat Sungai Pinang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Terima Kasih Puan Speaker, Puan Speaker, saya ingin ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Burong, Batang Kali, Kampung Tunku, Bukit Gasing, Sungai Panjang, Seri Andalas, Semenyih, Kuala Kubu Bharu dan Kota Damansara yang telah pun menyentuh isu-isu di bawah pihak berkuasa tempatan.

Tuan Speaker, seksyen 8 Akta Kerajaan Tempatan memperuntukkan bahawa hal ehwal di tiap-tiap kawasan pihak berkuasa tempatan hendaklah ditadbirkan oleh suatu pihak berkuasa tempatan yang ditubuhkan oleh dan mengikut akta ini. Dan Pihak berkuasa negeri boleh dari semasa ke semasa memberi kepada pihak berkuasa tempatan arahan am mengenai dasar yang hendak diikuti untuk menjalankan kuasa yang diberikan kepada pihak berkuasa tempatan. Oleh yang demikian, saya berdasarkan kepada ini saya juga telah menggariskan dasar kerja saya iaitu saya tidak akan mencampur tangan dalam keputusan majlis penguatkuasaan dan urusan pentadbiran harian, melainkan dalam perkara-perkara yang menyentuh dasar kerajaan negeri, undang-undang dan peraturan-peraturan.

Keduanya perkara yang mencetuskan kontroversi yang serius dan c) perkara yang berlarutan dan d) perkara yang jelas amat tidak adil, oleh yang demikian saya hanya akan menjawab soalan-soalan yang berkenaan dengan dasar dan isu-isu yang *isoleted* tidak akan saya jawab kerana ia sepatutnya dibangkitkan di pihak di peringkat majlis.

Berkenaan dengan rumah urut dan juga Siber Cafe yang dibangkitkan oleh Sungai Burong, Tuan Speaker, saya ingin mengulangi bahawa sebenarnya dasar kerajaan sama seperti dulu tidak ada lesen baru di isu kan dikeluarkan oleh pihak PBT kepada rumah urut dan Siber Cafe kita telah mensyaratkan bahawa mereka pemohon-pemohon hendaklah menggunakan *soft-ware* yang dibenarkan oleh kerajaan negeri, dan seperti yang saya maklumkan kepada dewan ini pada hari semalam iaitu kerajaan negeri sedang dalam satu proses untuk merangka enakmen yang memberi kuasa yang lebih besar pada penguat kuasa pada menjalankan tugas mereka dan memastikan bahawa Siber Cafe yang tidak berlesen itu dapat diambil tindakan yang lebih serius dengan kuasa besar dan juga dengan hukuman yang lebih berat.

Di samping itu juga rang undang-undang yang baru juga akan di rangka untuk mengatasi masalah rumah urut di mana masalah sama juga kekangan, iaitu kekangan kuasa yang ada pada PBT berkuasa yang diberikan kepada PBT pada kali ini adalah agak terhad, jadi itu yang saya janjikan kita akan mempertimbangkan Rang Undang-Undang yang lebih berat di mana kemungkinan juga memikirkan merampas harta sekiranya undang-undang itu mengizinkan.

Dan Keduanya Tuan Speaker, cadangan mewujudkan tapak khas untuk mengambil dan menyimpan sampah-sampah kilang, ini adalah satu *option* yang boleh dikaji oleh PBT termasuk juga Majlis Daerah Hulu Selangor dia tertakluk kepada kesesuaian mengikut zon-zon tertentu seperti yang digariskan di dalam rancangan tempatan Hulu Selangor dan juga mengambil kira kepentingan orang awam. Begitu juga dengan cadangan untuk menjadikan bandar kitar semula perkara ini perlu diperhalusi dengan mengambil kira faktor-faktor seperti kesan-kesan terhadap peningkatan ekonomi, kelestarian alam sekitar, serta kepentingan isu masyarakat sosial setempat.

Tentang isu rumah terbiar. Ia adalah diklasifikasikan di bawah kategori kacau ganggu. Ini kerana rumah terbiar memberi suasana kurang selesa kepada penghuni berhampiran yang menyumbang kepada pembiakan nyamuk, tikus dan haiwan berbisa. Bagi menyelesaikan aduan-aduan diterima, Pihak Berkuasa Tempatan memberi kuasa jawatankuasa kecil untuk menyelesaikan isu tersebut seperti di MBPJ. Bancian akan dibuat ke atas rumah-rumah terbiar tersebut. Pemilik rumah akan diberikan notis dan diberi tempoh 2 minggu untuk mengambil tindakan sewajarnya. Sekiranya tiada tindakan oleh pemilik rumah, Pihak Berkuasa Tempatan boleh menjalankan pemotongan rumput di kawasan tersebut. Bagi rumah terbiar yang didapati struktur binaannya tidak selamat dan mengundang bahaya kepada penghuni di sekitarnya, pihak PBT akan membuat penelitian ke atas binaan bangunan sekiranya ianya disah tidak selamat, maka tindakan perobohan boleh dilaksanakan.

Merujuk kepada isu insentif *green building*. Setakat ni MBPJ telah menawarkan skim rebat cukai taksiran kepada pemilik rumah Petaling Jaya semenjak tahun 2011. Inisiatif ini sebagai satu perakuan dan penghargaan kepada usaha penduduk serta menggalakkan pemilik rumah Petaling Jaya untuk mengamalkan kehidupan yang berkarbon rendah, mampan dan hijau. Rebate cukai taksiran ditawarkan kepada pemilik rumah yang telah mengambil inisiatif menjadikan bangunan kediaman mereka mesra alam hijau dari segi aspek tenaga, air, kepelbagaian biologi, pengurusan sisa buangan, pengangkutan dan inisiatif lain. Skim Rebate Cukai Taksiran yang ditawarkan adalah di antara 10% hingga 100% ataupun maksimumnya RM500. MBPJ telah memperuntukkan sebanyak RM100,000 Skim Rebate Cukai Taksiran pada tahun ini. Antara inisiatif lain adalah memberi pengiktirafan kepada individu yang telah memberi sumbangan besar ke atas pembangunan mampan mesra alam hijau di Petaling Jaya. Menerusi anjuran anugerah tokoh hijau Petaling Jaya, skim pemasangan lampu LED di lorong belakang rumah, kempen e-cukai taksiran, e-mesyuarat, penawaran meletak kereta percuma kepada pembeli kereta *hybrid*, pertimbangan teknikal ke atas pemasangan lampu LED, mengenakan syarat-syarat kebenaran merancang yang



mesra alam seperti *green building*, SPAH dan lain-lain. Merujuk kepada permohonan perkhidmatan *online*

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Mohon mencelah.

**TUAN SPEAKER:** Y.B. Sungai Pinang, Bukit Gasing minta mencelah.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih. Boleh saya balik kepada isu rumah terbiar. Walaupun ada rumah terbiar yang struktur dia mungkin masih selamat tetapi dia usang (pintu, tingkap sudah hilang, ada yang bumbung pun separuh sudah hilang, pagar sudah hilang). Kes ini adalah satu pemandangan yang tidak senang kepada jiran-jiran mereka. Apa yang kita boleh buat?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Seperti yang saya maklumkan tadi, notis perlu diberikan. Sekiranya tidak ada tindakan, maka tindakan daripada MBPJ boleh dilakukan. Kalau rumah sudah usang bererti dia tidak sesuai untuk kediaman dan mendatangkan kacau bilau, maka tindakan perobohan boleh dijalankan mengikut undang-undang.

Dan berkenaan dengan permohonan *online* dan perkhidmatan *online*, sesungguhnya semua PBT telah pun menjalankan usaha ini dan tertakluk kepada keupayaan mereka juga dan juga tertakluk kepada keperluan. Umpamanya apabila kita mensyaratkan ataupun mengarahkan supaya Pihak Berkuasa Tempatan menyiarkan secara langsung mesyuarat bulanan mereka, pihak kerajaan negeri tidak mengarahkan pihak majlis daerah untuk melakukan demikian kerana adalah tidak praktikal sekiranya di majlis daerah itu dilaksanakan program yang sama. Jadi, itu perlu dikaji mengikut *case by case basis* (dengan izin). Dan di peringkat MBPJ sebenarnya banyak permohonan telah pun dilakukan melalui *online* termasuk aduan *online*, aduan *email* dan sebagainya. Dan juga pungutan cukai juga telah dilakukan.

Puan Speaker, sejak kerajaan negeri Selangor memutuskan untuk mengambil alih operasi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Selangor, prestasi kontraktor bagi kerja-kerja pembersihan awam adalah sentiasa meningkat dari masa ke semasa berikutan pemantauan berjadual dan tindakan yang tegas diambil terhadap kontraktor yang gagal memenuhi syarat kontrak. PBT juga mengamalkan lantikan kontraktor melalui tender terbuka mengikut kriteria dan spesifikasi yang ditetapkan oleh setiap PBT agar kerja-kerja pembersihan awam yang dijalankan oleh kontraktor yang dilantik berprestasi tinggi. Untuk makluman, Majlis Daerah Hulu Selangor telah memberi perkhidmatan kerja pembersihan awam secara *in house* sejak dahulu lagi. Bagi memastikan prestasi kontraktor pembersihan awam mahupun perkhidmatan kutipan sampah di tahap terbaik, PBT juga menubuhkan Unit Tindakan Khas (*Unit Flying Squad*) bagi memastikan setiap aduan yang diterima daripada orang awam disusuli dengan tindakan segera sama ada oleh kontraktor yang dilantik atau pasukan *back up* PBT. Pihak PBT juga akan mengeluarkan *Notice to Correct* (NTC) terhadap

kontraktor yang gagal memberikan perkhidmatannya seperti yang disyaratkan dalam kontrak. Kontraktor yang menerima NTC perlulah memberi penjelasan kepada PBT. Sekiranya penjelasan yang diberikan tidak diterima, surat amaran akan dikeluarkan oleh PBT. Perlu juga ditekankan di sini bagi kontraktor-kontraktor yang baru dilantik, isu kelewatan menyelesaikan sesuatu perkhidmatan akan berlaku. Sehubungan itu, pihak PBT memberi peluang agar kontraktor-kontraktor baru ini memperbaiki prestasi kerja yang dijalankan dan tidak mengulangi lagi kesilapan. Hasil semakan di semua PBT Puan Speaker, bilangan kontraktor yang telah ditamatkan perkhidmatan akibat NTC adalah sebanyak 84.

Puan Speaker, berkenaan dengan isu pilihan raya kerajaan tempatan dan isu prestasi pentadbiran PBT. Adalah dimaklumkan bahawa proses pemilihan ahli majlis kerajaan tempatan dirancang untuk dilaksanakan setelah kajian mengenai kekangan perundangan selesai dijalankan. Pada masa ini, sebenarnya rang undang-undang tersebut telah pun siap disediakan iaitu Rang Undang-undang Enakmen Pemilihan Ahli Majlis Tempatan dan dijangka akan dibentangkan di dalam dewan ini pada tahun 2014. Satu PBT akan dipilih sebagai perintis bagi pelaksanaan pemilihan ini.

Mengenai isu prestasi pentadbiran PBT, kerajaan negeri melalui Pelan Tindakan 5 Tahun Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan telah merancang untuk melaksanakan sistem penilaian prestasi ke atas perkhidmatan PBT dengan melantik perunding bebas bagi mengadakan *survey* atau *pool* ke atas penduduk di atas PBT bagi mendapatkan maklum balas mengenai tahap penyampaian perkhidmatan sesebuah PBT. Kajian ini akan mula dilaksanakan pada tahun 2014 di mana ianya dijangka dapat membantu memperbaiki imej PBT dan seterusnya memberi kesan positif kepada kerajaan negeri.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Mohon mencelah.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih. Bukit Gasing memang mengalu-alukan *independent survey* ini (dengan izin) untuk meningkatkan prestasi PBT. Bukit Gasing juga ingin tanya adakah kita akan membuat *bench marking* (dengan izin) terhadap bandar raya-bandar raya terbaik di dunia seperti *bench mark economies intelligent unit* dan sebagainya.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Memang itu sentiasa dalam pertimbangan kerajaan negeri kerana kita nak pastikan negeri Selangor bukan saja maju dari segi ekonomi tapi maju dari segi pentadbiran bandar raya kita. Jadi, sudah tentu itu menjadi hasrat kerajaan negeri. Tapi kita hendaklah melakukannya mengikut peringkat-peringkat. Peringkat ini, kita melakukan setakat yang mampu dilakukan oleh kerajaan negeri.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Speaker, boleh mohon penjelasan?

**TUAN SPEAKER:** Ya, Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih Sungai Pinang. Saya sekadar ingin minta penjelasan daripada Sungai Pinang berhubung dengan cadangan pilihan raya majlis tempatan. Cuma saya nak tanya apa perbezaannya sebenarnya di antara pemilihan secara pilihan raya majlis tempatan dengan kaedah yang ada sekarang dipilih oleh parti-parti yang menang. Apa perbezaan. Bukan perbezaan, maksud saya apa *advantage* (kelebihan) dan kekurangannya dengan sistem yang ada sekarang?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Dengan sistem yang ada sekarang ini Puan Speaker, pihak kerajaan negeri sama ada dahulu atau sekarang hanya melantik mengikut pendapat kerajaan yang memerintah bahawa orang yang dilantik itu adalah orang yang paling sesuai. Sementara itu, ia tidak semestinya betul. Ia tidak semestinya setiap keputusan yang dibuat oleh kerajaan itu tepat. Lebih baik kita berikan kuasa ini (kembalikan kuasa ini) kepada rakyat. Rakyat yang menilai. Rakyat sendiri yang menilai siapakah yang paling layak untuk dipilih sebagai ahli majlis. Oleh itu, dengan cara ini kemungkinan juga dalam pilihan raya yang akan kita adakan itu pihak pembangkang pun boleh dipilih menjadi ahli majlis untuk bersama-sama memantau, memastikan PBT memberi prestasi yang lebih baik daripada sekarang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Boleh sekali lagi penjelasan? Puan Speaker, saya bertanya Sungai Pinang kita sedia maklum bahawa di antara kekangannya ialah masalah Akta Kerajaan Tempatan yang tidak lagi dipinda, masih lagi di peringkat parlimen. Dan saya tak nampak kerajaan negeri ada kuasa untuk mengubah akta ini selain kecuali di ubah di parlimen di bawah Akta Kerajaan Tempatan. Jadi, itu satu kekangan yang cukup besar. Dan yang keduanya dari segi perbelanjaan yang akan digunakan oleh ramai orang yang nak bertanding. Kerajaan terpaksa keluar lagi belanja selepas kita mengharungi pilihan raya, ada lagi pilihan raya kerajaan tempatan. Ini sudah tentu akan membazirkan wang rakyat yang akan digunakan.

**TUAN SPEAKER:** Permatang tidak setuju pilihan raya kerajaan tempatan?

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya tak setuju.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya. Mungkin Y.B. Permatang tidak ada pengetahuan yang terkini kerana rang undang-undang yang digubalkan sekarang ini telah pun dirujuk kepada pihak *attorney general* iaitu peguam negara. Jadi kita memastikan apa yang dilakukan oleh Selangor ini juga sejajar dengan peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Jadi kita pasti dan kita dah dapat runding nasihat dan dari segi

**TUAN SPEAKER:** Ya, Seri Serdang.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Soalan. Y.B. Exco, nak tanya. Keputusan pemilihan secara terbuka ini adakah dipersetujui dalam mesyuarat Pakatan Rakyat?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Sekarang dalam pertimbangan Pakatan Rakyat. Bila dipersetujui akan kita laksanakan. Jangan risau. Kita seperti yang saya sebut *step by step* kita pergi ya (dengan izin).

Dan tentang pembaziran. Tidak ada soal pembaziran apabila kita memberikan rakyat hak untuk memilih kerajaan yang difikir yang paling sesuai. Kalau itu menjadi pembaziran, lebih baik kalau di peringkat negeri kita tak payah pilih. Di peringkat negara pun tak payah pilih. Ini adalah satu prosesnya. Dan juga kita sudah membuat keputusan kita akan bergantung kepada daftar pemilih yang telah pun kita gunakan dalam Pilihan raya Umum. Jadi, tidak ada soal pembaziran. Sudah tentu ada kosnya. Tetapi kosnya akan mendatangkan hasil yang lebih banyak kepada rakyat. Itu yang penting.

Puan Speaker, soal kaunter bergerak (*tour counter*). Y.B. Kuala Kubu Baharu mencadangkan supaya kaunter di majlis dibuka pada hari minggu. Mungkin itu tidak praktikal kerana ia melibatkan kos yang agak tinggi dan belum tentu boleh dapat kesan yang baik. Sementara itu ada kaunter bergerak telah pun dilancarkan di beberapa PBT. Walau bagaimanapun, kaunter bergerak bagi pembayaran cukai taksiran di Majlis Daerah Hulu Selangor telah diberhentikan disebabkan kurang mendapat sambutan. Ini masalahnya. Kalau yang bergerak pun kurang dapat sambutan, apatah lagi kalau kita buka kaunter di pejabat yang sedia ada. Dan ini telah digantikan dengan bayaran secara atas talian atau *online* dan bayaran di pelbagai kaunter. Kaedah bayaran secara *online* telah mendapat sambutan dengan 53% daripada bayaran cukai taksiran adalah secara sistem *online*. Tak sangka di Hulu Selangor pun 53% bayaran *online* atas talian.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Ya. Terima kasih Puan Speaker. Kepada Y.B. Exco, yang saya maksudkan itu kaunter servis itu bukan mesti dalam pejabat majlis perbandaran ataupun tempat PBT. Tapi, kita boleh adakan kaunter servis di pasar raya (di tempat *shopping*) dengan izin. Itu yang kita maksudkan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya lah. Ya, Puan Speaker seperti yang disebutkan tadi memang dah kaunter bergerak pun kita sediakan. Tapi, nampaknya yang lebih berkesan adalah *online*. Tak sangka. Tahniah kepada KKB di mana penghuninya 50% bayar *online*. Ini yang kalau kita tak laksanakan, kita tak tahu. Walau bagaimanapun

**TUAN SPEAKER:** Ya, Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Terima kasih Puan Speaker. Apa yang kita maksudkan kaunter servis itu bukan untuk bayaran, tetapi untuk mereka yang

mempunyai masalah dengan PBT supaya mereka boleh berdepan dengan pegawai dan menjelaskan tentang apakah masalah mereka.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Kalau itu, saya rasa kita kena tengoklah khususnya di Majlis Daerah Hulu Selangor. Dengan kemampuan kewangannya sekarang, kalau nak pegawai kita kerja 7 hari atau kita melantik lebih banyak pegawai disebabkan kita nak buka kaunter lebih, saya rasa tidak praktikal. Dan selain daripada itu sebenarnya untuk pengetahuan KKB, walaupun bagi pembayar yang kurang mahir dengan sistem *online*, pembayaran di pelbagai kaunter sudah dibuka. Seperti di kaunter semua bank kecuali Hong Kong Shanghai Bank dan di Pejabat Pos berdekatan boleh dilakukan. Selain daripada itu, Majlis Daerah Hulu Selangor juga membuka kaunter di pejabat majlis daerah 7 hari seminggu sebenarnya pada setiap tahun pada bulan Januari dan Februari bagi penggal pertama serta pada bulan Julai dan Ogos bagi penggal kedua. Kos bagi pembayaran cukai taksiran juga telah diadakan di Kuala Kubu Baharu bagi memudahkan pembayaran dibuat. Jadi, semua yang seboleh-bolehnya telah pun dilakukan oleh pihak Majlis Daerah Hulu Selangor.

Tuan Speaker, tentang kadar cukai pintu kediaman. Sebenarnya tiada kenaikan kadar cukai pintu kediaman dan perniagaan PBT Negeri Selangor dari tahun 2008 hingga 2013. Malahan Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan pengurangan cukai taksiran sebanyak 25% bagi pemilik pangsapuri kos rendah di seluruh Negeri Selangor. Ini sudah dimaklumkan. Saya tidak faham kenapa Sungai Panjang mengulangi tuduhan ini lagi. Pemberian ini telah bermula pada penggal kedua cukai taksiran tahun 2012 dan ianya adalah bertujuan meringankan beban rakyat dengan keadaan pasaran hartanah yang melambung tinggi. Walau bagaimanapun ianya akan dilaksanakan secara berperingkat kepada semua jenis pegangan mengikut kemampuan kewangan PBT. Dan setakat Oktober 2013 Tuan Speaker, nilai diskaun yang telah diberikan adalah RM58,945.11 sen. Tuan Speaker, soalan ini juga saya, sebenarnya saya tidak mahu membangkitkan menjawab soalan ini tetapi memandangkan ia dibangkitkan seolah-olah satu kezaliman, maka saya terpanggil untuk menjawab soalan ini. Ini adalah daripada, soalan daripada Sungai Panjang. Saya rasa Sungai Panjang dalam membangkitkan 2 kes kompaun. Saya, dalam bahasa Inggeris saya kira Sungai Panjang ini *was making a mountain of a more hill*. Dia perkara yang kecil dia dramatikkan. *Overly dramatic*. Sebenarnya apa yang berlaku adalah peniaga yang dikenakan kompaun dikatakan peniaga penjual nasi lemak, makcik yang menjual nasi lemak dikenakan kompaun RM1,000.00 di bangunan kecil kerana tidak berlesen. Sebenarnya itu yang dikeluarkan kompaun itu, notis itu memang letakkan yang maksimum, maksimum. Kalau kita dapat kompaun daripada polis trafik pun dia bagikan yang tertulis itu adalah maksimum. Ataupun apa-apa kesalahan pun yang dalam notis itu dicatatkan hukuman maksimum, denda maksimum. Itu biasa. Kerajaan pusat pun buat begitu. Semua kerajaan buat begitu. Saya tak tahu di mana isunya di sini. Dan untuk kes ini, dan untuk denda ini, kompaun RM1,000.00 ini dia akan dikenakan sekiranya peniaga tidak hadir untuk membuat permohonan rayuan untuk mengurangkan kompaun. Sekiranya datang sudah tentu tidak. Dan saya tidak dengar daripada Sungai Panjang bahawa peniaga tersebut pergi atau tidak pergi, tidak. Dia hanya membangkitkan sebab dia nampak kompaun dan dia bawa keratan akhbar, keratan akhbar yang bukan biasa. Yang sudah

di *laminated*. Saya rasa dia nak simpan sampai Pilihan Raya Umum Yang Ke 14. dan namun sekiranya peniaga hadir untuk membuat rayuan, maka pihak majlis akan mempertimbangkan rayuan tersebut dengan dikenakan kadar kompaun yang lebih munasabah bergantung pada alasan rayuan. Tindakan kompaun ini diambil setelah notis pemberitahuan untuk memohon lesen dikeluarkan sebanyak 2 kali. Di sini dia sebutkan dah 2 kali. Beri pemberitahuan baru dikenakan kompaun. Tetapi apa yang disebut oleh Sungai Panjang adalah tidak ada dan minta diberi kesedaran. Bagaimana kita nak bagi kesedaran setiap kali orang buat kesalahan. Kesedaran, bagaimana kita nak buat kesedaran? Setiap orang di Malaysia ini tahu kita bila apabila nak buat perniagaan sudah tentu nak lesen. Kita nak pandu pun nak lesen. Semuanya ada lesen. Dah kata kesedaran, kita bagi 2 kali pemberitahuan baru kita kena kompaun. Cukup mesra. Yang dia minta sekali, kita bagi 2 kali. Bawa lagi dengan yang *laminated*. Saya rasa ini hampa. Saya kata ini dramatik. Saya kagum dengan ucapan perbahasan daripada Damansara Utama. Dia pun tahun penggal pertama tapi standard, tengok standard ucapan dia lain dengan Sungai Panjang. Itu yang kita, walaupun saya tak semestinya setuju dengan hujah daripada Damansara Utama tetapi itu kita nampak tahapnya, standardnya. Ini kena belajar, pembangkang ni.

Mengenai isu denda RM50,000.00 ke atas pemilik karaoke. Dia dikenakan di bawah Enakmen Hiburan. Itu memang Enakmen Hiburan dan tempat-tempat hiburan Selangor ini dia dibuat pada tahun 1995. Tahun pertama saya jadi ADUN, dia dah buat dah. 18 tahun dah bukan yang baru, dia yang buat, Barisan Nasional yang buat. Dan Pindaan 1998, dan Pindaan 2001 Seksyen 61 menyatakan 'tiada sebarang orang boleh mengadakan hiburan di mana-mana tempat melainkan pegawai pelesen telah memberi satu lesen'. Lesen, ada undang-undang yang dibuat zaman dulu dah 18 tahun. Seksyen 6 Sub 12, 'mana-mana orang yang melanggar Subseksyen 6 Sub 1 adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh didenda RM50,000.00 atau penjara tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya'. Itu maksimum, biasa. Undang-undang pun yang letak maksimum. Itu kalau tak faham saya susah. Dan bagi kes di Sabak Bernam. Setelah amaran notis diberikan terdapat 12 karaoke dibina di kawasan kampung dan tindakan ini disebabkan terdapat aduan daripada penduduk JKKK Kampung tentang kacau bilau dan bising hingga lewat malam. Malah aduan telah dibuat bukan sahaja di majlis, malah di Pejabat Daerah, di Pejabat Agama Daerah dan pihak polis. Sehubungan itu operasi bersepadu telah dilakukan bersama oleh Majlis Daerah Sabak Bernam, Polis dan JAIS bagi mengekang daripada aktiviti tidak sihat ini secara berleluasa. Hampir keseluruhan premis telah diberi notis dan jika ingkar tindakan penguatkuasaan akan dikenakan demi menjaga daerah itu beriman dan budiman. Itu yang diminta. Kalau tidak, dia kata kita benarkan, benarkan karaoke. Bila kita keluar notis datang pula dengan keratan akhbar. Tak boleh cara itu. Cara itu bagi saya, itu hanya pelawak boleh buat begitu. Kalau nak jadi pelawak, cukai lesen, cukai hiburan kena bayar juga. Walau bagaimanapun saya pastikan sekiranya dirayu, sekiranya sebab ini hukuman. Ini adalah kalau disabit kesalahan mahkamah. Tapi kalau dia bawa jumpalah, jumpa lah majlis, rayu. Kalau dengan alasan yang baik, saya pasti kompaun boleh dikenakan dengan alasan yang baik kita bagi kompaun yang munasabah. Inilah kuasa yang diberikan kepada majlis. Jangan bawa sebab dah terima notis denda RM50,000.00. Buat macam ini cerita baru, tak ada. Undang-

undang lama dah ada, dah ada, dah ada. Jadi jangan buat isu ya. *Don't make a mountain of a more hill.*

Ya Tuan Speaker, tadi tentang trek basikal di Shah Alam. Ha, ini cerita panjang sedikit ni. Tuan Speaker, MBSA mengambil inisiatif untuk membangunkan laluan basikal dan pejalan kaki Shah Alam sebagai salah satu usaha untuk menyokong pengurangan jejak karbon di Pusat Bandar Shah Alam khususnya dan di Shah Alam amnya. Penggunaan basikal juga merupakan satu cara bersenam di mana penggunaan basikal untuk aktiviti harian dan untuk bersenam sedang menjadi semakin popular kebelakangan ini dan mewujudkan persekitaran dan cara hidup yang sihat. MBSA memainkan peranan untuk menggalakkan penggunaan basikal selaras dengan seruan bandar hijau dan menjadi salah satu ukuran bagi pembangunan mampan di bawah *Program Sustainable* dengan izin. Usaha ini perlu disokong dengan pembangunan fizikal yang selesa dan usaha yang berterusan bagi mewujudkan kemudahan yang boleh digunakan dengan prasarana-prasarana yang berkaitan. Majlis mengambil inisiatif ini juga sejajar dengan usaha untuk mewujudkan indeks kesejahteraan bandar yang lebih selesa dan mesra alam yang mana merupakan sebahagian daripada inisiatif bandar selamat dan bebas halangan yang memberi pilihan untuk membolehkan dan membolehkan penduduk dan pengunjung serta pelawat di Seksyen 2, Seksyen 3, Seksyen 4, Seksyen 6, Seksyen 9, Seksyen 10, Seksyen 11, Seksyen 12 dan Seksyen 14. Banyak seksyen ya. Berkunjung ke Taman Tasik Shah Alam, Kompleks PKNS, Masjid. Sekarang nak sembahyang, pergi masjid. Ini kita sediakan juga. Masjid Shah Alam, SACC Mall dan lain-lain tempat di Shah Alam tanpa gangguan dan konflik lalu lintas. Itulah yang, itu menjadi impian, menjadi impian MBSA untuk kemudahan dan kesejahteraan penduduk di Shah Alam. Pembangunan laluan pejalan kaki dan basikal Shah Alam sepanjang 8.8 kilometer bermula dari Seksyen 4, Shah Alam yang secara tidak langsung mengemaskan pinggir-pinggir jalan dan juga memperbaiki imej-imej hijau dan menerangkan tepi-tepi jalan yang dahulunya semak merupakan satu lagi inisiatif ke arah mengurangkan jenayah melalui *Environmental Design* di bawah Program *Crime Prevention Through Environmental Design* dengan izin. Selaras dengan manifesto Pakatan Rakyat Selangor yang memberi komitmen untuk meningkatkan sistem pengangkutan awam bagi Lembah Klang antara menggariskan usaha untuk menyediakan lorong berbasikal bagi kawasan perumahan baru di lokasi terpilih. Majlis telah mengambil inisiatif untuk bekerjasama dengan pemaju-pemaju perumahan di Shah Alam bagi memastikan bahawa penyediaan laluan pejalan kaki dan laluan basikal yang selesa dan lebih berintegrasi dapat disediakan di kawasan semasa di peringkat perancangan. Khususnya di Pembangunan Elmina, Seksyen U16 yang melibatkan laluan sepanjang 70 kilometer yang akan diteruskan di pembangunan lain di Kuasa Land di Seksyen U4 Shah Alam, Seksyen U13 Alam Impian, Seksyen 13 dan banyak lagi pembangunan lain.

Pihak Sime Darby Property Berhad juga telah memberikan komitmennya untuk menaik taraf laluan pejalan kaki yang disediakan dalam pembangunannya untuk memperuntukkan keperluan laluan basikal ini. Pembangunan laluan pejalan basikal di Shah Alam telah dimulakan dari 13 Jun 2013 dan akan tamat pada 31 Disember 2013 akan datang. Dan ini bukan sahaja untuk laluan basikal, termasuk juga laluan pejalan

kaki. Kos pembangunan keseluruhan adalah berjumlah RM4.8 juta untuk membina sepanjang 8.8 kilometer dengan kelebaran laluan 3.5 meter iaitu 12 kaki. Laluan trek basikal dan *pedestrian* telah dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar MBSA pada 20 Jun 2012. Pembinaan laluan pejalan kaki dan basikal Shah Alam ini adalah di atas rizab longkang, pinggiran tepi jalan, di pinggir kawasan hijau dan tepian kolam takungan. Pembangunan laluan *pedestrian* dan basikal Shah Alam telah memperkemaskan lagi rizab longkang tepian jalan dan kawasan-kawasan terpinggir. Sepanjang 1.9 kilometer laluan pembangunan ini adalah di atas longkang tepian jalan. Perolehan pembangunan ini adalah melalui tender terbuka yang dikeluarkan pada 1 April 2013 dan ditutup pada 25 April 2013 dan diwartakan pada harga, dan ditawarkan pada harga yang terendah. Laluan *pedestrian* basikal Shah Alam ini adalah yang pertama seumpamanya di negara ini yang membolehkan pejalan kaki dan pengguna basikal bebas dari konflik kereta dan lain-lain pengguna jalan raya. Oleh itu ianya selesa, mesra pengguna, mesra alam dan menepati Local Agenda 21 iaitu Pembangunan Yang Mampan yang akan memberi keselesaan kepada generasi masa ini dan akan datang tanpa mengkompromi alam sekitar, iaitu mengurangkan jejak karbon di Shah Alam. Laluan pejalan kaki dan basikal ini juga disediakan empat wakaf, empat wakaf yang bertujuan sebagai tempat rehat untuk pengguna dan juga tempat berteduh jika hujan. Disediakan tempat melintas iaitu *dedicated crossing* dengan izin yang menghubungkan Masjid Negeri, Taman Tasik dan juga Pusat Bandar Shah Alam. Usaha Majlis Bandar Raya Shah Alam untuk meningkatkan taraf hidup dan keselesaan penduduk tidak hanya tertumpu kepada penyediaan laluan basikal dan pejalan kaki tetapi Majlis juga telah memperuntukkan sejumlah peruntukan untuk menyediakan kemudahan gerai di Seksyen U10 yang menelan belanja RM5 juta, pembangunan semula dan penyelarasan tapak terminal akhir bandar di Seksyen 19 dengan penyediaan tempat letak kenderaan yang selesa dan terminal bas Seksyen 17 yang menelan belanja RM4 juta, RM 3 juta dan RM7 juta masing-masing yang mana peruntukan tersebut diperoleh daripada pihak Kementerian Pengangkutan. Inisiatif untuk menyediakan laluan basikal ini bukan hanya dilaksanakan oleh MBSA malah terlebih dahulu dilaksanakan di bandar-bandar besar yang lain di Malaysia termasuk Pulau Pinang, Putrajaya, Melaka dan Johor Baharu. Menyedari hakikat ini, MBSA menyahut cabaran ini untuk menaik taraf dan meningkatkan kemudahan pejalan kaki dan juga laluan basikal di Shah Alam. Banyak program berbasikal yang telah pun dianjurkan oleh Majlis untuk menyokong usaha ini dan mendapat sambutan yang amat baik daripada penduduk setempat.

Dan Tuan Speaker, tentang MARRIS ya. Peruntukan MARRIS yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Anggerik. Setakat ini untuk tahun 2012,

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER:** Ya Teratai

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Soalan tambahan. Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin minta penjelasan sebab apa yang berlaku ialah semalam Y.B. bagi pembangkang ada ketengahkan katakana siapa akan gunakan laluan basikal itu, yang dikatakan ialah



warga sing yang bekerja di kilang. Saya ingin nak tanya bagi negara-negara maju seperti Jepun siapakah yang gunakan laluan basikal memandangkan di MBSA merupakan laluan basikal yang pertama di seluruh Malaysia yang dirancangkan dibina. Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Kalau di Jepun orang Jepun yang gunakan kalau di Shah Alam orang Shah Alam yang gunakan bagi peruntukkan MARIS Tuan Speaker, untuk tahun 2012 di MBSA ada 65 projek yang telah pun di siap dan dibayar keseluruhannya 5,766,247.00. Sementara itu pada tahun 2013 jumlah projek 65, dengan jumlah kos 20,701,932.30. Sementara itu untuk tahun 2014 87 projek permohonan sudah pun dihantar kepada pihak SUK pada 21 November 2013, semalam, projek tahun depan, semalam dah sampai. Itulah efisiennya Kerajaan Pakatan Rakyat. Ya, bukan Kota Anggerik, untuk keseluruhan Shah Alam. Jumlahnya RM52,071,649.00. Haa inilah *efficiency* nya. Ha...ini mungkin kesan SPIES agaknya. Jadi semuanya telah pun sampai dalam bentuk *bill of quantities* bukan sahaja hantar permohonan, BQ pun dah sampai. Dengan gambar-gambar lokasi dan *soft copy*, semuanya sampai. Dan berdasarkan kepada panjang jalan di kawasan pentadbiran MBSA iaitu 2670 km, maka Majlis layak mendapat peruntukkan berjumlah keseluruhannya RM88,100,000.00 iaitu berdasarkan kepada kos penyelenggaraan yang telah ditetapkan iaitu pada RM33,000.00 untuk 1km. Jadi berbanding dengan tahun-tahun sebelum ini, tahun hadapan MBSA dapat RM88 juta.

**TUAN SPEAKER:** Ya Kota Anggerik

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, saya nak minta dirakamkan terima kasih kepada kerajaan

**TUAN SPEAKER:** Teruskan

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Terima kasih atas terima kasih tersebut. Dan Tuan Speaker untuk soalan berkenaan dengan keselamatan. Seperti yang saya sebutkan....

**TUAN SPEAKER:** Ya Dengkil nak mencelah

**Y.B. TUAN SHAHRUM HOHD SHARIF:** Ya saya juga minta dirakamkan terima kasih pada Kerajaan Persekutuan yang menyediakan peruntukan MARIS.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Sama-sama kita kasih. Berkenaan dengan keselamatan seperti yang saya sebutkan sebelum ini bahawa sebenarnya keselamatan ni adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat dan kita tidak ada cukai, cukai khas yang dipungut untuk tujuan menjaga keselamatan. Tetapi disebabkan kekangan kewangan kerana kita tidak mempunyai sebenarnya peruntukkan daripada pihak Kerajaan Pusat untuk mempertingkatkan lagi keselamatan ini maka Kerajaan Negeri terpaksa, terpaksa menggunakan peruntukkan ataupun kewangan Kerajaan Negeri untuk melakukannya. Dan ini juga ditanggung oleh pihak PBT. Jadi saya berharap

pihak sebelah sana bawalah perkara ini kepada Kerajaan Pusat, mintalah, ya, peruntukkan yang munasabah, diberikan, dikembalikan pada Selangor supaya kita dapat bersama-sama menjaga keselamatan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN ABDUL RAZAK:** *Reserve, reserve* banyak Y.B.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya.....

**Y.B. TUAN SULAIMAN ABDUL RAZAK:** *Reserve* negeri banyak ....boleh digunakan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** *Reserve* negeri itu kita pungut daripada cukai tanah. Cukai Tanah itu kita kembalikan kepada rakyat. Cukai tanah ini bukan untuk keselamatan. Sedangkan kita bayar cukai pendapatan sebanyak 25% kepada Pusat, Pusat kena kembalikan. Jangan pegang semua kalau tak pakai. Dia pakai ke tak pakai, entah di mana pakai lah. Tetapi kita pakai dengan cermat. Kita bagikan projek yang pembangunan, untuk pembangunan jangka masa panjang untuk projek yang spesifik untuk projek yang kritikal kita buat. Dan untuk keselamatan terpaksa kita buat terpaksa kita buat dan saya ucapkan tahniah kepada MPPJ dengan MBSA yang telah pun bersama-sama dengan polis untuk menjalankan rondaan. Iaitu pada kadar 2 orang polis bersama dengan diiringi dengan 2 orang penguatkuasa. Ini dilakukan di PJ, di Petaling Jaya dan juga di Shah Alam. Sementara itu untuk pihak berkuasa tempatan lain disebabkan kekangan kewangannya mereka mempunyai anggota, mereka mengerahkan anggota penguatkuasa untuk menjalankan rondaan tetapi tidaklah pada kadar seperti yang dilakukan di Petaling Jaya dan di Shah Alam. Dengan itu saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. sekalian dan juga kepada Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama minta mencelah

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Nak mencelah sedikit sahaja. Saya banyak berterima kasih kepada MPPJ atas penguatkuasa meronda. Ini memang inisiatif bagus, harap-harap dia boleh berkembang lagi untuk .....memang kita dapat banyak sambutan yang baik daripada rakyat. Memang baik untuk Pakatan Rakyat.....Imej Pakatan Rakyat untuk membantu keselamatan di Petaling Jaya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Y.B. Pelabuhan Klang

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** *Bismillahhir rahmannir rahim* Tuan Puan Speaker, Ahli-ahli Y.B. sekalian. Saya ingin menggunakan sedikit masa untuk kita sama-sama memahami tentang asas yang hendak kita bentuk sebagai menentukan Negeri Selangor akan dapat membangun secara berterusan. Salah satu asas yang penting ialah pengurusan kewangan dan sumber negeri. Jadi kalau kita ada asas pengurusan kewangan dan pengurusan sumber negeri yang baik bererti apa-apa rancangan yang kita akan buat masa hadapan akan lebih teratur dan lebih tepat. Jadi apabila saya cuba meneliti pandangan yang diberikan oleh Ketua Pembangkang dari Sg. Burung, Sg. Panjang, Sg. Burung, saya dapati saya perlu terangkan secara senang. Jadi kalau

tidak nampaknya kalau kefahaman ini tidak betul maknanya perbincangan itu agak sumbang sebab orang yang menari joget menari tarian yang lain. Jadi tak ada asasnya. Jadi sebagai contoh ada tiga perkara penting dalam belanjawan. Semua-semua belanjawan yang dibuat untuk satu tahun terbahagi kepada tiga. Satu ialah belanjawan berimbang. Kedua, belanjawan berlebihan, surplus. Ketiga, belanjawan deposit. Bila orang merangka belanjawan, dia akan beritahu apa belanjawan yang nak dia lakukan. Ini berasaskan kepada falsafah ataupun *principle* untuk memantapkan pengurusan kewangan negeri berasaskan pada hasil dan berasaskan kepada perbelanjaan. Tapi untuk negeri Selangor oleh kerana kita dapati keadaan kewangannya itu boleh kita mantapkan adalah lebih baik kita menggunakan strategi perbelanjaan berimbang bererti kita gunakan yang kita dapat kita gunakan sepenuhnya supaya mendapatkan hasil dan manfaat kepada rakyat. Dalam bentuk konsep yang kita gunakan ialah berhemah. Berhemah maknanya apa yang kita dapat kita gunakan ataupun dalam lain perkataan tidak berhutang. Kalau kita gunakan defisit maknanya kita kena bayar pada masa depan, maknanya kita kena berhutang. Berapa konsep yang kita bincangkan. Umpamanya kita bagi contoh Negeri Amerika sendiri, Negara Amerika kaya, kuat dan ramai rakyatnya bangga. Tetapi kalau kita lihat secara terperinci tentang pengurusan kewangannya dia deposit. Depositnya ialah untuk satu generasi yang akan datang, itu keadaannya. Tapi itu kita adakah itu baik atau tidak dari segi perbelanjaan berhemah itu tidak baik. Untuk negeri Selangor kita asaskan berasaskan perkara kita mahukan dia berhemah supaya kita dapat bangun negeri ini dengan cukup mantap. Kita tak takut kita berhutang untuk melaksanakannya. Kedua boleh tak Kerajaan Negeri menjalankan perbelanjaan deposit. Jawabnya boleh bukan tak boleh tapi yang sebenarnya deposit itu kita kena pinjam. Dalam untuk mengelakkan terlalu banyak negeri suka meminjam Kerajaan Persekutuan telah memberikan oleh kerana kuasa perlembagaan diberikan kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan mengenakan syarat jika kerajaan negeri ingin meminjam sama ada dia dah pinjam daripada Kerajaan Pusat ataupun dia nak pinjam daripada sistem bank dia mesti dapat kelulusan dari kerajaan pusat. Jadi oleh sebab itu kita Pakatan Rakyat jadi dah berhutang orang tak bagi kita pinjam. Bagi kita malu pulak. Jadi itu sebab saya katakan taktik *is wrong* dan yang akhirnya surplus. Surplus *no more* maknanya apa yang kita dapat kita belanjakan tapi kita tak habis belanja, tak habis belanja kita dapat Surplus. Surplus itu kita masukkan ke dalam *reserve* yang kita akan gunakan masa depan. Jadi strategi itu kalau kita gunakan strategi itu ahli-ahli Dewan akan tanya berimbang kemudian kenapa kita dapat surplus. Jadi jawapannya apa yang kita dapat jimatkan. Itu yang paling penting. Apa yang kita dapat jimatkan. Atau kita dapat hasil yang lebih banyak. Jadi oleh sebab itu kalau saya lihat maknanya Sg. Burong kena bila dia nak berbincang perkara itu dia kena buat apa yang dipanggil analisa perbezaan pendapatan maknanya dia kena buat analisa tahun ini dapat berapa, tahun depan dapat berapa, mengapa terdapat perubahan. Jadi bila dia buat yang dipanggil *spreadsheet* itu baru dia boleh berbincang dengan kalau di Kuliah dengan munasabah lah kalau tidak dia tak buah *homework* itu maknanya dia tak , tak buat *homework*. Itu, itu yang kita...*must*...anu...jadi kalau kita buat....jadi, saya nak tunjukkan itu sebab apabila saya mula bersama dengan rakan-rakan di Kewangan Negeri saya mula membawa satu tradisi kita mesti mempunyai maklumat yang telus. Bererti semua maklumat mengenai perbelanjaan, pendapatan dan penggunaan di

rekod dan diselesaikan dalam masa yang terdekat. Bererti kita tahu dalam keadaan kewangan kita. Bila kita dah boleh pantau kita boleh apa yang kita katakan kita boleh tentukan penggunaan perbelanjaan tersebut.....

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Boleh mencelah

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ok.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tuan Speaker, Yang Berhormat Pelabuan Klang. Saya pun masih ingat apa yang Ketua Pembangkang Sungai Burung sebut waktu perbahasan. Apa yang beliau sebut ialah perbelanjaan berimbang itu kita terima tak ada masalah kita faham dan itu juga yang menjadi tema lima (5) tahun yang lepas Pakatan Rakyat perbelanjaan berimbang. Cuma apa yang kita sebut ialah apa yang Sungai Burung sebut dihari perbahasan ialah bahawa dalam perbelanjaan berimbang itu diakhir tahunnya dia tak jadi berimbang dia menjadi 'defisit'. Pada kita kalau sepuluh peratus tak ada masalah kita tahu tidak ada perbelanjaan yang sempurna tiada masalah, tiada masalah dan itu bukan satu kesalahan pun kalau mintak perbelanjaan tambahan. Tiada masalah saya percaya kerajaan mana-mana kerajaan pun tidak akan dapat *perfect* membuat perbelanjaan. Tetapi yang kita maksudkan apa yang diberi pandangan pada 2013, sidang yang pertama defisit pada tahun 2013 telah mencecah kepada 46 peratus. Jadi ini satu peratusan yang agak besar kita tak mengatakan bahawa kalau berlaku perkara-perkara yang di luar jangka berlaku apa ni banjir berlaku bala bencana sebagainya memerlukan perbelanjaan yang besar tiada masalah. Jadi yang diberikan pandangan ialah 46 peratus pada 2013 itu sahaja sebenarnya dan soal berimbang tiada masalah erk... defisit kita faham, sebab tak ada yang sempurna perbelanjaan itu, itu yang Sungai Burung sebut saya fikir.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ok. Terima kasih Yang Berhormat dari Permatang. Saya akan sentuh perkara ini tapi sekarang saya jawab kan sudah tentulah Sungai Burung akan bertanya kenapa ini terlalu besar, 'ha'.., tentu dia akan tanya, jawapannya dia tanya jawapan kita itu perkara yang luar biasa maknanya ada perkara yang luar biasa apa perkara yang luar biasa. Satu perkara ialah kenaikan gaji oleh Kerajaan Persekutuan kenaikan gaji Kerajaan Persekutuan melebihi daripada kita tidak menjangka itu tidak diluluskan dalam belanjawan 2012 ke belanjawan 2013. Jadi ada setengah orang sesetengah negeri pun negeri Pahang pun ada buat negeri Johor pun ada buat negeri-negeri lain pun buat. Tapi negeri-negeri tersebut juga mencatatkan dia suruh dapat mintak pinjaman daripada kerajaan Persekutuan, kita tak ada, kita kata kita mesti jaga ini.

Kedua saya tunjukkan itu sebab apabila kita mintak perbelanjaan tambahan itu kita juga tentukan kita mesti *justify* maknanya boleh kalau tidak takkanlah kita pergi ke dewan yang bagusnya kita pergi ke dewan itu, kita tidak membuat menjangka satu perkara-perkara yang kita tidak jangka dan kita buat supaya berlebih jadi lebih senang kita, tak ada. Itu cara pengurusan yang tak mantap bila kita perlu kita jumpa dan kajian menunjukkan saya ini fasal belanjawan ini saya pun melihat berapa bentuk belanjawan sekarang untuk sesetengah negara dia buat belanjawan bukan setahun dia buat

belanjawan tiap-tiap enam (6) bulan. Sebab dia kena *review* jadi ada kalanya apa sebab. Terdapat keadaan ekonomi yang meningkat dan mengucup. Jadi oleh sebab itu ada perlu membuat keadaan tersebut. Jadi jangan takut yang kita takut duit itu hilang, itu kita takut.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Boleh penjelasan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ha...

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih Yang Berhormat Pelabuan Klang. Saya masih ingat dalam sidang yang pertama saya minta maaf saya pun tak bawak kertas tu, tapi dalam sidang yang pertama dulu saya ingat, perbelanjaan tambahan kita 46 peratus bukan luar biasa kerana membayar tunggakan ataupun bonus dan sebagainya sebagaimana Yang Berhormat sebut tadi. Tapi lebih kepada menggunakan perbelanjaan untuk membeli saham anak syarikat kita Kumpulan Hartanah Selangor Berhad yang digunakan termasuk memberi pinjaman kepada MBPJ dan juga MBPJ saya ingat sebanyak 1 juta lebih. Jadi perbelanjaan 4 ratus lebih juta itu nampak luar biasa. Itu yang kita berikan teguran sebenarnya walaupun itu apa dasarnya bukan pun satu kesalahan, tapi sebagai satu peringatan daripada kami kaca mata kita sebagai itu sebenarnya.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Itu pun tak ada kesalahannya dari segi etika nya pun tak ada salah jadi lebih baik kita meminjam daripada 'surplus' yang kita ada supaya kita tidak meminjam di bank yang mengenakan kita dua (2) atau tiga (3) peratus lebih daripada yang kita pinjam. Jadi bererti apa yang kita nak tunjukkan perbincangan mengenai belanjawan mesti berasaskan *result* dan *outcome* bukan berasaskan proses-proses maknanya oh ada tambahan, ada tambahan. Kita jangan takut tentang tambahan tetapi yang kita takut tambahan itu tidak munasabah dan tidak digunakan dengan baik itu yang kita kena jaga dan untuk membolehkan kita menjaga tersebut kita perlu memantaunya setiap masa. Oleh sebab itu saya sangat senang untuk berdepan dengan dewan sebab kewangan negeri bukan memantau tiap-tiap enam (6) sekarang kita pantau tiap-tiap bulan maknanya kita dah tahu keadaan kewangan tiap-tiap bulan dan umpamanya sebagai contoh pada kita tahu berapa terimaan kita daripada Kerajaan Persekutuan MARRIS kita sepatutnya menerima 430 juta kita hanya mendapat 374 juta bukan dia datang dan bagaimana kita menggunakan dana tersebut sebab dia baru sampai kepada kita 374 juta.

Jadi kita adakan proses-proses untuk menentukan apa yang dipanggil *cash flow* ataupun aliran wang kita cukup untuk digunakan untuk kerja-kerja yang kita lakukan itu sebab *Fun Management* atau pun pengurusan dana sangat penting sebab ada konsep yang dipanggil *Time Value of Money*. Jadi kalau kita dalam satu tahun ada 10 juta berlebihan dan kita tidak gunakan dengan baik dengan kadar faedah 2 peratus sahaja pun kita sudah hilang kegunaan sebanyak RM200,000. Jadi oleh sebab itulah pengurusan itu mesti dibuat dengan baik dan tertib, jadi apa yang saya nak nyatakan janganlah menyatakan bahawa perbelanjaan ini berimbang ini tidak betul, tidak ada, dia betul dari segi konsepnya dan dia mesti dipantau dengan keadaan yang betul, bajet tambahan

juga dibuat dengan berasaskan bila sampai ke dewan, dewan sudah tentu tanya mengapa nak duit lagi, mengapa nak digunakan lagi dan kerajaan mesti menjawab dengan betul dengan sah dan dipantau tentang kegunaannya jadi itulah yang dikatakan *The Check and Balance* dapat menyemak semua kegunaan harta-harta negeri. Jadi saya juga, jadi saya berharap kebimbangan Ahli Yang Berhormat ini saya ingat mesti kita atasi dengan Ahli Yang Berhormat memerlukan maklumat-maklumat tambahan yang boleh Ahli-ahli Yang Berhormat membuat analisa yang berterusan supaya dapat memantau dan menentukan setiap sen duit rakyat kita gunakan dengan baik.

Sebagai contoh ramai Ahli-ahli Yang Berhormat bertanya tentang geran 'Selangorku' apa yang kita gunakan. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, geran 'Selangorku' tu ialah hasil daripada usaha kita mengambil balik hutang-hutang TALAM dan saya peruntukkan RM300 juta untuk kegunaan program-program tersebut dan kita gunakan beberapa geran gaji minima pembasmian rasuah perkasaan wanita ditukar Wanita Berdaya, Kebajikan Kerja apa semua. Daripada kajian saya ramai yang datang untuk meminta geran ini hanya tahu beri saya duit dulu baru saya ada program. Jadi bererti kita tak tahu apa yang dipanggil konsep *outcome bajeting* kalau kita tanya *outcome bajeting* kita tanya apa program nak dibuat apakah hasilnya, tak ada. Jadi oleh sebab itu saya rasa 'eh' itu sebab hanya infrastruktur sahaja yang digunakan dapat kelulusan sebab dia nak buat erk.. apa tu futsal dia nak buat apa jadi daripada 5 juta yang kita peruntukkan 3... RM50 juta RM31 juta digunakan. Tapi untuk program penerangan maklumat negeri kita peruntukan 10 juta yang digunakan RM1.6 juta. Peningkatan kehidupan hidup rakyat kita peruntukkan 5 juta komitmen ataupun nak digunakan RM190,000 0 jadi dari RM300 juta yang tinggal dalam akaun kita RM240 juta dan tak hilang duitnya duit itu ada lagi dan kita akan masukkan ke dalam akaun negeri. Jadi kita bertambah 'surplus' kita, jadi tak ada jadi masalah. Tak guna tak betul tak usah guna *that is* .....

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Boleh penjelasan, sekali. Terima kasih. Pelabuan Klang saya rasa saya dulu ada berdebat dengan Yang Berhormat dalam Sidang yang kedua belas mengenai penyelesaian dan juga Geran Selangorku. Dan saya, kita pun ada bertanya di peringkat pembangkang mengenai Geran RM300 juta ini, daripada mana datangnya. Sama ada menggunakan dana oleh pihak MBI, kerana dalam penyelesaian hutang TALAM, apa yang kita pernah debatkan melalui kertas putih yang dibentangkan ini semuanya dalam bentuk aset yang tidak dicairkan, dalam bentuk hartanah, dalam bentuk hartanah-hartanah di beberapa kawasan Bukit Beruntung, Danau Putera, Bukit Jalil dan sebagainya belum pun dicairkan. Dia masih berupa aset yang baru dipindahkan barangkali lah, saya fikir. Dipindahkan kepada kerajaan negeri daripada pihak TALAM. Jadi, Geran RM300 juta itu menimbulkan satu persoalan daripada mana datangnya ataupun dia hanya sebagai satu akaun kosong sahaja yang tidak ada, sebenarnya kerana duit itu masih dalam bentuk tanah yang tidak lagi pun dibangunkan dan sebagainya. Itu yang menjadi persoalan kepada kita. Dan saya ingat dulu Yang Amat Berhormat pernah bagi jawapan pernah ada kutipan yang pertama sebanyak RM50 juta daripada pihak TALAM. Itu saya masih ingat lagi lah. Dalam ingatan saya. Saya minta penjelasan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Itu, terima kasih, saudara Permatang mengikuti perkembangan ini. Tetapi, aset yang kita ada sekarang melebihi RM600 juta. Aset yang kita dapat daripada TALAM itu melebihi RM600 juta. Jadi kita boleh *leverage*, maknanya MBI boleh *leverage*, *leverage* maknanya kalau ada aset tu. Hanya bila kita nak gunakan. Jadi, tak ada, dia tak masuk dalam *consolidate fund*, bila kita *leverage* tak ada. Jadi, kalau itu berlaku, tak jadi masalah. Tak jadi masalah. Duit ada. Jadi, kalau *you*, jadi, daripada *cash* pun kita sudah *starting to cash out* dah daripada perbelanjaan-perbelanjaan itu sudah mula kita *cash out* dan saya tengok Audit Negara juga dah datang ke MBI untuk membuat *case study*, *How A State Government Collect The Debt, Unwine The Debt And Increase Value of The Debt*, ha, saudara besok sesiapa yang mengikuti *case study*, esok boleh tengok macam mana satu negeri yang tak ada mendapat, tak ada apa-apa harta tapi melihat dalam akaun, hutang-hutang yang tidak dikutip, membetulkan kutipan tersebut dan menterjemahkan kutipan itu menjadi harta kepada negeri dan walaupun banyak tohmahan-tohmahan daripada NCA sendiri termasuk mereka-mereka yang dikatakan pakar kewangan dan kita terpaksa berbelanja. Yang saya rasa sedih tu kita terpaksa berbelanja lebih RM300,000 menggunakan syarikat kewangan untuk menyemak dan membentangkan sebagai itu dan..

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan. Tak apa lah Menteri Besar, MCA pun tidak ada di dalam dewan ini. Jadi, barangkali, itu harga dia. Tak apa. Soalan saya ialah tentang TALAM ini, saya masih ingat, Yang Berhormat Pelabuhan Klang ada menyebut bahawa masih ada lagi hutang TALAM yang masih belum *settle* lagi. Tetapi belum lagi dipersetujui oleh TALAM. Jadi, saya ingin bertanya apakah perkembangan terkini terhadap hutang-hutang lain yang masih belum dikutip dan sekiranya ada, adakah kerajaan juga akan membelanjakan kutipan hutang ini seperti apa yang berlaku dalam Geran Selangorku ini.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Itu kita pantau tiap-tiap bulan. Sebab, kalau dia lambat bayar *there is an interest element cost, carrying cost* sebab dia *guarantee* pembayaran hutang. Jadi, dan, dalam *guarantee* itu, kita *caveat* aset, maknanya aset itu tidak boleh digerak. Jadi, dalam kiraan semua itu maknanya kerajaan negeri untuk mengutip hutang, katalah RM30 juta, kita *caveat* aset hampir RM100 juta. Jadi, kita boleh, saudara boleh tengok cara kita menjaga harta negeri. Dia tak boleh, tak boleh nak lari. Kalau dia lari, dia jual, kita dah tentu dapat hasilnya. Jadi, itu semua sudah kita pantau. Itu sebab yang menyebabkan ramai orang rasa, cara kerajaan negeri ini terlalu *too corporate*. Jadi, maknanya terlalu ketat. Saya cakap, ini serupa juga macam mengurus niaga dengan bank. Ini Bank Rakyat. Jadi, kita kena (ketawa), bukan Bank Rakyat yang, ini Bank Rakyat. Jadi, *you* kena tunjukkan buktinya kepada rakyat yang harta itu tidak lari. Jadi, itu sebabnya. Jadi, saya juga nak menunjukkan yang satu perkara yang boleh dipantau ialah walaupun *reserve* kita ada *surplus* hanya pada tahun 2009 kita ada defisit. Itu sebab saya nak tunjukkan. Sebab, pendapatan kita berkurangan dalam masa 6 bulan yang pertama. Walaupun kita buat bajet berimbang. Jadi, menunjukkan bajet berimbang itu ialah satu strategi sahaja, bukan akhirnya kita

akan lihat dan cari jalan untuk mengatasi perkara-perkara yang perlu kita atasi supaya kita dapat dipantau dengan lebih baik. Saya nak tunjukkan..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Minta penjelasan sikit.

**TUAN SPEAKER:** Ya Sekinchan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Nak minta penjelasan sikit Yang Amat Berhormat. Terima kasih Puan Speaker. Saya cukup kagum dengan cara pengendalian kewangan negeri Selangor dengan guna kaedah Bank Rakyat ini. Yang Berhormat Tan Sri, memandangkan *reserve* dan Geran daripada Selangorku itu ada *balance* nya, sebab berkali-kali Sri Muda meminta agar satu jumlah untuk tebatan banjir di kawasan Sri Muda, saya minta Yang Amat Berhormat Tan Sri boleh pertimbangkan RM20 juta ke, untuk selesaikan RM10 juta untuk selesaikan. Kalau tidak, setiap kali sidang itu ceritanya. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Sebenarnya, apa yang berlaku ialah saya ada satu perkara yang belum dapat saya selesaikan dengan baik. Iaitu, apabila saya tanya berapa banyak tiap-tiap tahun kita gunakan duit MARRIS, kata satu contoh, duit MARRIS, kita nak gunakan tiap-tiap tahun, RM300 juta. Sebenarnya, kita gunakan duit itu, tapi kita tak tau *value* duit tersebut. Itu sebab saya, salah satu daripada cara kawalan ialah tak usah guna dulu. Tengok macam mana dia, punya..kita tak..jadi baru kita tanya. Dan kita dapati duit MARRIS, sebagai contoh nak tunjukkan. Bila kita buat cara penggunaan yang berbeza daripada yang pernah dilakukan sebelum 2008 dan saya pantau setiap penggunaan. Dan cara proses penggunaan, kita dapat jimatkan dengan perkara yang sama, kita dapat jimatkan projek yang kita nak buat oleh jabatan ialah RM333 juta dan nilai yang sebenar ialah RM273 juta. Kita dah jimat RM60 juta. *That's it.* Jadi, sekarang sistem dah ada. Itu sebab, yang EXCO telah buktikan semua mesti ada *Bill of Quantities*. Tak ada tembak-tembak nak guna ini, tak ada. *There is no, no such thing as you,* saudara boleh dapat duit atas ehsan. *You have to have output,* apa dia, jadi, tak ada lagi. Jadi, penggunaan dana mesti berasaskan pada *outcome budgetting*. Itu yang kerajaan *Federal* pun cakap fasal *outcome budgetting* tapi dia tak tau macam mana nak buat. Tapi di Selangor, *it's going to be outcome budgetting*. Saya boleh jumpa dengan Dewan ini, itu sebab kita gunakan *reserve*, duit *reserve based on outcome budgetting*.

Yang Berhormat EXCO membudayakan wanita, kena berdiri dekat Dewan ni untuk menerangkan bagaimana dia gunakan RM30 juta. *It's not going to be* bagi RM30 juta untuk membudayakan wanita, tak ada, tak ada (ketawa). *There is no such thing.* Itu bukan, dia tak boleh, *that is not.* Jadi, sebelum 2008, *that was the style of an edge.* Duit dapat dulu lepas tu, dah buat, buat pula projek RM60 juta, itu projek teater, dan tak reti nak gunakan. Ha itu, tak boleh. *We have a few project* sebelum 2008 yang sudah dibuat tapi ditinggalkan. Jadi kita kena, jadi kalau kita kata RM150 juta untuk jambatan, Yang Berhormat EXCO dan saya, akan terangkan ke mana pergi duit untuk RM150 juta tersebut. Itu sebab kita mantapkan sistem pengurusan kewangan. Jadi kita tau mana duit, mana aset, mana penggunaannya. Jadi, sebab itu lah bererti kita boleh menjamin



kepada semua ahli dewan bahawa pengurusan kewangan kita, walaupun disemak, apa, adalah mantap sebab kita pantau dia dengan rapi. Jadi, untuk itu, setiap bulan, saya memberikan kepada EXCO perkembangannya. Dan, tiap-tiap 6 bulan kita akan bentangkan kepada Dewan sebagai, untuk maklumat Ahli Dewan Negeri. Jadi, perkara yang isu yang dibangkitkan..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tambahan, tambahan sikit.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima Kasih Puan Speaker. Saya menyokong penuhlah tentang kaedah ya, pengurusan, seperti apa yang diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri, tentang zaman dulu, Barisan Nasional boros *style*. Zaman sekarang Pakatan Rakyat, jimat *style*. Jadi, saya dah dengar itu semua dengan baik, saya kagum. Tapi, walau bagaimanapun, cuma tadi saya ada mintak, kalau ada lebih itu RM10 juta, RM20 juta untuk tebatan banjir di Sri Muda, bagaimana *respond* nya. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ialah begini. Satu ialah kita tak boleh cara yang pernah kita buat ialah menyelesaikan masalah dengan *short term* maknanya tampal korek, tampal korek, kita mesti mengkaji dengan betul. Jadi oleh sebab itu saya telah minta kajian menyeluruh berapa ratus juta betul-betul kita nak buat. Dan bagai mana kita nak menyelesaikan dalam jangka panjang. Walau pun ada juga terpaksa kita buat untuk jangka pendek tetapi jangka panjang dia dibuat dengan cara lebih teratur yang dibangkitkan oleh Kg. Tunku *priorities* ah! yang mana yang perlu kita gunakan dulu. Yang kedua, yang ketiga, yang keempat. Jadi, besok kita boleh berjumpa dengan semua Pihak Berkuasa Tempatan untuk menyoal dia mana jalan yang belum yang penting yang perlu kita perbaiki. Mana parit yang kita betul-betulkan. Mana longkang atau pun yang kita perbaiki. *Sorry*. Dan juga ah! kolam tebatan banjir itu semua kita. Jadi saya tidak perlu nak bercakap panjang sebab saya dalam keadaan *handicap*. Tapi, apa yang saya hendak jawab maklum balas Sg. Burung dan Sekinchan, ok, Sekinchan membangkitkan isu tentang termenung dan kajian. Untuk makluman Dewan selepas perjumpaan ini, EXCO akan mengadakan perjumpaan untuk menentukan sama ada kita boleh ah! *table a bill* untuk kenaikan gaji semua Ahli-ahli Dewan.

Dewan bertepuk.

Tapi, dia akan dipersembahkan pada hari Isnin dan hari ini EXCO ada kajian sedang dibuat. Jadi...

**TUAN SPEAKER:** Bertenang semua. Ah! Dengkil. Minta mencelah.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ok.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF:** Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya tak dengar tadi. Yang Amat Berhormat bercakap *back dated* ke tadi. Ada ya. *Back dated* ya.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tak ada. Dia dibuat hanya untuk 1 Januari 2014. Kalau tidak kena bajet tambahan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Kalau tidak, dia gaduh lagi.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ok. Jadi, itu kita akan bincangkan dan kita harap perkara-perkara yang boleh dibangkitkan dalam perbincangan hal-hal pembangunan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Cadangan di hadapan Dewan ialah bahawa Rang Undang-undang ini hendaklah dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Rang Undang-undang ini bernama suatu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan negeri untuk perkhidmatan bagi 2014 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan tahun itu.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menangguhkan sidang dewan pada hari ini ingin saya jelaskan bahawa arahan Tuan Timbalan Speaker mengeluarkan Yang Berhormat Sg. Burung petang tadi adalah untuk hari ini sahaja mengikut peraturan tetap 44 (2). Dengan ini saya menangguhkan sesi perbahasan rang undang-undang perbekalan 2014, 2013 sehingga hari Isnin, 25 November 2013, jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**[ Dewan ditangguhkan jam 6.40 petang ]**